



PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 1477]

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18:
Insiden Kematian di Pulau Danawan [Ruangan 1531]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Filem Wayang Gambar (Penapisan) (Pindaan) [Ruangan 1534]

Rang Undang-undang Lembaga Lebuhraya Malaysia (Perbadanan) [Ruangan 1575]

Rang Undang-undang Penghitungan Semula Pencen [Ruangan 1606]

USUL-USUL:

Akta Kastam 1967—

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 18) 1979

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 19) 1979

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 20) 1979

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 21) 1979

} [Ruangan 1569]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 1575]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO HUSSEIN
ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

” Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian,
DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang
Pasu).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N.
(Segamat).

” Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH,
S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).

” Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI,
P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

” Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD
GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

” Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO' HAJI
ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K., S.S.I.J. (Tenggaroh).

” Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL
GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

” Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD,
D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

” Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGGU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ
BIN TENGGU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

” Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).

” Menteri Kewangan, Y.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K.,
P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

” Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS,
J.M.N., P.J.K. (Jelebu).

” Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu
Berendam).

” Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N.
(Jerantut).

” Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J.,
D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).

” Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN,
S.P.M.P. (Lumut).

Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungei Siput).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO' MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.L.D. (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN MAK HON KAM, J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N.,(Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bharu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IRDIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan AWAM, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.M.P.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjong Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MOHD. ALI P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).

Yang Berhormat DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).

- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungei Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ PUAN CHOW POH KHENG, S.M.S. (Ulu Langat).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN EDWARD ESNEN UNANG (Mukah).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).

Yang Berhormat DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).

- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S., (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MOHD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

Yang Berhormat **TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).**

- „ **TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).**
- „ **TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).**
- „ **TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).**
- „ **DR. TAN TIONG HONG (Kepong).**
- „ **TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).**
- „ **TUAN TING CHEK MING (Bruas).**
- „ **TUAN TING LING KIEW (Bintulu).**
- „ **TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).**
- „ **WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasar Puteh).**
- „ **WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungei Petani).**
- „ **TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).**
- „ **DATUK DR. WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).**
- „ **TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).**
- „ **PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K., (Kuala Kangsar).**
- „ **DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).**
- „ **TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).**
- „ **TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).**

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap

Penolong Penyunting: P.B. Menon

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy

Louis Yeoh Sim Ngoh

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah

Suhor bin Husin

Amran bin Ahmad

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof

Margaret Chye Kim Lian

Puan Ng Chong Kin

Puan Kong Yooi Thong

Juliah binti Awam

Supiah binti Dewak

Ismail bin Hassan

Shamsiah binti Mohd. Yusof

Kalsom bin Ghazali

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Rabu, 2hb April, 1980

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

SEKTOR RUKUN TETANGGA

1. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan berapakah Sektor Rukun Tetangga yang terdapat dalam negara ini sehingga sekarang; apakah langkah yang telah diambil bagi menggerakkan semula Sektor Rukun Tetangga yang tidak aktif dan bilakah satu Skim Insuran akan dilaksanakan bagi melindungi semua anggota Rukun Tetangga di seluruh negara.

Menteri Tak Berpottfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, sebagai menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu ingin saya menyatakan bahawa sehingga sekarang terdapat 726 sektor Rukun Tetangga di Semenanjung Malaysia. Langkah-langkah sedang diambil dengan giatnya bagi menggerakkan semula sektor Rukun Tetangga yang tidak aktif samada dengan memenuhkan jawatan-jawatan kosong di Urusetia Rukun Tetangga dengan calon-calon yang sesuai dan juga dengan mewujudkan cawangan baru iaitu Cawangan Penyelidikan dan Perancangan dan juga Cawangan Pendakwaan dan Latihan.

Tugas Cawangan Penyelidikan dan Perancangan ialah untuk membuat beberapa kajian ke atas aktiviti-aktiviti Rukun Tetangga selama ini. Kejayaan-kejayaan yang telah dicapai serta masalah-masalah yang telah timbul di dalam melaksanakan konsep Rukun Tetangga yang perlu di atasi segera.

Tuan Yang di-Pertua, Cawangan Pendakwaan dan Latihan pula menitikberatkan kepada aspek-aspek latihan sesuai diberikan

kepada Pegawai Rukun Tetangga di peringkat Urusetia dan Negeri supaya lebih berpengalaman dan berkesan untuk melaksanakan tugas-tugas mereka. Selain daripada itu, kursus-kursus juga akan diadakan untuk memberi latihan kepada Ahli-ahli Jawatan-kuasa Sektor bagi membolehkan mereka memahami konsep Rukun Tetangga dengan lebih memuaskan dan seterusnya memainkan peranan mereka dengan lebih memuaskan untuk menjayakan konsep Rukun Tetangga di peringkat sektor dan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, skim insuran bagi melindungi semua anggota-anggota Rukun Tetangga dan RELA di semua negeri telah pun dilaksanakan mula daripada 8hb Mac 1979.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri telah menerangkan beberapa langkah yang telah diambil untuk menghidupkan sektor-sektor Rukun Tetangga yang tidak aktif. Di sini saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Menteri samada beliau sedar bahawa salah satu masalah utama yang menyebabkan sektor-sektor Rukun Tetangga tidak dapat bergiat dengan aktifnya ialah oleh kerana masalah kewangan dan jika beliau sedar, saya suka bertanya samada Kerajaan bercadang untuk mengadakan satu peruntukan tahunan bagi tujuan untuk membantu sektor Rukun Tetangga.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa setengah daripada sektor tidak begitu aktif disebabkan oleh antara lain kekurangan kewangan. Maka dalam masalah ini Rukun Tetangga sedang menyusun acara untuk memohon kepada Kerajaan untuk membantu segala sektor-sektor yang tidak aktif. Tetapi walau bagaimanapun, subsidi kepada sektor-sektor yang lemah yang memerlukan wang telahpun diberi.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, sekejap tadi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengakui bahawa terdapat beberapa sektor Rukun Tetangga yang tidak aktif dan salah satu sebabnya ialah soal kewangan.

Soalan saya, selain daripada soal-soal kewangan apakah perkara-perkara lain yang boleh menyebabkan sektor-sektor Rukun Tetangga tersebut tidak aktif walaupun mulanya ianya ditubuhkan sektor-sektor tersebut begitu aktif sekali.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, bukan semua sektor itu lemah (inactive), ada beberapa sahaja sektor yang lemah tetapi ini bergantunglah kepada minat orang-orang yang menjalankan tugas itu kerana ini adalah satu tugas sukar difahami kepada setengah-setengah orang.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari penjelasan Yang Berhormat Menteri ada menerangkan ada terdapat sebahagian sektor yang tidak aktif dan langkah telah diambil untuk mengemaskannya. Saya ingin tahu adakah Yang Berhormat Menteri sedar salah satu daripada faktor kelemahan ini, saya difahamkan, adanya terdapat setengah-setengah masyarakat di dalam bandar apabila tiba giliran mereka bertugas, mereka tidak bertugas dan menyuruh pekerja-pekerja mereka menggantikan tempat mereka. Jika Yang Berhormat Menteri sedar, apakah tindakan yang diambil terhadap keadaan ini?

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, kita ada undang-undang dan peraturan untuk mengambil tindakan kepada orang-orang yang sengaja tidak menjalankan tugas.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, jika tak salah saya, saya masih ingat beberapa bulan yang lalu Yang Berhormat Menteri pun telah berkata bahawa Kerajaan sedang menimbangkan supaya Wakil Rakyat dikecualikan untuk bertugas dalam Rukun Tetangga ini. Apakah keputusan itu?

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, ini sedang dalam pertimbangan.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri sama ada beliau sedar bahawa setengah-setengah sektor Rukun Tetangga tidak relevan kepada keadaan di tempat itu, ada kawasan-kawasan yang biasanya aman dan tidak memerlukan pengawasan Rukun Tetangga cukup dengan hanya Balai Polis yang ada di situ sahaja dan kerana itu menyebabkan orang-orang yang terlibat dalam Rukun Tetangga itu tidak berminat dalam kerjanya. Adakah pihak Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan mengkaji sektor-sektor ini supaya ditutup sahaja daripada membazirkan masa dan tenaga?

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya maklumkan sekejap tadi kepada Dewan ini sekiranya ada dengan sengaja orang-orang yang terlibat dalam Rukun Tetangga ini tidak menjalankan tugasnya, akan diambil perhatian, dikaji dan akan diambil tindakan mengikut undang-undang.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai tugas ahli-ahli Rukun Tetangga saya suka bertanya sama ada pihak yang berkenaan bercadang untuk melancarkan satu skim untuk melibatkan ahli-ahli Rukun Tetangga di dalam kerja kemasyarakatan selain daripada dikehendaki menjalankan rondaan bagi tujuan untuk mencegah jenayah dan lain-lainnya.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, ada rancangan-rancangan yang lain selain daripada ahli Rukun Tetangga menjalankan tugas rondaan untuk memberi khidmat kepada masyarakat.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais: Soalan tambahan, Tuan Speaker. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tadi ada mengatakan ahli-ahli Rukun Tetangga ini diberi latihan, apakah latihan yang diberi kepada ahli-ahli yang tersebut?

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, latihan itu merupakan menjaga keselamatan, itu yang penting sekali.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri tadi tak jawab soalan saya. Soalan saya ialah sama ada beliau sedar bahawa setengah-setengah sektor itu tidak relevant kepada keadaan setempat itu dan sama ada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan mengkaji tempat-tempat ini mana yang didapati tidak perlu ditutup sahaja.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, memang kalau berlaku perkara seumpama itu Rukun Tetangga akan mengkaji untuk membetulkannya.

RUMAH-RUMAH KEPADA BUMIPUTRA—PEMBELIAN

2. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah beliau sedar bahawa kuota yang diperuntukkan kepada bumiputra oleh pemaju-pemaju perumahan terutama di Wilayah Persekutuan dan Selangor, telah tidak dipenuhi bahkan mengatakan "sudah habis" dan dikenakan pendahuluan 20% dan lain-lain syarat yang menyusahkan dan menjadikan bumiputra tidak mampu dan tawar hati untuk membelinya. Jika sedar, apakah langkah berkesan yang akan dijalankan bagi menolong bumiputra mendapat rumah dan memenuhi kuota yang diperuntukkan itu.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar bahawa pembelian rumah-rumah daripada bumiputra khasnya bagi kawasan Wilayah Persekutuan dan Selangor adalah kurang memuaskan dan bagi beberapa projek adalah kurang daripada kuota yang telah ditetapkan. Setakat ini Kementerian saya tidak mengawal untuk mengenakan apa-apa syarat atau mengambil apa-apa langkah dalam hal ini oleh kerana syarat memperuntukkan yunit-yunit rumah kepada bumiputra adalah dikendalikan oleh Kerajaan Negeri dan dengan itu memadailah dengan pihak Kerajaan-kerajaan Negeri yang mengenakan syarat-syarat tersebut untuk mengambil apa-apa langkah yang perlu dan sesuai.

Kekurangan pembeli-pembeli daripada bumiputra hasil daripada sebab-sebab yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak dapat dipastikan dengan tepatnya walaupun Kementerian saya ada menerima aduan-aduan daripada pembeli-pembeli khasnya bagi projek-projek di Wilayah Persekutuan dan Selangor yang menyatakan rumah-rumah yang diperuntukkan untuk bumiputra telah habis dijual dan sebagainya. Kementerian saya sukacita sekiranya Ahli Yang Berhormat dapat mengemukakan nama-nama pemaju dan bukti-bukti yang lengkap yang telah menyeleweng daripada polisi Kerajaan ini kepada Kementerian saya untuk dibuat siasatan yang sewajarnya.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa peranan untuk bumiputra adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri. Sebenarnya penyusunan semula masyarakat Malaysia melibatkan pembinaan rumah-rumah kediaman rakyat. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah Kementerian beliau mempunyai rancangan yang lebih agresif bagaimana;

- (1) rumah-rumah yang tidak diambil oleh bumiputra diarahkan oleh Kementerian beliau kepada Kerajaan Negeri supaya diambil; dan
- (2) apakah rumah-rumah yang telah didirikan itu benar-benar dijalankan selaras dengan penyusunan semula masyarakat Malaysia?

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan Kementerian saya dan Kerajaan Negeri, Kementerian saya hanya memberi lesen kepada pemaju-pemaju perumahan dan Kerajaan Negeri sudah pun menguntukkan supaya menukar syarat-syarat tanah, pecah sempadan dan sebagainya yang mana apa syarat-syarat yang dikehendaki kepada pemaju ini hendaklah ditentukan oleh Kerajaan Negeri sepertimana yang telah saya sebutkan dalam jawapan saya tadi itu.

Yang kedua mengenai rumah-rumah yang mana tidak habis diambil apakah langkah yang agresif oleh Kementerian saya. Perkara ini dalam kajian Kementerian saya dan

Kementerian saya akan menasihati negeri-negeri supaya negeri-negeri ini mengambil rumah-rumah itu dan rumah-rumah itu akan pula dijual atau diberi kepada bumiputra.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah beliau sedar bahawa peruntukan perumahan oleh pemaju kepada bumiputra yang diedarkan melalui Dewan Bandaraya tidak dipenuhi dan diserahkan balik kepada pihak pemaju perumahan, ini ada buktinya. Jadi apakah pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan minta supaya Dewan Bandaraya mengiklankan rumah-rumah yang diperuntukkan kepada bumiputra itu dan kalau boleh harganya dikurangkan beberapa peratus daripada harga yang ditawarkan kepada umum.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan asal daripada Yang Berhormat juga ialah mengenai negeri Selangor, ini sekarang pindah kepada Wilayah pula melainkan kalau ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar perkara itu.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dalam soalan saya ada saya sebut Wilayah dan Selangor.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, bolehlah Yang Berhormat menjawab.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, adapun masalah ini mengenai dengan rumah-rumah yang dalam bandar adalah menjadi rumit sebab rumah dalam bandar ini biasanya sentiasa Kementerian saya hendakkan harga rumah itu direndahkan sehingga ke \$20,000 satu unit tetapi dalam masalah harga tanah, harga buruh, harga pengangkutan yang tinggi dalam bandar ini tidak dapat. Walau bagaimanapun, Kementerian Wilayah Persekutuan sedang merancang untuk mendirikan banyak rumah-rumah awam kos rendah yang mampu dibeli oleh bumiputra, disebalik bumiputra yang tidak dapat hendak beli rumah-rumah itu sepertimana yang saya telah katakan dalam jawapan tadi adalah di bawah bidang kuasa Wilayah Persekutuan sendiri untuk mengambil langkah-langkah yang positif dan perlu bagi mengatasi masalah ini.

Tuan Mohamed Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa lesen-lesen pemaju dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengikut satu-satu kawasan perumahan yang dimajukan oleh pihak pemaju, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada Kementerian ini mempunyai rancangan ini masa-masa yang akan datang, iaitu untuk menyasarkan kepada pemaju-pemaju yang memohon lesen kepada Kementerian ini supaya sekurang-kurangnya 30% daripada rumah-rumah yang didirikan di atas kawasan-kawasan perumahan itu mestilah rumah-rumah yang mampu dibeli oleh bumiputra dan bukan misalnya seperti sekarang ini rumah teres berderet pun harganya \$100,000 yang sudah tentu tidak mampu dibeli oleh bumiputra. Jadi saya ingin bertanya sama ada wujud rancangan ini di pihak Kementerian.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, ada rancangan itu bagi pihak Kementerian dan pihak Kementerian khasnya saya telah memberitahu kepada semua Kerajaan-kerajaan Negeri iaitu apabila pemaju-pemaju perumahan meminta hendak menukar syarat tanah dan juga untuk membuat pecah sempadan kuasa-kuasa Kerajaan Negeri boleh menentukan peratusan harga rumah yang mampu dibeli oleh bumiputra.

KELEWATAN PENYERAHAN SURAT-SURAT

3. Tuan Alias bin Md. Ali minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar keadaan yang amat serious berlaku dalam urusan pengiriman surat terutama pada musim-musim perayaan hingga ada surat-surat dalam negeri mengambil masa 3 minggu untuk tiba. Kiranya sedar adakah Kementerian bercadang hendak menyusun semula sistem pos yang ada sekarang untuk meninggikan lagi kecekapannya.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang di-Pertua, seperti yang diketahui oleh Ahli Yang Berhormat kelewatan dalam penyerahan bagi sebilangan kecil daripada kad-kad ucap selamat yang diposkan semasa musim-musim perayaan adalah tidak dapat dielakkan. Kadar pertambahan kad-kad ucap selamat hari-hari perayaan yang diposkan ialah lebih

kurang 30-35% setahun dan ini merupakan satu kadar yang agak tinggi. Tambahan pula, sebilangan besar kad-kad tersebut diposkan selepas tarikh akhir yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Pos untuk mengepos kad-kad ini sebelum sesuatu hari perayaan. Untuk memastikan kad-kad ini disampaikan sebelum sesuatu hari perayaan, Kementerian saya telahpun mengambil beberapa langkah yang wajar, umpamanya mengambil kakitangan sambilan tambahan dan meminta kakitangan biasa bertugas lebih masa termasuk hari-hari kelepasan minggu.

Adalah terlalu luarbiasa bagi mel-mel tempatan mengambil masa selama 3 minggu untuk disampaikan selepas tarikh diposkan dan sekiranya perkara ini benar-benar berlaku rayuan tertentu haruslah dibuat supaya pihak Jabatan Perkhidmatan Pos dapat menyasat kes-kes ini untuk mengenalkan sebab-sebab yang sebenar perkara ini berlaku.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kes tiga minggu yang saya sebutkan tadi sebenarnya berlaku ke atas kad yang dikirim oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Jadi, saya membuat kesimpulan kalau rakyat biasa yang mengirimmkannya dalam masa Hari Raya barangkali lebih daripada itu. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya selanjutnya kepada pihak Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sama ada selain daripada tambahan kakitangan beliau bermaksud hendak membeli equipment yang lebih sofistikated, yang lebih moden dan mengirim pegawai-pegawai kita pergi melihat sistem yang dijalankan di luar negeri terutama di negeri-negeri yang lebih maju dan lebih efficient dalam pengiriman posnya.

Tuan Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang pertama itu tadi, soalan yang sedemikian sudah dikemukakan kepada Dewan ini semasa sidang Parlimen yang lepas. Jawapan yang tertentu sudah juga dilakukan.

Bagi menjawab soalan yang kedua, memang benar Jabatan Perkhidmatan Pos sentiasa mengambil langkah untuk memperkemaskan alat-alat dan pentadbirannya untuk menentukan bahawa perkhidmatan itu terus berlaku dengan memuaskan.

Sebagaimana yang saya sebutkan tadi keadaan yang kadangkala kelewatan penyerahan mel-mel yang tertentu itu biasanya tidak mengambil masa yang terlewat mungkin seperti yang disebut oleh Yang Berhormat. Ini adalah keadaan yang berlaku luar biasa sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi satu yang paling menarik perhatian Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu ini jangan percaya sangat tarikh di dalam surat itu—cap di luarnya itu. Kadang-kadang di dalam surat itu lebih terawal tetapi diposkan beberapa hari setelah itu supaya tidak ada tambah-tambah lagi berkenaan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Maran,

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebenarnya kelewatan menyampaikan surat-surat ini bukan sahaja kad-kad Tahun Baru kerana kalau kad Tahun Baru ini lambat sampai ini kita semua boleh faham. Tetapi apa yang mendukacitakan ialah sama ada Menteri sedar kadang-kadang telegram di atas kematian di kawasan saya, misalnya di kawasan Jengka Tiga Segi, sampai orang itu ditanam telegram baru sampai. Seminggu, dua minggu dan yang dukacitanya posmen ini tidak menyampaikan telegram ini kepada orang yang berkenaan tetapi hanya meninggalkan di Wakil Pos dan Wakil Pos pula tidak mahu menghantar surat itu. Pendek kata kalau orang itu datang ke Wakil Pos barulah dia menerima telegramnya.

Saya juga telah membawa perkara ini ke Kementerian semasa Menteri dahulu tetapi tidak ada tindakan. Jadi saya harap Menteri sekarang ini tentu ada menyimpan fail-fail itu lagi. Saya ingin mengetahui sungguhpun soalan ini specific, apakah tindakan Menteri mengenai dengan masalah khususnya di Jengka Tiga Segi?

Tuan Yang di-Pertua: Ini telegram baru pula atau telegram dahulu juga semasa Yang Berhormat Menteri dahulu.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Ini

Tuan Yang di-Pertua: Yang dahulu juga. Kalau dahulu tidak usahlah bawa lagi.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Saya sudah membuat pengaduan tetapi tidak ada sebarang tindakan hingga ke hari ini semua surat-surat lambat, semua telegram tidak disampaikan melainkan tinggal di Wakil Pos sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Kena cuba lagi, hantar satu telegram baru pula (*Ketawa*).

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Ini telegram kematian, bukan telegram kepada Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak, cuba menghantar telegram kepada Yang Berhormat di sana, cuba berapa hari pula diterima.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Jadi, adakah apa-apa tindakan pihak Menteri?

Tuan Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini nampaknya berlainan sedikit dari soalan yang asal tetapi untuk memberi penjelasan sedikit telegram-telegram yang diterima memang terus dihantarkan dan jika telegram itu dialamatkan ke bandar-bandar yang ada telefon sebelum kita menghantar pucuk telegram itu, pegawai-pegawai terus menelefon, tetapi memang ada tempat-tempat yang jauh dari tempat yang biasa yang tidak dapat dilawati mungkin ada kadangkala berlaku kelewatan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, perkara-perkara ini memang sentiasa diambil perhatian dan kita akan menyelesaikan satu persatu kes itu.

PERKHIDMATAN TELEFON DAN BEKALAN ELEKTRIK

4. Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bahawa apakah langkah-langkah yang berkenaan untuk memperbaiki perkhidmatan telefon dan bekalan elektrik umpamanya orang ramai selalu mengadu bil-bil telefon mencatit angka dan bayaran yang tinggi, permohonan telefon perlu menunggu bertahun-tahun dan bekalan elektrik selalu terganggu atau permohonan elektrik tidak dilayani seperti satu kes yang berlaku di kawasan perusahaan di Yap Tau Sah, Kluang, Johor, yang melibatkan 70 buah kilang.

Tuan Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sentiasa berusaha dengan sedaya upaya untuk memperbaiki perkhidmatan telefon serta bekalan elektrik kepada orang ramai. Bagi memperbaiki lagi perkhidmatan telefon di negara ini beberapa langkah yang berkesan sedang dan akan diambil. Umpamanya, bagi mengatasi aduan mengenai bil-bil telefon, Jabatan Telekom telah memasang alat-alat "call charge verification" di beberapa tempat untuk mengesan serta menganalisis aduan-aduan meter dengan secara automatik.

Mengenai kelambatan pemasangan telefon, suka juga saya menyatakan bahawa tidak semua permintaan telefon dapat dilayani dalam jangkamasa yang sama kerana ini adalah bergantung kepada keupayaan ibusawat serta talian kabel yang ada. Jika keupayaan ibusawat serta talian kabel membenarkan permintaan mereka akan dilayani dengan segera.

Mengenai gangguan bekalan elektrik yang berlaku dari masa ke semasa, suka saya menyatakan bahawa ini adalah sangat umum dan sebab-sebabnya adalah berbagai-bagai. Gangguan bekalan boleh disebabkan kerana kekurangan kuasa penjanaaan, kerana kekurangan air di stesyen janaelektrik haidero ataupun kerosakan loji-loji penjanaaan kuasa. Gangguan juga boleh berlaku kerana keupayaan di dalam sistem pembahagian tidak mencukupi. Gangguan boleh juga disebabkan oleh sistem pembahagian elektrik di panah petir, ataupun kabel-kabel terputus kerana ditimpa oleh pokok atau sebagainya.

Untuk mengatasi masalah-masalah yang tersebut di atas, L.L.N. sedang merancang beberapa stesyen penjanaaan baru seperti di Pasir Gudang, Pelabuhan Kelang, Stesyen Haidero-elektrik Trengganu, Bersia dan Kenering serta menambahkan keupayaan di stesyen penjanaaan Prai untuk memperkukuhkan keadaan penjanaaan kuasa di Semenanjung Malaysia. L.L.N. sedang juga membuat rancangan untuk mengadakan beberapa pencawang masuk utama yang besar serta memasangkan talian-talian yang kukuh daripada stesyen-stesyen utama supaya bekalan elektrik yang lebih memuaskan dapat dinikmati oleh orang ramai.

Soal tentang permohonan elektrik yang tidak dilayani pula seperti satu kes yang berlaku di Yap Tau Sah, Kluang, Johor, yang meliputi 70 buah kilang, suka saya menegaskan bahawa perkara ini telah dibangkitkan dahulu oleh beberapa pihak termasuk Gabungan Dewan-dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia. Suka juga saya menegaskan bahawa setakat ini L.L.N. hanya menerima dua (2) permohonan daripada para pengilang di sana dan terdapat lima (5) lagi yang masih belum membuat permohonan; jadi, 70 buah kilang yang dikatakan itu tidaklah betul. Mungkin 7 buah sahaja.

Tuan Chan Teck Chan: Untuk melicinkan sistem pentadbiran L.L.N. untuk pengguna-pengguna boleh memperolehi bekalan letrik adakah beliau akan menimbang untuk mengadakan satu peraturan yang baru untuk meminta orang ramai membayar contribution kepada sub-station yang dibina. Ini satu peraturan baru yang sangat membimbangkan pengguna-pengguna khususnya di kawasan industri atau perumahan.

Tuan Leo Moggie anak Irok: Mengikut peraturan yang ada sekarang apabila permohonan-permohonan ini diterima untuk mengguna kuasa elektrik memang biasanya pemohon-pemohon itu diminta membayar contribution kepada L.L.N. Jadi perkara polisi ini telah berlaku dan tidak pernah menimbulkan kesusahan kepada pengguna. Jadi kita pada masa sekarang tidak ber-cadang mengubahnya.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai dengan bil-bil telefon yang mencatat angka dan bayaran tinggi dalam soal ini, saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Menteri sama ada beliau sedar bahawa ada tuduhan mengatakan ada sindiket di dalam Telekom yang meletakkan bayaran itu kepada bil-bil orang lain. Saya beri misal kalau ada seorang pengguna itu menggunakan telefon yang dikenakan bayaran hingga \$2,000 hingga \$3,000 maka sindiket ini akan memberikan jumlah itu kepada beberapa bil yang tidak dapat diketahui oleh mereka yang kena guna itu. Jadi adakah Menteri sedar, dan kalau sedar, adakah penyiasatan mengenai perkara itu?

Tuan Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, kita memang juga biasa membaca dalam suratkhbar dan mendengar perkara yang berlaku seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, tetapi setakat ini kita tidak ada mempunyai keterangan yang betul untuk menunjukkan perkara seperti itu berlaku. Jika kita menerima aduan siasatan yang benar-benar memang akan dijalankan.

Tuan Lee Kaw: Saya hendak mendapat tahu daripada Menteri berkenaan mengenai dasar untuk pengguna baru dikenakan bayaran contribution, jika kilang-kilang sudah dibina di situ tetapi L.L.N. tidak beri cukup kuasa di kawasan itu oleh sebab sub-station itu sudah begitu lama atau tidak cukup kuasa, dan kilang-kilang itu tidak cukup bekalan eletrik. Jika dasar Kerajaan untuk promote industri mesti beri sub-station dan beri cukup bekalan eletrik kepada kawasan perindustrian itu?

Tuan Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, biasanya industri-industri yang dilaku atau ditubuhkan memang sebelum pihak swasta itu menubuhkan industri itu siasatan telah dijalankan bahawa mereka berpuas hati beberapa kemudahan termasuk juga kemudahan bekalan eletrik. Mungkin perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu menyentuh soal kedudukan di Yap Tau Sah di Keluang Johor. Jadi mengikut penjelasan yang saya terima dari L.L.N. ialah pihak-pihak pemohon di kawasan itu enggan membayar contribution mereka yang diperlukan oleh L.L.N. untuk mendirikan pencawang-pencawang yang diperlukan oleh kerana perkara ini berlaku telah menyebabkan kelewatan-kelewatan kita menjanakan kuasa eletrik di tempat tersebut. Mungkin juga saya boleh merayu kepada Ahli Yang Berhormat untuk menolong L.L.N. dan mereka yang duduk di tempat itu memberi sokongan bahawa mereka bersetuju membayar sumbangan dengan secepat mungkin untuk menetapkan kita mendapat menjanakan kuasa eletrik di tempat itu dengan seberapa segera.

PROJEK BELIANIAGA/PELADANG— PROJEK EKONOMI

5. Tuan Haji Ibrahim bin Muhammad minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sejauhmanakah kesan yang telah diperolehi terhadap pelaksanaan projek Belianiaga dan Projek Belia Peladang yang telah dijalankan sehingga ini terhadap ekonomi kaum belia. Dan apakah masalah besar yang dihadapi dan perlu diatasi bagi menjamin projek-projek tersebut beroleh kejayaan.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Chin Hon Ngian): Tuan Yang di-Pertua, semenjak Kementerian ini menjalankan program projek Belia Peladang pada tahun 1972 dan rancangan belianiaga pada tahun 1976 sambutan yang didapati memberi kesan yang menggalakkan, terutama apabila dipandang dari segi bilangan projek dan bilangan belia yang melibatkan diri mereka dalam lapangan-lapangan yang berkenaan.

Umpamanya, daripada tahun 1972 sehingga tahun 1979 bilangan projek belia peladang berjumlah 2,068 dan bilangan belia yang terlibat terus-menerus berjumlah 12,581 orang dan daripada tahun 1976 sehingga 1979 bilangan projek belianiaga berjumlah 681 projek manakala bilangan penyertaan berjumlah seramai 1,056 orang. Tidak ada masalah-masalah besar yang dihadapi di dalam rancangan-rancangan ini melainkan bagi rancangan belia peladang hanya masalah pemasaran sahaja, tetapi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama agensi-agensi Kerajaan yang lain sedang berusaha untuk mengatasinya.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan Timbalan Menteri sekejap tadi rancangan belia peladang dimulakan pada tahun 1972 dan rancangan belianiaga dimulakan pada tahun 1976 dan daripada angka-angka yang beliau berikan tadi jelas bahawa usaha-usaha telah dijalankan oleh pihak Kementerian beliau dalam soal ini dengan begitu baik dan di samping itu saya ingin bertanya sama ada beliau sedar bahawa terdapat pada setengah-setengah negeri peruntukan yang dikeluarkan oleh Kementerian beliau mengenai rancangan belia peladang dan juga rancangan belianiaga tidak dapat dihabiskan peruntukannya. Soalan saya kedua kenapakah wang-wang tersebut tidak dapat dihabiskan?

Datuk Chin Hon Ngian: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini timbul barangkali ada beberapa sebab, sebab yang pertama tidak perlu mengadakan projek di negeri-negeri tersebut dan sebab yang kedua belia-belia di tempat yang berkenaan tidak memerlukan projek itu. Tentang peruntukan yang belum dihabiskan barangkali ini juga disebabkan kerana perbelanjaan projek-projek itu tidak memakan satu jumlah perbelanjaan yang besar. Itu antara lain boleh jadi sebab sebenarnya.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa kebanyakan projek-projek Belianiaga dan Belia Peladang ini hanya menguntungkan pihak Kementerian sahaja yang mana pihak Kementerian boleh berbangga bahawa sekian-sekian jumlah projek telahpun diluluskan dengan sekian-sekian peruntukan. Tetapi jikalau kita tinjau projek-projek ini ke kawasan-kawasan projek itu kita dapati bahawa projek-projek ini tidak memberi keuntungan kepada belia-belia yang menjalankan projek-projek itu sendiri. Jadi soalan saya ialah berapa peratuskah daripada projek-projek ini yang telah berjaya?

Kedua, adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengwujudkan di tiap-tiap buah negeri satu projek contoh Belia Peladang dan Belianiaga untuk menjadi inspirasi kepada belia-belia di negeri-negeri tersebut?

Datuk Chin Hon Ngian: Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan yang pertama tidak menasabahlah tuduhan itu mengatakan Kementerian ini yang untung sahaja. Sebenarnya banyak belia-belia yang terlibat dalam rancangan yang saya sebutkan tadi telahpun mendapat faedah yang besar.

Berkenaan dengan soalan kedua, kita akan pertimbangkan.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, daripada apa yang saya difahamkan bahawa peruntukan terhadap Belia Peladang adalah diberi secara percuma kepada belia-belia berkenaan manakala peruntukan kepada Belianiaga adalah diberi secara pinjaman. Soalan saya adakah pihak Kementerian berkenaan hendak menimbangkan supaya kedua-dua rancangan ini diberi peruntukan secara terus tidak payah dikutip kembali?

Datuk Chin Hon Ngian: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya untuk digunakan peruntukan-peruntukannya permohonan mesti dibuat dan mesti memenuhi syarat-syarat tertentu.

BAJA SUBSIDI

6. Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali minta Menteri Pertanian menyatakan adakah beliau sedar bahawa Kementerian beliau berlaku cuai dalam mana baja campuran subsidi telah tidak diperiksa sebelum diedar kepada petani-petani yang mana tiap-tiap satu beg dicampur tidak kurang lima kati pasir dan baja urea pula yang kurang mutunya dan kurang timbangannya. Jika sedar nyatakan langkah-langkah untuk membaiki keadaan ini.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, tidak ada kecuaiian berlaku di dalam pembekalan baja-baja subsidi. Sebelum baja-baja subsidi dibekalkan kepada petani-petani pemeriksaan secara saintifik telah dilakukan di gudang dan di tempat-tempat hantaran untuk memastikan baja-baja itu mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan, ini termasuklah baja urea. Jika didapati berat baja yang dibekalkan tidak mencukupi maka pihak Lembaga Pertubuhan Peladang yang bertanggungjawab dalam pengedaran akan memulangkan balik kesemua baja yang dibekalkan kepada pembekal supaya diganti dengan bekalan yang lain yang cukup timbangannya.

Adalah tidak benar bahawa pasir dicampur dalam baja. Sebenarnya ia adalah satu daripada component baja campuran iaitu rock phosphate yang mengandungi unsur kepasiran. Apabila dihancurkan untuk dicampurkan dengan component-component lain bagi menghasilkan baja campuran, kajian menunjukkan unsur kepasiran itu tidak menjejaskan tahap berat makanan pokok padi. Walau bagaimanapun Kementerian Pertanian sedang menimbang bagi menukar jenis baja campuran ini kepada baja compound untuk mengekalkan salah sangka tersebut.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, baja campuran pasir ini telah menjadi isu besar dalam negara kita sehingga boleh menjejaskan nama baik Kementerian yang telah memberikan bantuan kepada petani. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah

tindakan telah dibuat untuk melaporkan perkara ini kepada pihak Polis ataupun yang berkuasa lainnya supaya tindakan dapat diambil dengan segera terutama kepada orang-orang yang menyebarkan fikiran campuran baja dengan pasir kerana cara ini kalau dibiarkan maka semakin selalu sangat digunakan untuk kepentingan mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Soal bertanya sudah cukup, tidak payah tambahan.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: dan saya ingin bertanya apakah tindakan yang telah dibuat dalam perkara ini supaya mengambil tindakan yang keras dan berkesan.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya tidak sedar sama ada perkara ini berlaku atau tidak. Jikalau ada orang yang diketahui menjalankan atau mengeluarkan khabar-khabar angin itu Kementerian kita akan bertindak.

GURU-GURU KONTREK BERKHIDMAT DI SABAH

7. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar lebih kurang 200 orang guru-guru kontrek dari Semenanjung Malaysia yang telah bertugas di Sabah selama lima tahun ditawarkan dan mereka telah menerima tawaran untuk membuat pilihan (opt) untuk memasuki perkhidmatan pelajaran Kerajaan yang akan membolehkan mereka meneruskan perkhidmatan perguruan mereka "dengan tidak menjejaskan kedudukan perkhidmatan mereka" selepas bertugas lima tahun di Sabah (melalui Pekeliling bertarikh 15hb Februari, 1977 yang ditandatangani oleh Encik A. Kow Yin Kong bagi pihak Pengarah Pelajaran Sabah);
- (b) mengapa guru-guru berkenaan yang balik ke Semenanjung Malaysia ditawarkan perlantikan sebagai guru-guru tetapi perkhidmatan mereka selama lima tahun di Sabah tidak diambil kira;
- (c) sama ada Kerajaan akan mengambil tindakan sertamerta untuk mengembalikkan kepada guru-guru tersebut

perkhidmatan lima tahun mereka itu serta juga membayarkan mereka tunggakan-tunggakan gaji Laporan Jawatan-kuasa Kabinet.

Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan;

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya sedar akan perkara yang dibangkitkan itu. Tawaran untuk membuat pilihan itu telah dikeluarkan oleh Jabatan Pelajaran Sabah berikutan dari keputusan Kerajaan Negeri Sabah untuk melantik guru-guru kontrak dari Semenanjung Malaysia yang berkhidmat di Sabah selama 5 tahun sebagai Pegawai Perkhidmatan Pelajaran Sabah mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1973 (Laporan Aziz).
- (b) Sama ada perkhidmatan mereka selama 5 tahun di Sabah akan diambil kira atau tidak belum lagi diputuskan buat masa ini kerana terdapat beberapa masalah yang masih belum lagi dapat diselesaikan. Walau bagaimanapun, perkara ini sedang diambil tindakan oleh Kementerian ini dengan Jabatan-jabatan yang berkenaan.
- (c) Seperti yang dijelaskan di atas, perkara ini adalah sedang di dalam kajian dan tindakan sedang diambil oleh Kementerian saya dengan Jabatan-jabatan yang berkenaan. Walau bagaimanapun ianya dijangka akan memakan sedikit masa lagi dan tidaklah boleh dilakukan dengan serta-merta. Berkenaan tunggakan-tunggakan gaji Laporan Jawatan-kuasa Kabinet bagi guru-guru tersebut, sukalah dinyatakan bahawa Jabatan Pelajaran Sabah telahpun menghubungi guru-guru yang terlibat dan pembayaran tunggakan-tunggakan tersebut telahpun dibuat mengikut tarikh yang ditetapkan bagi tiap-tiap negeri mulai daripada 14-3-1980 sehingga 25-3-1980 di Jabatan-jabatan Pelajaran Negeri di Semenanjung. Perkara ini telahpun disiarkan di dalam akhbar-akhbar tempatan baru-baru ini.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini sama ada tawaran yang dibuat kepada guru-guru tersebut bahawa mereka akan boleh memasuki perkhidmatan Federal satu tawaran dibuat dengan persetujuan dan kebenaran daripada Kementerian atau Kerajaan Federal, ya atau tidak.

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, jawapannya tidak setakat ini, oleh sebab soalan ini masih dikaji lagi.

PENYELUDUPAN BIJIH TIMAH

8. Puan Yong Fatimah binti Razali minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapakah kes-kes penyeludupan bijih timah dari negeri ini keluar yang telah didakwa di mahkamah dalam tahun 1979; dan
- (b) berapakah anggaran kerugian Kerajaan melalui pengelakan cukai jika penyeludupan ini tidak dikawal.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mak Hon Kam): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) sebanyak 140 kes-kes penyeludupan bijih timah dari negeri ini ke luar negeri telah didakwa di Mahkamah dalam tahun 1979;
- (b) adalah sukar bagi menganggarkan kerugian Kerajaan melalui pengelakan cukai sekiranya penyeludupan tidak dikawal.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri iaitu apakah langkah-langkah tegas yang akan diambil oleh Kerajaan dalam menyekat penyeludupan bijih timah ke Singapura dan ke lain-lain negeri? Nampaknya semakin sehari semakin galak penyeludup-penyeludup ini menyeludupkan bijih timah melalui jalan laut dan jalan darat. Mungkin denda-denda yang dikenakan sekarang ini kurang berkesan, jadi apakah tindakan yang lebih berkesan untuk menyekat penyeludupan itu.

Tuan Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan adalah seperti berikut:

- (i) melarangkan pengangkutan bijih timah tanpa surat kebenaran atau permit yang dikeluarkan oleh Merinyu Kanan Galian;
- (ii) menaikkan bayaran hadiah kepada mereka yang memberi makluman mengenai penyeludupan bijih timah;
- (iii) memperkuatkan Bahagian Mencegah Penyeludupan dengan menambahkan kakitangan dan juga kelengkapan untuk rondaan darat dan laut.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, adakah salah satu langkah yang berkesan Kerajaan bercadang hendak ambil, mana-mana lori yang terlibat dengan penyeludupan ini ditahan lesennya ataupun road taxnya, jangan dibenarkan berjalan selama setahun atau digantung supaya ini dapat menahan daripada penyeludupan itu berlaku dengan berleluasa?

Tuan Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, jika ada lori yang didapati melakukan penyeludupan, lesen lori itu adalah ditahan.

BEKALAN AIR DI SELURUH NEGARA

9. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan adakah Kementerian ini sedar bahawa di negara kita didapati selalu kekurangan air di musim kemarau dan jika sedar, tidakkah Kementerian ini akan mengadakan badan perunding untuk membuat kajian di dalam maupun di luar negeri untuk mengatasi masalah ini.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telah dibangkitkan dahulu dan jawapannya adalah sama seperti apa yang saya telah berikan dalam Dewan ini pada 19hb Mac, 1980 ketika menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Pelabuhan Kelang, Tuan V. Govindaraj.

Tuan Lee Lam Thye: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar pun hendak bertanya lagi?

Tuan Lee Lam Thye: Oleh sebab ada berkaitan dengan musim tengkujuh sekarang, saya ingin bertanya sama ada Yang Berhormat Menteri sedar bahawa pada masa sekarang hujan turun pada tiap-tiap hari. Jika beliau sedar, sama ada beliau boleh menggunakan jasa baiknya untuk berhubung dengan Jabatan Kerja Air Selangor supaya dapat membatalkan catuan air?

Dato S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya minta ulang balik, saya tidak dengar.

Tuan Yang di-Pertua: Sila ulang sekali lagi.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, tadi saya ada bertanya sama ada Menteri sedar bahawa pada masa sekarang didapati hujan turun pada tiap-tiap hari dan jika beliau sedar sama ada beliau dapat menggunakan jasa baiknya supaya berhubung dengan Jabatan Kerja Air Selangor dengan tujuan membatalkan catuan air yang sedang dilaksanakan sekarang?

Dato S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya ada mengambil perhatian.

PEMBEDAHAN MAYAT ORANG ISLAM

10. Tuan Yusof bin Malim Kuning minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah beliau sedar, bahawa "Pembedahan Mayat" orang-orang Islam, adalah satu amalan yang haram dan jika sedar adakah Kerajaan bercadang mengecualikan daripada pembedahan mayat-mayat orang Islam dan digantikan dengan cara yang lain.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum pembedahan mayat (post-mortem) adalah lazim dijalankan atas kehendak undang-undang negara ini bagi kes-kes yang tertentu seperti kematian disebabkan perbuatan jenayah atau kecemasan dan kes yang bercorak "Medico-legal". Ini adalah dibuat

atas kepentingan keadilan dan untuk menentukkan sebab-sebab kematian dan Pegawai Perubatan terpaksa melakukannya atas arahan pihak Polis yang berkuasa di bawah Kanun Acara Jenayah (Criminal Procedure Code). Dengan demikian, Kementerian ini tidak ada kuasa untuk mengecualikannya dan pada masa ini tidak ada cara lain untuk menggantikan "post-mortem" untuk tujuan tersebut. Saya tidaklah dapat memberi fatwa sama ada perbuatan ini haram pada orang-orang Islam. Ini terserahlah kepada pihak berkuasa yang tertentu.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang hendak berunding dengan pihak Polis, pihak Majlis Hal Ehwal Ugama Islam Negeri dan Majlis Fatwa Hal Ehwal Ugama di peringkat Kebangsaan supaya satu rumusan yang memuaskan dapat dicapai dalam masalah pembedahan mayat (post-mortem) terhadap mayat-mayat orang Islam?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya akan kemukakan perkara ini kepada Yang Berhormat Menteri untuk diambil perhatian dan tindakan.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menerangkan tidak ada jalan lain, saya ingin mendapat penjelasan adakah post-mortem ini mesti dibedah kepada perut sahaja, sebab kadang-kadang kematian yang berlaku disebabkan kemalangan, patah di kaki, tangan dan kepala. Sepatutnya tempat yang luka itu sahaja yang dibedah tetapi saya menyaksikan perut juga dibedah. Jadi saya ingin mendapat penjelasan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, kalau seseorang itu accident kena kepala takkan kaki dipotong, tentulah kepala yang dibedah. Begitu juga kadang-kadang ada kaitannya post-mortem itu diperbuat di tempat-tempat yang tertentu.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Timbalan Menteri sekiranya pembedahan ini terpaksa dijalankan, apakah pihak yang

berkenaan atau pihak Kementerian membenarkan pembedahan mayat orang Islam ini kepada doktor Islam sahaja, tidak kepada doktor bukan Islam?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, biasanya post-mortem ini dijalankan oleh seorang pakar Pathologist ataupun pakar Kaji Penyakit. Mereka adalah merupakan orang yang mempunyai pengalaman yang lebih daripada doktor-doktor biasa dan kebanyakan daripada Pathologist ini terdiri daripada orang-orang yang bukan Islam. Jadi tidaklah dapat dielakkan.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada kematian disebabkan oleh jenayah dan juga kes-kes "Medico-legal" yang disebutkan tadi, saya ingin mengetahui bagaimanakah peraturannya mengenai dengan kes-kes yang tidak disyaki sebagai kes jenayah. Misalnya budak jatuh dalam sungai, mati di hadapan bapanya dan bapanya sendiri mengatakan tidak ada jenayah tetapi mayat itu masih dibawa ke hospital hendak dibedah. Jadi apakah kuasa yang ada pada Kementerian Kesihatan dan apakah caranya supaya kes seperti ini tidak payah dibedah tanpa orang yang berkenaan membawa Wakil Rakyat untuk mempengaruhi doktor dan sebagainya?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, ini terpulanglah kepada pihak Polis kerana kita mengambil tindakan atas arahan pihak Polis. Kalau pihak Polis mengatakan berpuas hati yang ini bukan merupakan satu suspect, kita tidak berbuat demikian.

Tuan Alias bin Md. Ali: Soalan tambahan, saya ingin minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai perkataan "post-mortem" ini. Adakah post-mortem ini melibatkan pembedahan operasi membuka bahagian-bahagian dalam mayat itu atau hanya satu ujian yang simple yang boleh dibuat misalnya dengan cara incision instrument dengan tidak payah operasi. Ada dua pendapat yang mengatakan post-mortem ini melibatkan pembedahan tetapi seorang doktor mengatakan bukan pembedahan, hanya merupakan incision satu instrument di tempat-tempat tertentu untuk mengambil contoh 'flake' daripada badan mayat si mati. Yang mana satukah yang betul?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, post-mortem ini kadangkala menghendaki satu pembedahan kerana dalam menentukan sesuatu penyakit dan sesuatu sebab kematian, banyak perkara diambil hitungan. Umpamanya kalau kita hendak tahu samada orang itu sakit atau mati disebabkan darah beku terpaksa dibedah, dadanya dibedah dan dicari di mana darah beku itu. Begitu juga kadangkala terpaksa oleh sangkaan sesuatu penyakit, segala paru-paru, jantung dan hatinya pun terpaksa diperhatikan warna dan rupanya samada bertukar, samada dari segi rupa mahupun dari segi keberatannya. Jadi kalaulah seperti kata Yang Berhormat itu merupakan satu incision sahaja, itu bunyinya mengambil 'biopsy', iaitu mengambil satu contoh untuk menentukan ada sesuatu penyakit macam cancer dan sebagainya, kadangkala terpaksa kita membuat pembedahan dan tidak dapat dielakkan.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah mengenai perkara ini.

Yang Berhormat Tuan Peter Paul Dason.

Tuan Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 11.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Jelutong.

HOSPITAL BESAR PULAU PINANG— KESESAKAN

11. Tuan Karpal Singh (*di bawah S.O. 24*) (2) minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar Hospital Besar Pulau Pinang terlalu sesak; jika ya, nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menyegerakan pembinaan blok baru di dalam kawasan hospital yang ujud sekarang dan juga nyatakan sebab-sebab mengapa terdapat kelewatan dalam pembinaan blok baru itu.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sedar keadaan kesesakan di Hospital Besar Pulau Pinang.

Kementerian Kesihatan sedang mengambil segala langkah yang perlu untuk melaksanakan pembinaan Blok Perkhidmatan Pusat yang baru (Central Services Block) yang akan ditempatkan dalam kawasan Hospital yang

sedia ada. Sekarang projek ini sudah sedia untuk pelaksanaan dan tender untuk kerja-kerja "piling" telah dipanggil. Projek ini adalah antara yang terbesar pernah dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan. Oleh kerana besar dan "complex" nya projek ini, maka proses perancangan terpaksa memakan masa yang panjang. Masalah perancangan menjadi lebih rumit oleh kerana lokasi Blok baru ini telah dihadkan (constrained) oleh bangunan-bangunan yang sedia ada dan pada hakikatnya perkhidmatan yang ada sekarang tidak boleh diganggu semasa melaksanakan projek baru ini. Ini memerlukan banyak kali perundingan yang panjang antara Agensi-agensi yang terlibat misalnya, Perunding Swasta JKR dan Kementerian Kesihatan. Kelewatan pelaksanaan telah berlaku dalam masa-masa tertentu oleh kerana ketiadaan pegawai-pegawai yang berkelayakan dan berpengalaman. Selain daripada itu satu sebab kelewatan yang baru ialah masalah yang dihadapi untuk mengesan dan mengalihkan semula kemudahan perkhidmatan-perkhidmatan paip air, tenaga elektrik dan saluran najis bawah tanah di tapak tersebut sebelum kerja-kerja "piling" dapat dimulakan. Masalah ini sahaja telah memakan masa hampir setahun untuk diselesaikan.

Selain dari pembinaan Blok Perkhidmatan Pusat (Central Services Block), berbagai langkah-langkah telah dan sedang dijalankan oleh Kementerian untuk mengurangkan kesesakan di Hospital tersebut. Untuk mengurangkan kesesakan di Kawasan Wad, wad kanak-kanak (Paediatric wards) telah dipinda dan ditambah dalam tahun 1977. Ini telah menambahkan sebanyak 15 buah katil. Pada masa sekarang, satu Yunit Kesihatan Otak Kawasan (Regional Mental Health Unit) sedang dibina di Jalan Perak. Projek ini akan dapat menyediakan sebanyak 104 buah katil untuk pesakit-pesakit otak. Apabila yunit ini disiapkan kelak yang dianggar dalam tahun 1981, pemindahan pesakit-pesakit otak kepada kemudahan baru ini akan dapat mengosongkan katil-katil yang digunakan olehnya untuk pesakit-pesakit jenis yang lain. Sebagai tambahan, 3 wad satu tingkat yang mengandungi 96 buah katil akan juga dibina.

Untuk mengurangkan kesesakan di Jabatan Pesakit Luar pula, satu Bilik Pemeriksaan (Consultation room) yang berasingan khas untuk pesakit-pesakit kencing manis telah ditubuhkan dalam tahun 1977. Ini adalah

untuk menentukan pesakit kencing manis yang selalu menerima rawatan, tidak perlu lagi pergi ke Jabatan Pesakit Luar umum untuk menerima rawatannya. Empat bilik pemeriksaan (consultation room) baru untuk Pakar-pakar telah dibina dalam tahun 1979 bersama-sama dengan tambahan kepada bilik-bilik rawatan dan bilik-bilik menunggu (Reception room). Setelah Yunit Kesihatan Otak Kawasan (Regional Mental Health Unit) yang disebutkan tadi siap kelak, Day Care Centre dan Jabatan Pesakit Luar untuk pesakit-pesakit otak yang sedia ada akan juga dipindahkan ke Yunit tersebut.

SUKAN OLYMPIK DI MOSCOW

12. Tuan Hussein bin Mahmood minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan apakah benar yang pihak Kementerian beliau tidak akan membenarkan penyertaan Malaysia di dalam Sukan Olimpik di Moscow, 1980, kerana memandangkan pencerobohan Russia ke atas Afghanistan.

Datuk Chin Hon Ngian: Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa Malaysia tidak akan mengambil bahagian dalam Sukan Olimpik di Moscow selagi pihak Russia tidak mengundurkan tenteranya dari Afghanistan.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri yang berkenaan, kalau pihak Kerajaan sudah tidak akan menghantar pemain kita ke Moscow, kenapa kita juga mesti mengadakan latihan pre-olympik sekarang.

Datuk Chin Hon Ngian: Tuan Yang di-Pertua, kedudukan sekarang berangkali akan berubah. Jika berubah barangkali keputusan kita akan berubah juga.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 13 hingga 47 adalah diberi di bawah ini)

RUMAH BAGI PEKERJA LADANG/ LOMBONG

13. Puan Chow Poh Kheng minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan bilakah lagi rancangan "Housing Owners Democracy" dapat dijalankan supaya pekerja-pekerja ladang dapat memiliki rumah sendiri yang mana ini menjadi faktor penting dalam mengekalkan pekerja-pekerja di ladang.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' Richard Ho Ung Hun): Saya percaya apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah satu rancangan yang biasa dikenai sebagai Sekim memiliki rumah bagi pekerja ladang dan lombong.

Persoalan ini telahpun dijawab dengan panjang lebar beberapa kali di Dewan ini. Walau bagaimanapun untuk memaklumkan Ahli Yang Berhormat saya ingin menyatakan, bahawa, sekim ini telahpun dilaksanakan dengan jayanya di tiga buah ladang di negara ini. Ladang-ladang yang dimaksudkan ialah, ladang Batu Pekaka, Kuala Ketil, Kedah yang telah membina 232 yunit rumah-rumah bagi ladang Tennamaran Batang Berjantai, Selangor yang telah menyiapkan 110 yunit rumah dan ladang Dovenby Sungai Siput, Perak, yang telah membina 108 yunit.

Selain dari itu sejumlah 50 buah ladang-ladang dan lombong-lombong yang telah menyatakan minat mereka untuk menyertai dalam Sekim ini. Ia termasuk 10 di Johor, 16 di Selangor, 2 di Negeri Sembilan, 17 di Perak 3 di Pahang, 1 di Melaka dan 1 di Kelantan.

Sekim ini memerlukan penyertaan sukarela dari tuan-tuanpunya ladang dan lombong dan oleh yang demikian isu-isu ini hanya boleh diuruskan melalui cara gesaan. Kita mengakui bahawa terdapat sedikit kelewatan dalam melancarkan sekim ini di beberapa buah negeri-negeri, kerana perbincangan masih lagi berjalan dengan pihak-pihak berkuasa di negeri-negeri yang berkenaan atas perkara pengambilan tanah, pemecahan lot-lot dan lain perkara yang berkaitan. Walau bagaimanapun perbincangan-perbincangan tersebut sedang berjalan dengan licin dan jangka dapat dibereskan tidak berapa lama lagi.

Kementerian saya akan terus menjalankan usaha-usaha untuk menggesa lebih banyak lagi majikan-majikan untuk menyertai sekim tersebut demi untuk faedah pekerja mereka.

PERMIT PENGANGKUTAN KELAS "A"—BILANGAN

14. Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sehingga akhir 1979, berapakah bilangan-bilangan Permit Pengangkutan Kelas "A" yang telah dikeluarkan oleh Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan mengikut pecahan-pecahan berikut:

- (i) Bumiputra Perseorangan dan Syarikat-syarikat Bumiputra;
- (ii) Syarikat-syarikat Perbadanan Awam; dan
- (iii) Syarikat bukan-Bumiputra.

Menteri Perusahaan Awam (Dato' Abdul Manan bin Othman): Jumlah Permit Pengangkutan Kelas "A" yang telah dikeluarkan oleh Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan sehingga akhir 1979 adalah mengikut pecahan-pecahan seperti berikut:

(i) Bumiputra Perseorangan dan Syarikat-syarikat Bumiputra (Permit Baharu "A")	6,799
(ii) Syarikat-syarikat Perbadanan Awam (Permit Baharu "A")	546
(iii) Syarikat Bukan Bumiputra (Permit Perubahan)	4,032
JUMLAH	<u>11,377</u>

PERKHIDMATAN TELEFON DI PARIT

15. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah langkah yang positif telah diambil untuk memperbaiki perkhidmatan telefon dikawasan Parlimen Parit yang mengalami kerosakan. Adakah Kementerian beliau bercadang menambahkan lagi pesawat yang ada sekarang dari 5 talian ke 10 talian. Jika ya, apakah tindakan yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Leo Moggie anak Irok: Untuk makluman ahli Yang Berhormat Kementerian saya memang mempunyai rancangan untuk memperbaiki perkhidmatan telefon dan menambahkan lagi talian telefon dikawasan Parlimen Parit. Untuk memperbaiki perkhidmatan telefon di kawasan tersebut Kementerian saya melalui Jabatan Telekom akan menukar dawai-dawai terbuka kepada kebel dawai bersalut yang tidak menerima kesan gangguan-gangguan seperti dahan kayu dan lain-lain. Dengan penukaran ini kerosakan-kerosakan yang telah dialami dijangka tidak akan berulang lagi.

Untuk memperkembangkan perkhidmatan telefon di kawasan ini pula, Jabatan Telekom sedang merancang untuk menambahkan lagi talian telefon dalam rangkaian ibusawat Ipoh ke Parit yang akan memudahkan panggilan yang dibuat ke Parit dan sebaliknya.

PINJAMAN PERUMAHAN KERANA MEMBAIKI RUMAH

16. Tuan Abdul Rahman bin Daud minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau bercadang hendak melonggarkan syarat-syarat pinjaman perumahan bagi mereka yang berpendapatan rendah iaitu kurang daripada \$300.00 sebulan untuk membaiki rumah mereka kerana penduduk-penduduk di luar bandar yang kebanyakan memohon sekim pinjaman tersebut tidak begitu suka dengan pelan yang disediakan oleh Kementerian kerana mereka tidak begitu memahami pelan itu.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Kementerian saya tidak bercadang untuk membenarkan penduduk luar bandar membaiki rumah dengan menggunakan peruntukan \$10 juta dari Kumpulan Wang Amanah Pinjaman Perumahan kepada Golongan Berpendapatan Rendah. Tujuan peruntukan ini adalah untuk membina rumah baru dan menambah jumlah bilangan rumah dan bukanlah untuk membaiki seperti yang dicadang oleh Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan telah menyediakan dua peruntukan lain bagi menampung keperluan membaiki rumah sebagaimana yang disyorkan oleh Yang Berhormat.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian saya tidak memaksa pemohon-pemohon menggunakan pelan Kementerian

saya. Kementerian saya menyediakan pelan-pelan rumah tersebut bagi memudahkan dan menyenangkan pemohon-pemohon dari golongan berpendapatan rendah menggunakan pelan tersebut sekiranya mereka bersetuju dengan pelan tersebut. Kementerian saya sebenarnya memberi pilihan kepada bakal-bakal pemohon sama ada mereka ingin menggunakan pelan sendiri atau pelan yang ditawarkan oleh Kementerian saya.

Sehingga ke saat ini Kementerian saya belum lagi menerima sebarang aduan bahawa pemohon-pemohon tidak memahami pelan yang ditawarkan oleh Kementerian. Sekiranya benar ada pemohon-pemohon yang tidak memahami pelan yang disebutkan, Kementerian saya sentiasa bersedia memberi nasihat, bimbingan dan panduan bagi bakal-bakal pemohon tersebut. Di bawah Kementerian saya memang telah ada Jabatan Perumahan Negara dan juga cawangan-cawangan Jabatan ini di kawasan-kawasan pelaksanaan perumahan awam di seluruh Semenanjung Malaysia. Jabatan ini sentiasa bersedia membantu bakal-bakal pemohon yang menghadapi kesulitan bukan sahaja dengan menggunakan pelan Kementerian akan tetapi termasuk juga pelan-pelan mereka sendiri.

CUKAI PENDAPATAN—PENGELAKAN

17. Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah orang yang terlibat dalam pengelakan cukai dalam tahun-tahun 1973 hingga 1979, nyatakan jumlah wang yang terlibat dan apakah langkah-langkah yang berkesan telah diambil untuk mengatasi masalah pengelakan cukai ini, dalam tempoh 1973-1979 ini berapakah orang pengelak cukai telah dihukum dan dihadapi di mahkamah.

Tuan Mak Hon Kam: Daripada tahun 1973 ke tahun 1979, bilangan orang yang disiasat mengenai pengelakan cukai pendapatan ialah sebanyak 2,788. Dalam jangka-masa ini sebanyak \$192.7 juta terdiri daripada cukai dan denda telah didapati oleh Kerajaan. Sebanyak 993 kes lagi sedang disiasat.

Untuk melawan pengelakan cukai ini, Jabatan Hasil Dalam Negeri telah menubuh sebanyak 7 Pusat Penyiasatan, 5 bertempat di Semenanjung Malaysia dan tiap-tiap satu di Sabah dan Sarawak dan terdapat banyak "informers" telah menyumbangkan perkhidmatan mereka kepada Jabatan ini dalam

usaha penyiasatannya. Pusat-pusat ni dianggotai oleh pegawai-pegawai cukai dan juru akaun yang berpengalaman. Denda adalah dikenakan ke atas mereka yang didapati bersalah mengelak bayaran cukai pendapatan.

Dalam masa tahun 1973 hingga 1979, tidak ada pengelak cukai dihadapkan di mahkamah. Walau bagaimanapun, denda-denda sehingga 100% telah dikenakan ke atas mereka yang telah disiasat dengan jayanya dan didapati bersalah.

PUSAT PASARAN BARANGAN

18. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan memandangkan kepada penubuhan Pusat-pusat Perdagangan Barangan dengan banyaknya di Malaysia baru-baru ini, adakah undang-undang dan peraturan-peraturan yang sewajarnya ada diperkuatkuasakan untuk mengawasi kemajuan perindustrian ini dengan cara teratur sebelum ianya dijadikan suatu "Gelanggang Perjudian Yang Besar".

Dato' Paul Leong Khee Seong: Sukacita saya memberitahu Yang Berhormat bahawa satu Rang Undang-undang bernama Rang Undang-undang Dagangan Komoditi 1980 telah dibentangkan dan diluluskan oleh Dewan Yang Mulia ini pada 29hb Mac 1980 yang lalu.

Rang Undang-undang ini di samping membolehkan penubuhan sebuah Syarikat Pasaran Barangan di Kuala Lumpur, akan juga memberi kuasa kepada Kerajaan untuk mengawal dan mengawasi Perjalanan semua syarikat-syarikat dagangan komoditi umpamanya "Commodity Brokers" sama ada yang menjadi ahli Pasaran Barangan Kuala Lumpur ataupun tidak.

Di antara lain, Rang Undang-undang berkenaan akan memerlukan tiap-tiap syarikat peniaga, penasihat dagangan komoditi dan wakil-wakil mereka didaftarkan. Di samping itu syarikat-syarikat tersebut juga akan dikehendaki menyumbang kepada "Kumpulan Wang Pampasan Pasaran Barangan" dan juga membayar "deposit" kepada Kerajaan sekiranya mereka masih berniaga di pasaran-pasaran barangan negara asing (foreign exchanges).

Dengan itu, adalah diharap bahawa melalui peruntukan-peruntukan yang telah saya sebutkan tadi dan juga peruntukan-peruntukan yang lain di dalam Rang Undang-undang berkenaan pihak Kerajaan akan dapat mengawasi dengan lebih rapi kegiatan perdagangan "commodity futures" keseluruhannya sambil menggalakkan pertumbuhan iklim perdagangan "commodity" yang sihat di rantau ini.

DASAR EKONOMI BARU— PENCAPAIAN MATLAMAT

19. Tuan V. Govindaraj minta Perdana Menteri menyatakan apakah pencapaian Dasar Ekonomi Baru setakat ini dan sejauh manakah dasar ini telah dapat merapatkan lagi jurang perbezaan di antara orang-orang yang berada dan yang tidak berada.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru adalah secara berperingkat-peringkat hingga tahun 1990. Kerajaan telahpun menghuraikan dengan panjang lebar kemajuan yang telah dicapai dan masalah-masalah di dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru itu apabila Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga dibentang dan dibahaskan di Dewan ini tahun lalu. Di dalam Kajian tersebut telah dinyatakan pada keseluruhannya kemajuan-kemajuan yang telah dicapai. Kesimpulan yang dapat dibuat ialah bahawa kemajuan yang dicapai adalah memuaskan. Misalnya dari segi kadar kemiskinan, pada tahun 1970 peratus kemiskinan ialah 49.3% tetapi telah turun kepada 36.6% menjelang tahun 1978. Sementara di sektor pertanian dimana terdapat sebahagian besar dari golongan miskin ini, kadar kemiskinan telah berkurang daripada 63% bagi tahun 1975 kepada 54.6% dalam tahun 1978.

Dari segi kawalan ekuiti pula, pada tahun 1970 kaum Bumiputra hanya memiliki 2.4% sahaja dari pada jumlah pemilikan dan kawalan di sektor tersebut tetapi kadar ini telah meningkat kepada 10.3% pada tahun 1978. Begitu juga kedudukan ekuiti bukan Bumiputra juga bertambah daripada 34% kepada 38.4% dalam tempoh yang sama.

Dari segi kemudahan-kemudahan sosio-ekonomi seperti bekalan air, elektrik dan peluang-peluang pendidikan telahpun ditingkatkan dengan pesatnya. Sebagai contoh dalam tahun 1978, sejumlah 6.6 juta rakyat telah menikmati kemudahan bekalan air dan 3 juta pelajar telah menikmati kemudahan persekolahan.

Di dalam bidang guna tenaga kadar 7.6% pengangguran pada tahun 1975, telahpun turun kepada 7% dalam tahun 1978.

Dengan kenyataan yang disebutkan tadi menunjukkan bahawa pencapaian Dasar Ekonomi Baru khususnya bagi membasmi kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat setakat ini telah menunjukkan kemajuan yang menggalakkan. Taraf ekonomi golongan yang tidak berada telah bertambah baik dengan bertambah kemudahan-kemudahan sosio-ekonomi.

Di samping itu satu faktor yang penting yang menolong pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru ialah melalui pertumbuhan ekonomi yang pesat. Pertumbuhan ekonomi negara sebanyak 8.5% setahun bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketiga sebagaimana yang disebutkan di dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga adalah lebih tinggi dari kadar yang di rancangan iaitu sebanyak 8.4% setahun. Dengan pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan ini, usaha-usaha bagi membasmi kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat akan dapat dijalankan dengan lebih giat lagi.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kerajaan sedang mengkaji pencapaian keseluruhan Dasar Ekonomi Baru bagi tempoh 10 tahun lalu dan hasilnya akan dihuraikan dalam Rancangan Malaysia Keempat yang sedang disediakan sekarang.

PADANG PERMAINAN UNTUK SEKOLAH-SEKOLAH

20. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau sedar bahawa banyak sekolah-sekolah di luar bandar tidak mempunyai padang permainan walaupun tanah-tanah telah diambil untuk rezab padang permainan. Jika sedar, apakah Kementerian bercadang memperuntukkan projek pembangunannya untuk membina padang-padang permainan, terutama sekolah yang bangunannya baru dibina.

Dato' Musa bin Hitam: Dalam menjawab soalan Ahli Yang Berhormat ini saya menegaskan bahawa adalah menjadi dasar Kementerian saya melengkapkan sekolah-sekolah yang baru dibina dengan kemudahan padang permainan. Walau bagaimanapun, bagi sekolah-sekolah yang sedia ada dan tidak mempunyai padang permainan, Kementerian saya ada menyediakan peruntukan untuk padang permainan tetapi disebabkan peruntukan tersebut terhad maka pelaksanaannya hanya dapat dijalankan secara berperingkat-peringkat.

CAMPURTANGAN DALAM PERGOLAKAN POLITIK

21. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah langkah yang telah/sedang diambil memandangkan pergolakan politik yang berlaku di negara-negara yang berhampiran.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj): Malaysia tidak berniat untuk campurtangan dalam pergolakan politik yang berlaku di negara-negara berhampiran kerana itu adalah hal ehwal dalam negeri masing-masing. Walaupun begitu, untuk pertahanan dan keselamatan negara dan demi untuk mempertahankan kemerdekaan, kedaulatan dan keutuhan negara, Malaysia akan terus mempertingkatkan kesiapsiagaan dan mutu kelengkapan senjata tenteranya.

GABUNGAN EDARAN NASIONAL (GEN)—PENUBUHAN

22. Tuan Ismail bin Said minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sejauh manakah kejayaan tindakan yang diambil dan kemajuan yang dicapai bagi menubuhkan Gabungan Edaran Nasional (GEN) yang diura-urakan baru-baru ini.

Dato' Abdul Manan bin Othman: Tidak ada cadangan untuk menubuhkan Gabungan Edaran Nasional (GEN) kerana semua agensi yang terlibat dalam perniagaan barang-barang harian yang ditubuhkan ada objektifnya masing-masing dan segala kegiatan-kegiatan mereka diselaraskan mengikut objektif dan matlamat.

BORANG KHAS PEJABAT RIMV

23. Tuan Haji Hashim bin Endut minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat borang-borang khas RIMV bagi satu-satu maksud dan tujuan tidak mencukupi simpanannya di Pejabat RIMV pada masa ini yang menyebabkan kesulitan kepada rakyat jelata menggunakannya, terutama kepada mereka yang tinggal berjauhan dari Pejabat RIMV berulang alik mendapatkannya dan jika ya, mengapa boleh berlaku begitu.

Menteri Pengangkutan (Dato' Lee San Choon): Pada amnya tiap-tiap pejabat RIMV ada menyimpan borang-borang yang cukup untuk kegunaan orang ramai. Kalaulah Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda dapat menyatakan jenis borang khas RIMV yang dimaksudkan dan di Pejabat RIMV di mana-kah yang tidak ada bekalannya pada satu-satu ketika maka Jabatan Pengangkutan Jalan akan dapat membuat siasatan terhadap perkara ini dan jika betul tindakan akan diambil supaya perkara ini tidak berlanjutan atau berulang lagi.

RTM—RANCANGAN KEBUDAYAAN BERBILANG BANGSA

24. Tuan V. David minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau sedar terdapat kekurangan dalam rancangan-rancangan (baik di Radio atau Televisyen Malaysia) yang mencerminkan ciri-ciri berbilang bangsa, berbilang kaum dan berbilang agama masyarakat kita. Apakah beliau akan mengambil tindakan yang sesuai untuk memperbaiki keadaan tersebut.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat): Penjelasan mengenai soalan yang hampir serupa telah saya berikan di Dewan ini ketika menjawab soalan daripada ahli Yang Berhormat dari Kluang pada 23-3-79. Saya tidak berhajat menambah kepada penjelasan yang telah dibuat itu.

TUNJUK PERASAAN PETANI-PETANI DI ALOR STAR

25. Tuan Wong Hoong Keat minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab berlakunya tunjuk perasaan yang baru berlaku di Alor Setar oleh petani-petani dan

juga adakah penunjuk-penunjuk perasaan itu berhasrat untuk menguasai bangunan Kerajaan itu.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Jawapan kepada bahagian pertama soalan itu telahpun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka pada 18-3-1980.

Memandang kepada sikap perusuh-perusuh yang menyerbu masuk ke lobby Wisma Negeri itu besar kemungkinan mereka juga berhasrat untuk menguasai bangunan itu jika pihak Polis tidak bertindak mencegah dan menyuraukan mereka.

AHLI PARLIMEN, ENCIK MARK KODING—UCAPAN HASUTAN

26. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Undang-undang menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menangkap dan menghukum Ahli Parlimen bagi Kinabalu, Encik Mark Koding, kerana ucapan beliau di Parlimen pada tahun 1978 yang bersifat menghasut supaya semua sekolah-sekolah rendah China dan Tamil ditutup; dan pengharapan lain-lain bahasa kecuali Bahasa Malaysia pada papan-papan tanda dan pindaan kepada Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan, dan nyatakan sebab-sebab kelambatan Kerajaan mengambil tindakan semenjak laporan resmi yang dibuat oleh Encik Chan Teck Chan, wakil DAP bagi Parlimen Kota Melaka pada 26hb Oktober 1978.

Menteri Undang-undang (Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah): Adalah masih terlalu awal untuk memutuskan pada peringkat ini tentang sama ada Ahli Parlimen kawasan Kinabalu itu patut ditangkap dan didakwa ataupun tidak atas apa yang dikatakan ucapan hasutan beliau itu oleh kerana penyiasatan belum lagi selesai. Kelewatan ini adalah disebabkan oleh hakikat bahawa penyiasatan tersebut memerlukan tugas merekod kenyataan-kenyataan dan kenyataan-kenyataan lanjut dari beberapa orang saksi termasuk saksi-saksi dari Malaysia Timur yang sentiasa ke sana ke mari dalam urusan harian mereka.

Hasutan adalah suatu perkara yang kompleks dan penyiasatan yang mendalam mesti dijalankan sebelum apa-apa keputusan dibuat tentang sama ada kes yang prima facie boleh diadakan dan sama ada seseorang itu boleh dipertuduh atas kesalahan yang dikatakan itu. Oleh kerana itu, lat tempoh yang lebih dari setahun semenjak laporan yang dibuat oleh Yang Berhormat Encik Chan Teck Chan. Ahli Parlimen kawasan Kota Melaka, bukanlah suatu perkara luarbiasa dalam kes-kes seumpama ini.

BAHASA MALAYSIA DALAM SAINS DAN TEKNOLOGI

27. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar dasar pelajaran untuk mengambil Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di dalam sekolah-sekolah akan mengakibatkan orang Malaysia tidak dapat mencapai kemajuan yang seajar dalam kedua-dua bidang Sains dan Teknologi oleh kerana penyelidikan-penyelidikan dalam bidang Sains dan Teknologi kebanyakannya dilakukan oleh negeri Barat dan ditulis dalam Bahasa Inggeris dan apa langkah beliau ingin ambil supaya orang Malaysia tidak akan tinggal di belakang dalam kedua-dua bidang ini.

Dato' Musa bin Hitam: Premise soalan Ahli Yang Berhormat ini nampaknya begitu terkeliru. Kemajuan dalam bidang Sains dan Teknologi nampaknya dikatakan senadi dengan "Barat" dan "Bahasa Inggeris", walhal bukti-bukti dan contoh-contoh menunjukkan pendapat ini tidak benar.

Sebagai menjawab bahagian pertama kepada soalan ini terlebih dahulu izinkan saya dalam masa yang singkat ini menerangkan kepada Ahli Yang Berhormat berkenaan secara ringkas mengenai sejarah perkembangan Bahasa Malaysia. Penyata Pelajaran Razak, 1956 telah menegaskan satu peruntukkan yang menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan demi untuk membina perpaduan negara dan seterusnya akan menjadi bahasa pengantar yang tunggal di sekolah-sekolah di negara ini. Keputusan ini telah dipersetujui dengan sebulat suara oleh semua kaum penduduk Tanah Melayu pada masa itu. Bahasa ini kemudiannya didaulatkan sebagai Bahasa Malaysia.

Mulai tahun 1970 proses pengalihan bahasa secara berperingkat-peringkat di semua sekolah rendah yang berbahasa pengantar Inggeris telah dilancarkan dan menjelang tahun 1980 ianya telah meliputi keseluruhan peringkat menengah termasuklah juga menengah atas. Mengikut jadual pelaksanaan, menjelang tahun 1983 semua kursus di institusi-institusi pengajian tinggi tempatan akan dikendalikan sepenuhnya dalam Bahasa Malaysia. Namun demikian sejak 10 tahun yang lalu sudah ada beberapa fakulti di universiti-universiti kita yang mengadakan kursus dalam Bahasa Malaysia.

Dalam usia dua puluhan tahun selepas merdeka Bahasa Malaysia tidak syak lagi telah terbukti kejayaannya sebagai bahasa perhubungan dalam serba lapangan kehidupan rakyat Malaysia. Ianya telah dewasa dan matang sebagai bahasa pengantar, bahasa rasmi, bahasa perdagangan, bahasa ilmu pengetahuan dan seterusnya sedang menuju ke taraf bahasa 'Lingua Franca' antara bangsa. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, sehingga sekarang ini pihak Dewan Bahasa dan Pustaka telah berjaya menterjemahkan serta menggubal istilah-istilah teknikal baru sudah lebih kurang 57,000* istilah yang meliputi bidang-bidang sains dan teknologi.

Berhubung dengan bahagian kedua soalan ini, saya ingin menjelaskan bahawa ilmu pengetahuan sains dan teknologi bukanlah hak atau keupayaan mutlak sesuatu bangsa dan adalah satu kesilapan yang besar juga kalau dihubungkan bidang sains dan teknologi itu dengan tamaddun barat atau khasnya dengan bahasa Inggeris. Kalaulah begitu bagaimana pula dengan negara-negara Rusia, Perancis, China, Jerman, Belanda

dan Sweden umpamanya yang tak kurang pula terkenal majunya sebagai negara-negara industri dan perdagangan? Sebagai contoh yang lain negara Jepun sendiri terkenal sebagai salah sebuah negara gergasi ekonomi di dunia—teknologinya telah berkembang dan terkenal di seluruh dunia, ianya merupakan satu bangsa Asia yang menggunakan bahasa tempatannya sebagai bahasa sains dan teknologi. Disamping itu hendaklah juga disadari bahawa bahasa sains dan teknologi itu sendiri ialah bahasa antarabangsa, oleh kerana ciri-ciri disiplin pengajian bidang-bidang tersebut adalah bercorak antarabangsa maka ianya dengan mudah sahaja dapat difahami oleh semua orang yang berdamping serta berkecimpung dalam kedua-dua bidang tersebut.

BELIA LUAR BANDAR—BANTUAN

28. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan samada beliau sedar bahawa terdapat banyaknya belia-belie di luar bandar kekurangan bantuan dari pihak Kementerian untuk menjalankan aktiviti-aktiviti mereka sehari-hari. Apakah langkah Kementerian di atas perkara ini.

Datuk Chin Hon Ngian: Tiada terdapat kekurangan bantuan kepada belia-belie di luar bandar, kerana jumlah peruntukan dirancang mengikut keperluan dan dikeluarkan kepada mereka yang memenuhi syarat-syarat yang tertentu. Bantuan-bantuan dalam berbagai-bagai projek yang tertentu pula, seperti Projek Belia Peladang, Projek Belia Niaga dan projek-projek kebudayaan dan sukan dikeluarkan tiap-tiap tahun.

Makluman Tambahan

BANTUAN KEWANGAN KEPADA PERSATUAN BELIA

	1976	1977	1978	1979
Projek Belia Peladang	181,600	1,049,000	2,767,700	2,770,000
Projek Belia Niaga	151,000	357,800	376,780	3,567,000
Kebudayaan	320,000	345,000	380,000	464,000
Sukan	580,000	603,000	1,032,480	1,182,000

ANGKATAN LAUT SOVIET— PEMBESARAN

29. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar tentang pembesaran angkatan laut Soviet di Lautan Hindi dan bagaimanakah Malaysia bertindak-balas terhadap pembesaran angkatan tersebut yang merupakan satu ancaman kepada keselamatan rantau ini.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Malaysia sedar tentang pembesaran aktiviti-aktiviti terbaharu angkatan laut Soviet di Lautan Hindi. Malaysia sudah tentu mengambil berat akan perkembangan ini, oleh kerana ianya akan mengakibatkan peningkatan persaingan dan ketengangan kuasa-kuasa besar di rantau ini dan mungkin menimbulkan ketidakstabilan serta mengancam keamanan dan keselamatan negara-negara yang bersempadan dengan lautan tersebut. Adalah menjadi harapan Malaysia supaya semua negara-negara, kecil dan besar menghormati resolusi Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu yang mengumumkan Lautan Hindi sebagai kawasan aman dan bersama-sama bekerja untuk melaksanakan resolusi tersebut.

LAPANGAN TERBANG KUALA TRENGGANU

30. Tuan Alias bin Md. Ali minta Menteri Pengangkutan menerangkan sama ada Kerajaan bercadang hendak menjadikan salah sebuah lapangan terbang di Pantai Timor sebagai lapangan terbang Antarabangsa memandangkan bertambah pesatnya pembangunan di kawasan itu dinaikkan tarafnya dan bila. Bilakah projek membesarkan lapangan terbang Kuala Trengganu untuk menampung kapal terbang jet dijangka akan dimulakan dan bila dijangka siap.

Dato Lee San Choon: Lapangan Terbang yang akan dinaikkan tarafnya menjadi sebuah Lapangan terbang Antarabangsa di Pantai Timor ialah Lapangan Terbang Kota Bharu. Sebuah firma Perunding telahpun dilantik baru-baru ini dan akan mula menyediakan reka bentuk yang selengkapnya pada bulan April, 1980 ini bagi pembinaan projek tersebut. Projek ini adalah dijangka siap pada awal tahun 1984.

Landasan di Lapangan Terbang Kuala Trengganu pula akan dipanjangkan dan diperkuatkan bagi menampung keperluan-keperluan kapal terbang jet jenis B737. Rekabentuknya sedang diusahakan dan kerja pembinaan akan bermula dalam bulan Ogos, 1980. Sebuah bangunan terminal baru sedang dibina dan projek ini pada keseluruhannya dijangka siap pada awal tahun 1982.

KENAIKAN HARGA BARANG-BARANG KEPERLUAN—KAWALAN

31. Tuan V. David minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar harga barang-barang perlu telah melambung naik dan sama ada beliau akan menimbang untuk mengambil langkah-langkah yang berkenaan untuk mengawal harga barang-barang tersebut supaya dapat membantu golongan berpendapatan rendah dari kesan-kesan inflasi.

Timbalan Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah hampir sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Sandakan pada 21hb Mac 1980 yang telahpun dijawabkan. Saya tidak ada apa-apa yang hendak ditambah.

BAHASA MALAYSIA BAGI PENSYARAH KOMANWEL/USA

32. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah pensyarah dari negeri Komanwel dan U.S.A. telah dipupah untuk bersyarah di dalam negeri ini dan adakah bahasa pengantar ialah Bahasa Malaysia, jika tidak beri sebab-sebab oleh kerana sekolah-sekolah dan lain-lain institusi-institusi tinggi di negeri ini adalah dikehendaki menggunakan Bahasa Malaysia.

Dato' Musa bin Hitam: Buat masa ini terdapat seramai 169 orang pensyarah dari Negara Komanwel dan U.S.A. yang telah diambil bertugas oleh universiti-universiti tempatan untuk memberi syarahan dalam berbagai bidang mata pelajaran dan peringkat pengajian. Mereka adalah diambil secara kontrek antara 1-3 tahun. Sebahagian besar dari mereka ini memberi syarahan dalam Bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun,

pensyarah-pensyarah ini dikehendaki mempelajari Bahasa Malaysia untuk persediaan memberi syarahan dalam Bahasa Malaysia dan ada terdapat beberapa kakitangan asing ini yang telah dapat mengajar dalam Bahasa Malaysia dengan baik.

Sayugia ditegaskan di sini bahawa salah satu daripada syarat-syarat perlantikan kakitangan akademik ialah mereka dikehendaki mempelajari dan menguasai Bahasa Malaysia dalam masa yang sesingkatnya bagi membolehkan mereka mengajar dalam bahasa tersebut.

PENUNTUT BUKAN MELAYU DI UNIVERSITI-UNIVERSITI

33. Tuan Lee Kaw meminta Menteri Pelajaran menerangkan sama ada pengambilan penuntut-penuntut bukan Melayu oleh universiti-universiti tempatan telah ditambah sebanyak 2% untuk sesi 1980/81. Adakah benar pertambahan sebanyak 2% untuk Universiti Malaya misalnya ialah 18 orang penuntut dan mereka tidak dapat memasuki universiti itu untuk sesi tersebut, jika benar, mengapa?

Dato' Musa bin Hitam: Untuk makluman Yang Berhormat pengambilan penuntut-penuntut ke universiti-universiti tempatan bagi sesi 1980/81 masih belum dijalankan lagi. Oleh itu angka tambahan pengambilan sebenar penuntut-penuntut bukan Bumiputera belum dapat ditentukan. Walau bagaimanapun dari segi pengambilan pelajar Bukan Bumiputera bagi tahun ini, Kerajaan bercadang menetapkan tambahan sebanyak 2% daripada bilangan pengambilan pelajar Bukan Bumiputera pada tahun sudah.

Jawapan bagi bahagian kedua soalan Yang Berhormat itu adalah tidak benar.

KUASA MENAHAN DAN MENANGKAP OLEH POLIS

34. Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan prinsip yang digunakan oleh polis bagi mengesyaki seseorang itu membahayakan keselamatan dalam negeri sehingga ia dapat ditahan di bawah seksyen 73 (1) Akta Keselamatan Dalam Negeri, sama ada tangkap dahulu untuk siasatan atau siasat dahulu untuk ditangkap.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Seksyen 73 AKDN 1960 memberikan kuasa kepada polis menangkap dan menahan bagi maksud penyiasatan ke atas seseorang yang pada pendapat polis mempunyai sebab yang boleh dipercayai bahawa :

- (i) ada sebab-sebab yang membolehkan seseorang itu ditahan di bawah seksyen 8 (1) AKDN 1960
- (ii) seseorang itu telah bertindak atau akan bertindak atau berkemungkinan bertindak dalam apa jua cara yang memudharatkan keselamatan Malaysia atau sebahagian daripadanya atau memudharatkan perkhidmatan perlu atau kehidupan ekonomi Malaysia.

Apabila keadaan membenarkan, adalah menjadi amalan pihak polis membuat siasatan awal terlebih dahulu sebelum melakukan apa-apa tangkapan. Siasatan yang dilakukan selepas seseorang itu ditangkap adalah merupakan siasatan lanjut bertujuan untuk mengambil tindakan sama ada untuk menahan atau menyekat di bawah seksyen 8 AKDN 1960 atau membebaskannya. Walau bagaimanapun perlu ditegaskan adalah sukar untuk menyatakan satu prinsip yang tetap kerana ianya bergantung kepada bukti dan keadaan sesuatu kes yang terlibat.

PEKERJA LADANG DALAM RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT

35. Tuan V. Govindaraj minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau bercadang memasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Keempat perkara mengenai kemajuan keadaan sosial, ekonomi dan pelajaran pekerja-pekerja ladang di seluruh negara.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu di dalam Rancangan Malaysia Ketiga telahpun dimasukkan usaha-usaha ke arah pembasmian kemiskinan dan pengimbangan ekonomi bagi tujuan memperbaiki keadaan sosio-ekonomi rakyat jelata termasuk pekerja-pekerja ladang. Saya berharap Ahli Yang Berhormat itu dapat merujuk kepada Bab IX Dokumen Rancangan Malaysia Ketiga untuk mendapat penerangan yang terperinci.

Kerajaan sememangnya akan terus memberi perhatian kepada perkara ini di dalam Rancangan Malaysia Keempat. Ini adalah selaras dengan usaha-usaha bagi memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi yang mana kemajuan pendidikan dan kesihatan adalah di antaranya yang terdapat di kawasan-kawasan yang kurang maju iaitu di antara pekebun-pekebun kecil, penanam-penanam padi, pekerja-pekerja estet, nelayan-nelayan dan penduduk-penduduk Kampung-kampung Baru sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga.

TUNJUK PERASAAN PETANI-PETANI DI ALOR STAR

36. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berapa ramai orang telah ditangkap dalam penunjuk perasaan baru-baru ini di Alor Star di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Bolehkah Kerajaan mengelakkan menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) untuk menyelesaikan kesusahan orang ramai.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Jawapan kepada soalan yang hampir sama telah saya jawab semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Petaling pada 18-3-1980. Dengan itu saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI—LANTIKAN

37. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Undang-undang menyatakan mengapa kecuali mendiang Tan Sri H. S. Ong yang telah menjadi Penasihat Undang-undang Negeri Pulau Pinang dari 25-11-1957 hingga 1-9-1959, tiada seorang pun bukan Melayu yang dilantik menjadi Penasihat Undang-undang Negeri di Semenanjung Malaysia sejak Merdeka dan bilakah perlantikan seumpama itu akan dibuat.

Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah: Perlantikan Penasihat Undang-undang sesuatu Negeri di Semenanjung Malaysia adalah perkara di bawah bidang-kuasa dan budibicara Negeri yang berkenaan dan bukannya menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Oleh kerana itu,

bahagian pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Petaling yang ingin tahu bilakah masanya seorang bukan Melayu akan dilantik menjadi Penasihat Undang-undang Negeri tidak timbul dalam konteks ini.

RANCANGAN PENGAIRAN KEPADA PETANI-PETANI

38. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada terdapat rancangan-rancangan untuk menggunakan sungai untuk membekalkan air kepada petani-petani kita semasa kemarau serta juga untuk mencegah banjir dari merosakkan tanaman-tanaman dan harta benda semasa musim hujan.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Memang telah ada rancangan-rancangan pengairan menggunakan sungai untuk membekalkan air kepada petani-petani kita semasa kemarau serta mencegah banjir pada musim hujan. Di antara rancangan-rancangan besar yang telah-pun dilaksanakan ialah seperti Empangan Temenggor, Empangan Muda, Empangan Pedu dan Empangan Bukit Merah.

Selain dari itu terdapat juga rancangan-rancangan pengairan yang sedang dalam pelaksanaan dan masih di dalam kajian seperti Empangan Kenyir di Trengganu sedang dalam peringkat pelaksanaan. Rancangan yang sedang dalam peringkat kajian ialah di lembah Sungai Pahang, lembah Sungai Kelantan dan kajian pengendalian air di negeri Kedah dan Perlis. Selain dari bertujuan untuk membekalkan air dan mengawal banjir, rancangan tersebut juga akan dapat mengeluarkan kuasa letrik haidro seperti di Empangan Temenggor dan Empangan Kenyir.

ANGKATAN TENTERA—KAJIAN TANGGAGAJI DAN KENAIKAN PANGKAT

39. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Pertahanan menyatakan bahawa memandangkan adanya ancaman keselamatan negara dan tergugatnya rantau Asia Tenggara ini maka pembesaran dan pengambilan anggota Angkatan Tentera adalah sudah sewajarnya. Untuk menaikkan imej Angkatan Tentera Malaysia, sama ada beliau akan mengkaji semula kedudukan

tanggaji anggota tentera pada keseluruhannya, kenaikan pangkat Ketua-ketua Turus ketiga-ketiga cawangan Angkatan Tentera, iaitu Timbalan Ketua Turus Tentera Darat, Ketua Turus Tentera Laut dan Udara dinaikkan pangkatnya ke Lt. Jeneral manakala Ketua Turus Tentera Darat dinaikkan ke pangkat Jeneral penuh memandangkan bahawa kesemua Divisional Commanders adalah berpangkat Maj. Jeneral. Jika tidak, mengapa.

Menteri Pertahanan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud): Sebagai satu Kementerian yang bertanggungjawab atas keselamatan dan pertahanan negara, Kementerian Pertahanan memang sentiasa sedar dan mengikuti perkembangan politik dan ketenteraan di rantau ini. Di atas kesedaran ini Kementerian Pertahanan sentiasa menambah dan memperkemas tenaga untuk pertahanan negara. Soal gaji Angkatan Tentera telah dikaji oleh Jawatankuasa Kabinet dan segala perakuan telahpun dilaksanakan sejak 1hb Januari, 1976. Ketika ini sepertimana yang telah diumumkan oleh Kerajaan, pihak berkuasa yang berkenaan sedang membuat kajian semula terhadap gaji semua pegawai-pegawai Kerajaan dan kajian ini juga melibatkan Angkatan Tentera kita.

Dalam rancangan perkembangan Angkatan Tentera di Kementerian Pertahanan memang ada cadangan menaikkan taraf Ketua-ketua Turus ketiga-tiga perkhidmatan iaitu Ketua Turus Tentera Darat, Ketua Turus Tentera Laut dan Ketua Turus Tentera Udara. Cadangan kenaikan taraf ini meliputi juga jawatan Timbalan Ketua Turus Tentera Darat.

Cadangan-cadangan ini perlulah dikaji dengan teliti oleh Kementerian Pertahanan bersama-sama dengan Agensi Pusat untuk menentukan struktur organisasi yang seimbang dikekalkan di dalam Angkatan Tentera selaras dengan peranan dan tanggungjawabnya.

PERJUANGAN ISLAM DI AFGHANISTAN

40. Tuan Haji Ampong Puyon minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh manakah sokongan negara ini terhadap perjuangan Islam di seluruh dunia terutama perjuangan Islam di Afghanistan, apakah hanya sokongan moral sahaja tanpa bantuan material.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Sokongan Malaysia terhadap perjuangan Islam di seluruh dunia sudah jelas jika kita kaji dari peranan utama yang dimainkan oleh negara kita dalam usaha-usaha menubuhkan Pertubuhan Persidangan Islam dan beberapa inisiatif lain untuk menggalakkan kerjasama dan perpaduan Islam. Pada hari ini, Persidangan Islam telah menjadi suatu faktor dalam arena politik antarabangsa dengan aktiviti-aktivitinya yang meningkat dalam bidang-bidang ekonomi, kebudayaan dan politik. Tambahan pula, semenjak tahun enam puluhan, Malaysia telah memberi keutamaan kepada hubungannya dengan negara-negara Islam dan kita telah mengambil inisiatif untuk memperjuangkan isu-isu Islam di Bangsa-Bangsa Bersatu dan lain-lain persidangan antarabangsa. Sokongan Malaysia bukannya merupakan moral tetapi juga material.

Berkenaan Afghanistan pula, Malaysia penuh bersimpati dengan perjuangan rakyat Afghan mengekalkan Afghanistan sebagai sebuah negara merdeka dan berdaulat dan mendapatkan semula hak menentukan nasib mereka sendiri. Dalam Mesyuarat Tergempar Persidangan Islam (PPI) yang telah diadakan di Islamabad baru-baru ini, Malaysia telah bersama-sama menyokong resolusi berkenaan dengan Afghanistan. Apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Malaysia mematuhi keputusan Islamabad tersebut, telahpun saya maklumkan kepada Dewan ini tatkala menjawab beberapa soalan yang agak sama. Memadailah jika saya tegaskan bahawa sokongan negara ini terhadap perjuangan Islam bukanlah sekadar sokongan moral sahaja.

YUNIT RUMAH HARGA RENDAH

41. Tuan Chieng Tiong Kai minta Menteri perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bilangan yunit rumah harga rendah yang didirikan di Sarawak semenjak tahun 1975.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Mulai tahun 1975 hingga 31-12-1979, sebanyak 510 yunit rumah harga rendah telah siap dibina di Negeri Sarawak di bawah Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah. Adalah dijangkakan sebanyak 918 yunit lagi akan disiapkan sebelum akhir tahun 1980.

PENILAIAN SEMULA HARTA DI MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

42. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan samada beliau akan campurtangan dalam urusan Majlis Perbandaran Seberang Perai berkenaan dengan sistem pengutipan taksiran hasil rumah baru untuk tahun 1980 dan samada beliau sedar bayaran hasil rumah di Seberang Perai telah dinaikkan sebanyak beberapa peratus jika dibandingkan dengan hasil rumah untuk 1979 dan di Jalan Besar, Bukit Mertajam, sederet kedai-kedai yang reka bentuk sama adalah dikenakan bayaran hasil rumah yang tidak sama. Jika ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menentukan bayaran hasil rumah yang akan diambil untuk menentukan bayaran hasil rumah yang dikenakan adalah patut dan adil.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Soalan Yang Berhormat dari Bukit Mertajam itu menyentuh bidangkuasa Kerajaan Negeri dan sesungguhnya saya berasa hairan dengan cadangan beliau supaya saya campurtangan di dalam pentadbiran Penguasa Tempatan yang mana Yang Berhormat sendiri ketahui adalah terletak di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri. Tambahan pula saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat sendiri telahpun dijelaskan secara terperinci oleh Yang Dipertua dan pegawai-pegawai Majlis Perbandaran Seberang Perai di atas sebab-sebab penilaian semula harta-harta di kawasan Majlis Perbandaran tersebut dijalankan dan juga strategi-strategi mengenakan kadar berbeza (differential rating) yang dijalankan di Majlis Perbandaran tersebut.

Walau bagaimanapun untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat dan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini saya suka memaklumkan bahawa sebab utama penguasa-penguasa tempatan menilai semula harta-harta di kawasan mereka adalah untuk menentukan kadar cukai dibebani oleh pembayar cukai secara sama rata dan adil.

Pada pendapat saya Majlis Perbandaran Seberang Perai telah mengambil pertimbangan yang sesuai semasa menjalankan kajian semula harta-harta dalam kawasan Majlis iaitu mengenakan kadar cukai yang lebih tinggi kepada kawasan-kawasan yang mendapat kemudahan yang lebih lengkap berbanding dengan kawasan-kawasan yang memperoleh kemudahan dan perkhidmatan

asas yang minima. Ini bermakna penduduk-penduduk di kawasan bandar yang mempunyai segala kemudahan asas seperti sistem pengangkutan, sekolah, tempat-tempat rekreasi dan perniagaan terpaksa membayar cukai pada kadar yang lebih tinggi berbanding dengan penduduk-penduduk di kawasan luar bandar.

Sebagai contoh, rumah-rumah kedai di sepanjang Jalan Besar di pusat perniagaan Bukit Mertajam dahulunya dikenakan bayaran cukai pintu purata \$163 tiap-tiap rumah kedai, manakala rumah-rumah kedai di sepanjang Jalan Kulim lebih kurang dua batu daripada pusat perniagaan terpaksa membayar cukai pintu dengan kadar purata \$504 bagi tiap-tiap rumah kedai. Membandingkan kepada anomali yang wujud di mana kadar yang tinggi terpaksa dibayar oleh pekedai-pekedai di kawasan perniagaan yang tidak begitu maju berbanding dengan kadar yang dibayar oleh pekedai-pekedai di kawasan-kawasan perniagaan yang maju, maka keadaan itu terpaksa dibetulkan. Penilaian semula harta-harta yang dijalankan pada tahun lepas telah dapat membetulkan semula keadaan yang tidak menyenangkan itu.

Mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 pembayar cukai yang tidak berpuas hati dengan kadar yang dikenakan boleh membuat rayuan kepada Majlis Perbandaran. Pada kebiasaannya Majlis akan memberi pertimbangan jika sekiranya sebab-sebab yang menasabah dapat diperolehi daripada pembayar-pembayar cukai.

PEGAWAI DAERAH—JAWATAN TERTINGGI

43. Tuan Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Perdana Menteri menyatakan bahawa oleh kerana tugas Pegawai Daerah pada masa ini adalah penting, terutamanya melaksanakan pembangunan-pembangunan di daerahnya, dan berhadapan langsung dengan rakyat; tidakkah Kerajaan bercadang untuk menaikkan taraf jawatan yang tersebut, sehingga boleh dipegang oleh pegawai PTD superscale 'C' atau 'D' umpamanya.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Jawatan Pegawai Daerah yang paling tinggi sekarang ialah Tingkatan Tertinggi 'F'

dan yang paling rendah ialah Tingkatan Kanan. Soal menaikkan taraf jawatan Pegawai Daerah adalah soal pentadbiran Kerajaan Negeri dan bergantung kepada susunan pentadbiran di peringkat negeri, serta kepada beban tugas jawatan Pegawai Daerah di dalam konteks pentadbiran pembangunan di peringkat daerah.

Setakat ini belum ada cadangan yang diterima dari Kerajaan Negeri untuk menyusun semula pentadbiran daerah di negeri masing-masing dan menaikkan gred jawatan Pegawai Daerah melebihi Tingkatan Tertinggi 'F'. Jikalau cadangan ini diterima, Kerajaan Pusat, melalui Jabatan Perkhidmatan Awam akan membuat kajian yang sesuai.

BIASISWA PENUNTUT PERKAPALAN

44. Tuan Awang bin Jabar minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan (JPA) bercadang untuk mengkaji semula biasiswa penuntut-penuntut perkapalan yang memakan masa 9 tahun.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Kerajaan telahpun mengkaji semua rancangan latihan perkapalan yang memakan masa terlalu panjang yang didapati di United Kingdom. Dalam hal ini Jabatan Perkhidmatan Awam telahpun membuat perhubungan dengan pihak-pihak yang tertentu di Amerika Syarikat untuk memberi latihan kepada penuntut-penuntut anak negeri dalam bidang ini di beberapa akademi perkapalan di Amerika Syarikat. Kursus-kursus yang diberi oleh akademi ini adalah bercorak intensif dan berijazah dan memakan masa hanya 4 tahun berbanding dengan kursus-kursus di United Kingdom yang memakan masa 12 atau 13 tahun. Selepas mendapat ijazah penuntut-penuntut akan diberi latihan praktikal di Malaysia oleh Jabatan Laut selama lebih-kurang dua tahun yang akan membolehkan mereka mendapat kelulusan yang penuh untuk menjadi Pegawai Laut (Marine Officer) atau Jurutera Laut (Marine Engineer) mengikut skim perkhidmatan.

Usaha-usaha juga sedang diambil oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dalam mengkaji kemungkinan menghantar penuntut-penuntut berlatih di Eropah dan lain-lain negeri.

GURU-GURU PELATIH DI SEKOLAH-SEKOLAH CHINA

45. Puan Chow Poh Kheng minta Menteri Pelajaran menyatakan samada guru-guru yang mengajar di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China diberi latihan dalam bahasa pengantar China dan Bahasa Malaysia. Jika tidak, bukankah guru-guru ini akan ketinggalan dalam menguasai bahasa China.

Dato' Musa bin Hitam: Guru-guru pelatih kursus Pendidikan Peringkat Awal Kanak-kanak (China) (PPAK)), iaitu mereka yang akan ditempatkan ke Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China), dilatih dengan penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama selaras dengan dasar Kerajaan mengenai bahasa-bahasa pengantar di institusi-institusi pelajaran di Malaysia.

Walau bagaimanapun, Kementerian saya telah mengambil beberapa langkah untuk menentukan bahawa guru-guru pelatih ini tidak ketinggalan dalam menguasai bahasa China. Mereka hendaklah mempunyai "Kepujian" dalam bahasa China peringkat SPM/MCE atau yang setaraf dengannya sebagai salah satu syarat kelulusan minima untuk memasuki Maktab-maktab Perguruan. Di samping itu, Pengajian China diwajibkan sebagai matapelajaran pengkhususan bagi guru-guru pelatih itu. Untuk meninggikan lagi mutu latihan bagi guru-guru pelatih tersebut, Kementerian saya sedang mengkaji kemungkinan menambahkan lagi jumlah masa yang diperuntukkan bagi Pengajian China dan Kaedah Mengajar bahasa China daripada yang diamalkan sekarang.

Seterusnya guru-guru pelatih PPAK(C) menjalani latihan mengajar dengan menggunakan sepenuhnya bahasa China sebagai bahasa pengantar.

JALAN BUKIT BENDERA

46. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Kewangan menyatakan samada Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah meminta bantuan kewangan dari Kerajaan Pusat untuk membina Jalan Bukit Bendera; jika ya, nyatakan jumlah wang yang diperuntukkan untuk projek tersebut, dan bilakah kerja ke atas projek tersebut akan bermula.

Tuan Mak Hon Kam: Tidak ada permintaan sedemikian yang diterima oleh Kerajaan Persekutuan.

**PINJAMAN PERUMAHAN KEPADA
PENGURUS BESAR, LEMBAGA
BURUH PELABUHAN PULAU PINANG**

47. Tuan P. Patto minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa Encik Muhamad Daud bin Sharif, Pengurus Besar, Lembaga Buruh Pelabuhan Pulau Pinang, yang juga bekas kakitangan Kementerian beliau, telah memperolehi satu pinjaman perumahan daripada Lembaga tersebut walhal beliau pernah mengambil satu lagi pinjaman perumahan dari Perbendaharaan Persekutuan semasa beliau berkhidmat dengan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dalam tahun 1973 yang belum diselesaikan;
- (b) sama ada beliau sedar bahawa Encik Muhamad Daud bin Shariff telah memberi maklumat palsu untuk memperolehi pinjaman kedua daripada Lembaga walaupun ia sedar bahawa seorang kakitangan Kerajaan, badan berkanun ataupun pihak berkuasa tempatan tidak boleh mendapat lebih daripada satu pinjaman perumahan dalam tempoh ia berkhidmat dengan Kerajaan atau dengan badan-badan yang disebutkan itu dan harta yang dibeli dengan pinjaman kedua itu yang diluluskan dalam tahun 1975 tidak dicagar dengan Lembaga sehingga tahun 1978;
- (c) mengapa "interest subsidy" atas pinjaman pertama itu tidak dibayar oleh pihak Lembaga dari tahun 1975 hingga 1979;
- (d) sama ada "interest subsidy" ini telah dibayar oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat bagi tempoh tersebut, jika tidak, siapakah yang membayarnya untuk tempoh itu; dan
- (e) apa tindakan telah diambil atas pegawai yang tidak bertanggungjawab dan yang berani menipu itu.

Dato' Richard Ho Ung Hun:

- (a) Saya sedar bahawa pegawai yang berkenaan telah memperolehi satu pinjaman perumahan semasa berkhidmat dengan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dalam tahun 1973 dan satu pinjaman lagi dari Lembaga Buruh, Pulau Pinang. Perlu ditegaskan di sini bahawa, sebelum Lembaga

meluluskan pinjaman tersebut, Pegawai yang berkenaan telah meminta penjelasan daripada Bahagian Pinjaman Perumahan, Perbendaharaan dan telah;

- (i) memberi kenyataan bahawa beliau telah memperolehi satu pinjaman semasa dalam perkhidmatan Kerajaan untuk membeli sebuah rumah yang dibina oleh Syarikat perumahan kakitangan Kerajaan, dan
- (ii) bahawa beliau telah ditukarkan secara tetap kepada Lembaga sebagai Ketua esekutif, dan
- (iii) telah bertanya sama ada Lembaga boleh menggunakan budi bicaranya dalam meluluskan satu pinjaman kepada seorang pegawai yang telah mendapat pinjaman perumahan semasa dalam Perkhidmatan Kerajaan.

Lembaga telah meluluskan pinjaman pegawai tersebut mengikut merit permohonannya. Walau bagaimanapun, perkara ini pada mulanya telah dibangkitkan oleh Juruodit Negara dan atas arahan Perbendaharaan. Pegawai yang berkenaan telah membayar semula baki pinjamannya dengan penoh bersama-sama dengan faedah tanpa apa-apa kerugian ke atas Lembaga Pinjaman asal dari Perbendaharaan Persekutuan yang mana pegawai tersebut adalah layak mendapatnya, masih lagi ada berbaki dan sedang dibayar balik olehnya secara ansuran tiap-tiap bulan dengan kadar faedah 4%.

- (b) Tidak ada apa-apa bukti yang menunjukkan bahawa pegawai yang berkenaan telah memberi maklumat palsu untuk mendapatkan pinjaman yang kedua dari Lembaga. Pegawai itu telah mengemukakan permohonannya dan memperolehi pinjaman itu secara jujur serta yakin dan percaya bahawa beliau adalah berhak mendapat pinjaman tersebut sebagai seorang kakitangan Lembaga. Tanah dan rumah yang dibeli dengan pinjaman yang diluluskan oleh Lembaga itu tidak boleh dicagarkan kepada Lembaga kerana ianya tidak mempunyai kuasa untuk memiliki hartabenda yang tidak bergerak (immovable property) dan untuk menerima "charges". Sementara tindakan sedang

diambil untuk meminda Perintah tersebut, dengan tujuan untuk mengadakan peruntukan yang sedemikian, saya adalah berpuashati bahawa tindakan yang sesuai telah diambil oleh Lembaga untuk melindungi kepentingan Lembaga dari segi pinjaman dari tarikh ia diluluskan sehingga ia diselesaikan dengan penuhnya.

- (c) Faedah subsidi ke atas pinjaman perumahan yang pertama telah tidak dibayar oleh Lembaga kerana ia telah ditimbulkan oleh Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan hanya pada penghujung bulan April, 1979 Lembaga selalu meminta penjelasan daripada Bahagian Pinjaman Perumahan, Perbendaharaan dan perkara itu masih lagi ditunggu.
- (d) Faedah subsidi bagi tempoh yang berkenaan telah dibayar oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, Kami masih lagi menunggu penjelasan daripada Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan.
- (e) Sebagaimana yang diterangkan pada awal tadi, perkara ini masih menunggu nasihat daripada Bahagian Pinjaman Perumahan mengenai berbagai-bagai aspek. Pegawai itu juga telah membayar balik pinjaman tersebut dengan sepenuhnya sebaik-baik sahaja perkara itu ditimbulkan. Tidak ada bukti dan alasan yang menunjukkan pegawai tersebut cuba hendak memperdayakan sesiapa dalam kes ini.

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

Insiden Kematian di Pulau Danawan

3.35 ptg.

Tuan Fung Ket Wing (Sandakan): Tuan Speaker, dengan ini, saya memberi notis menurut Perintah Tetap Dewan Rakyat 18 (2) bahawa saya ingin mencadangkan Dewan ini ditangguhkan Majlis Mesyuarat bagi maksud merundingkan satu perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan dan usul saya berbunyi:

“Bahawa Dewan ini, menurut Perintah Tetap 18 (2) memberi kebenaran kepada Ahli Parlimen kawasan Sandakan, Y.B.

Fung Ket Wing, untuk meminta penangguhan Dewan ini untuk merundingkan satu perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan, iaitu insiden tembak mati sepuluh orang termasuk tiga orang kanak-kanak pada 29hb Mac ini di Pulau Danawan, 20 batu dari Semporna, Sabah, oleh sekumpulan penyerang yang bersenjata di mana sekurang-kurangnya 11 orang lagi termasuk wanita dan kanak-kanak tercedera, ada di antara mereka yang cedera parah dan dimasukkan ke Hospital Semporna;

“Bahawa perkara ini adalah kepentingan orang ramai kerana pendu'uk-penduduk di Negeri Sabah berasa bimbang dan berada dalam keadaan ketakutan berikutan bukan sahaja dengan insiden tersebut tetapi juga dengan insiden yang berlaku pada 31hb Mac ini, pukul 7.15 pagi, di mana tiga orang “border scouts” tercedera akibat diserang oleh sekumpulan anasiran-anasir bersenjata yang bertopeng di Pulau Sisipan, berhampiran Pulau Danawan.

“Bahawa perkara ini berkehendak disegerakan kerana nyawa dan hartabenda rakyat kita terancam dan lebih-lebih lagi memandangkan insiden-insiden ini berlaku bertubi-tubi selepas lima bulan berlakunya peristiwa Saleha Baru di mana 47 penumpang dirampas oleh orang-orang bersenjata dan penubuhan satu pasukan petugas yang terdiri dari 10 bot tentera laut dan polis laut untuk mengawal perairan Sabah kini terbukti tidak berkesan dan janji-janji bahawa keselamatan nyawa rakyat Negeri Sabah yang dibuat oleh Kerajaan di dalam Dewan ini tidak bermakna lagi;

“Bahawa Dewan ini hendaklah mengarah Kerajaan mengambil tindakan dan langkah-langkah segera dan perlu supaya memastikan nyawa dan hartabenda rakyat kita terjamin serta juga mengarah Kerajaan mengkaji semula dasarnya terhadap pelarian-pelarian Filipino yang menjadi punca kekerasan digunakan dan Dewan ini juga hendaklah mendesak Kerajaan Malaysia mendesak Negeri Filipina menyelesaikan secara damai masalah-masalah yang dihadapi oleh kaum muslim di Filipina Selatan.”

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima usul ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (2) pagi tadi dan ini telah dihurai oleh Ahli Yang Berhormat dari Sandakan iaitu Yang Berhormat Tuan Fung Ket Wing.

Saya tidak perlu menyatakan apa syarat-syarat yang boleh perkara ini ditimbang atau dibahaskan oleh Dewan ini kerana sudah kerap benar dalam sidang ini perkara 18 ini dibawa dalam mesyuarat.

Saya telah meneliti dan menimbang isi kandungan usul ini, saya dapati insiden yang disebutkan dalam usul Yang Berhormat itu adalah tertentu oleh kerana kejadian tersebut berlaku di Pulau Danawan yang mana 10 orang telah terbunuh.

Saya telah menghubungi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk mendapatkan kepastian mengenai dengan kejadian ini dan mendapatkan kenyataan yang sah bagi makluman saya sendiri dan juga untuk membantu saya membuat keputusan terhadap usul ini. Saya telah diberitahu bahawa Pesuruhjaya Polis Sabah dan pegawai-pegawai tinggi keselamatan telah berada di tempat kejadian itu untuk menjalankan siasatan dan mengarahkan tindakan selanjutnya. Untuk menjaga keselamatan dan menjamin kejadian ini tidak berulang lagi pihak Kementerian telahpun mengirimi anggota pasukan keselamatan untuk membantu anggota keselamatan yang sedia ada di tempat tersebut. Rondaan-rondaan di laut oleh Polis Laut dan Tentera Udara Di Raja Malaysia juga diperhebatkan. Sehingga ini beberapa tangkapan, saya telah diberitahu, telahpun dibuat dan penyiasatan sedang berjalan. Walaupun kejadian ini merupakan satu kejadian setempat yakni di Sabah sahaja yang mana tindakan secukupnya daripada pasukan tempatan telahpun diambil, namun memandangkan implikasi dari kejadian ini boleh menimbulkan perasaan bimbang dari segi keselamatan dan ketenteraman awam dan mungkin membawa kesempatan kepada anasir-anasir anti nasional menanggung di air keruh, maka boleh disifatkan bahawa perkara ini sebagai menyentuh kepentingan orangramai. Jadi perkara tertentu sudah ada dan syarat kepentingan orangramai sudah ada. Sekarang syarat yang satu lagi perkara ini boleh diserahkan kepada Dewan ini ialah tentang sama ada perkara ini perlu disegerakan.

Kalau memandangkan daripada perkara ini dan perkara yang telah dibawa dalam sidang penggal yang lepas ini bermakna setiap kali ada satu-satu jenayah seumpama ini maka Dewan ini diminta ditangguhkan untuk membicarakan, menimbang atau merundingkan masalah atas soal-soal jenayah yang berlaku itu. Dan memandangkan tindakan-tindakan yang perlu telahpun diambil dengan cepat sekali oleh pihak Kerajaan untuk mengawal dan mententeramkan di kawasan yang telah berlaku di sebelah Sabah sana, maka saya telah berpuas hati bahawa usul yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak lagi perlu disegerakan. Ini bermakna, usul ini saya tolak. *(Tepuk)*

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG FILEM WAYANG GAMBAR (PENAPISAN) (PINDAAN) 1980

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (1hb April, 1980)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu Dewan ini ditangguhkan pada petang semalam Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sedang mengemukakan Rang Undang-undang ini. Sila teruskan ucapan.

3.45 ptg.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, bagi menyambung keterangan-keterangan yang saya telahpun berikan pada hari kelmarin berhubung dengan pindaan Undang-undang ini, maka sukalah saya membuat keterangan sedikit sebanyak lagi berhubung dengan pindaan Undang-undang itu.

Bahawa Kerajaan juga adalah bercadang untuk mengadakan satu peruntukan baru di seksyen 26A iaitu bagi memberi kuasa kepada Menteri mengharamkan sesebuah filem ataupun pita video yang pada pendapatnya akan merosakkan akhlak, ketenteraman awam ataupun memudaratkan keselamatan negara.

Selain daripada itu, seksyen 28 pula akan memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan bagi menumpukan cara-cara menapis filem dan juga cara-cara mengadakan mesyuarat dan serta juga cara-cara membuat rayuan-rayuan.

Peruntukan yang baru ini adalah perlu bagi membolehkan Jabatan Penapis Filem menjalankan tugasnya dengan licin supaya filem-filem, pita video yang ditayangkan kepada masyarakat umum itu adalah selaras dengan keperibadian bangsa dan prinsip-prinsip Rukunegara.

Seharian ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemuka bahawa satu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Filem Wayang Gambar (Penapisan) 1952 dibacakan kali yang kedua sekarang, dan dibukakan untuk perbahasan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

3.48 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Speaker, saya bangun untuk memberi sedikit pandangan terhadap Rang Undang-undang Filem Wayang Gambar (Penapisan) (Pindaan) 1980 yang baru tadi dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan.

Salah satu tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk membuat peruntukan supaya interpretasi perkataan "filem" diperluaskan pengertiannya tidak sahaja untuk filem wayang gambar tetapi juga meliputi pita video (video-tape). Dengan lain perkataan, pita video sekarang telah diletakkan di bawah peraturan-peraturan penapisan sebagaimana yang dinyatakan dalam Akta Filem (Penapisan) 1952.

Tuan Speaker, saya tidak bermaksud untuk membantah penapisan video-tape, tetapi apa yang saya suka tegaskan di sini ialah janganlah hendaknya terlampau ditapis kerana ini boleh menjejaskan industri pita video.

Pita video pada hari ini memainkan satu peranan yang boleh dianggapkan penting dalam bidang hiburan untuk rakyat Malaysia dan bentuk hiburan ini telah didapati begitu popular. Tuan Yang di-Pertua, kepopularitiannya video-tape di kalangan rakyat Malaysia adalah kerana rancangan TV kita kurang berkualiti dan tidak cukup mampu untuk memberikan hiburan yang lebih baik kepada rakyat, kerana inilah ramai rakyat Malaysia begitu berminat membeli video sebagai menambah rancangan-rancangan TV sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, industri video adalah satu industri yang disifatkan baharu di negara kita dan pengusaha-pengusaha industri ini telah mencurahkan masalah-masalah yang mereka hadapi kepada saya apakala mereka mengirimi atau menghantar video-tape mereka kepada Lembaga Penapis untuk ditapis. Tuan Yang di-Pertua, bahkan sebelum Rang Undang-undang ini dibentangkan di Parlimen pengusaha-pengusaha video-tape dikehendaki menghantarkan video-tape mereka untuk ditapis. Salah satu masalah utama dan besar yang mereka hadapi ialah kelewatan pihak Lembaga Penapis untuk menapis dan meluluskan video-tape itu. Kerana kelewatan yang begitu lama untuk menapis video-tape ini saya diberitahu bahawa terdapat lebih kurang 10,000 gulung reel video-tape yang sedang menanti untuk penapisan pada masa sekarang. Sejauh pengetahuan saya kelewatan ini berpunca kerana masalah kekurangan kakitangan yang membuat kerja penapisan, begitu juga kekurangan mesin-mesin penapisan.

Saya diberitahu bahawa terdapat hanya 4 buah mesin sahaja yang dikenali dengan nama Video Cassette di dalam Lembaga Penapis. Ini tentunya pada anggapan saya tidak cukup untuk mengendalikan bilangan besar video-tape yang perlu ditapis. Penapis-penapis video-tape ini jugalah yang membuat kerja penapisan filem-filem biasa yang dapat kita lihat di panggung-panggung wayang. Maka dengan keadaan ini bagaimana mereka dapat menampung tugas menapis filem-filem biasa dan video-tape pada masa yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kekurangan mesin dan tenaga pekerja untuk menapis video-tape maka kelewatan berlaku dan tidak ada masa dan tidak ada had masa

sebenarnya bilakah sesuatu penapisan itu akan disjarkan. Melihat satu filem video-tape **untuk tujuan penapisan** biasanya memakan masa lebih kurang dua jam atau lebih untuk setiap gulung (reel). Cuba bayangkan, Tuan Yang di-Pertua, berapakah lama masa yang akan digunakan untuk menapis bilangan besar video-tape yang sekarang terdapat dan dibawa ke pihak Lembaga untuk penapisan setiap hari. Memandangkan kepada perkara ini, saya suka mencadangkan bahawa lebih banyak lagi mesin-mesin dan tenaga pekerja diambil bagi mempercepatkan kerja penapisan video-tape. Jika tidak, saya rasa bahawa pengusaha-pengusaha industri itu akan terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, saya dimaklumkan bahawa baharu-baharu ini pengedar-pengedar video-tape telah menubuhkan satu persatuan yang bertujuan membincang dan menghuraikan berbagai-bagai masalah yang mereka hadapi dan membawa masalah-masalah mereka ke pengetahuan pihak Kerajaan. Saya ingin menggesa pihak Lembaga Penapis Filem supaya mengadakan majlis dialog dengan pihak persatuan supaya masalah-masalah tersebut boleh diselesaikan dengan secepatnya.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada satu masalah iaitu tentang kemasukan video-tape secara haram daripada negara-negara lain dan ini telah banyak menjejaskan pengusaha-pengusaha yang mempunyai lesen. Saya rasa bahawa Kerajaan haruslah mengambil tindakan yang patut dengan tujuan untuk melindungi hak dan kepentingan pengusaha-pengusaha video-tape yang mempunyai lesen di negara kita. Sekian pendapat saya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanah Merah.

3.57 ptg.

Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan Rang Undang-undang iaitu sebagai pindaan kepada suatu Akta untuk meminda Akta Filem Wayang Gambar (Penapisan) 1952. Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab memandangkan pada hari ini media massa memainkan peranan yang penting di

dalam pembentukan peribadi dan moral warganegara terutama sekali golongan muda maka sesuainyalah pindaan-pindaan tertentu dikemukakan oleh pihak yang berkenaan terhadap filem-filem atau perkara-perkara yang bersangkutan dengannya supaya ianya sesuai dengan kehendak-kehendak ataupun aspirasi negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara sepertimana yang terdapat di dalam pindaan kepada Akta ini. Perkara yang pertama sekali saya dapati bahawa tafsiran perkataan "filem" itu telah diperluaskan lagi supaya ianya merangkumi bukan sahaja filem wayang gambar tetapi juga pita video dan rakaman sesuatu babak arca nampakkan satu rakaman yang boleh digunakan sebagai satu cara menayangkan babak itu sebagai gambar bergerak. Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab pita video pada hari ini di samping filem-filem, yang ditayangkan di panggung-panggung wayang dan juga filem-filem yang ditayangkan melalui TV memainkan peranan yang penting dalam kehidupan sehari-hari maka kawalan-kawalan yang tertentu hendaklah dibuat oleh pihak-pihak yang berkuasa khususnya dalam bidang ini ialah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sebagaimana yang diwakilkan kepada Lembaga Penapisan Filem.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam membincangkan perkara ini saya ingin membuat satu dua cadangan agar dapat dipertimbangkan oleh pihak Lembaga tersebut.

Perkara yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, pihak Lembaga ini hendaklah menimbang hasrat negara, cita-cita negara ataupun aspirasi negara hendaklah mengatasi segala-galanya. Ini hendaklah berpandu kepada Rukunegara, berpandu kepada hakikat-hakikat yang wujud di kalangan masyarakat kita sendiri dan seterusnya berpandu kepada cita-cita negara ini hendak mewujudkan satu rupa bangsa Malaysia yang mempunyai satu kebudayaan nasional yang berteraskan kebudayaan asal rakyat di rantau ini. Dengan latar belakang yang tersebut maka hendaklah pihak Lembaga Penapisan Filem ini melihat kalau-kalau terselit di sana-sini dakyah-dakyah yang hendak diselitkan oleh pihak-pihak tertentu sama ada pihak keugamaan (missionary) ataupun Facist ataupun pihak-pihak yang hendak menyampaikan hasrat mereka supaya sesuatu perkara

sedikit demi sedikit boleh menolong mereputkan nilai-nilai kebudayaan, nilai-nilai ketahanan negara ini dan ini dengan sendirinya akan meruntuhkan hasrat dan cita-cita kita untuk membangunkan sebuah negara yang bersatu-padu dan berdaulat pada masa akan datang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, kita dapati ada unsur-unsur yang terdapat yang agak terlalu jauh melencung daripada nilai-nilai keagamaan. Saya sebut keagamaan bukan soal Islam sahaja dan di samping itu terlalu banyak juga kita dapati nilai-nilai yang terlalu jauh melencung daripada nilai-nilai tata susila yang sepatutnya dipertahankan oleh masyarakat kita bangsa Malaysia pada hari ini. Seterusnya kita dapati dalam filem-filem pada hari ini terlalu banyak unsur-unsur, boleh jadi disukai oleh golongan muda-mudi, tetapi unsur-unsur tersebut kalau diperhatikan, kalau diteliti dengan baik-baik mungkin membawa satu akibat yang tidak begitu menyenangkan. Misalnya terlalu banyak atau terlalu ghairah pada hari ini filem-filem yang membawa peristiwa-peristiwa peperangan, yang membawa perkara-perkara yang ada hubungan dengan perompakan, pencolekan, penyamunan dan sebagainya. Walaupun filem-filem tersebut sangat digemari tetapi sedikit demi sedikit dan dengan secara tidak disadari oleh orang-orang yang menonton filem-filem tersebut mungkin ini akan membentuk satu nilai yang tidak sihat pada satu masa nanti.

Misalnya, satu masa dahulu kita mempunyai satu siri filem "Combat" melalui Televisyen Malaysia. Oleh sebab siri Combat itu menampakkan seolah-olah hanya pihak Amerika sahaja yang menang dalam sebarang peperangan dan juga menampakkan seolah-olah orang-orang Jerman di dalam Peperangan Dunia Pertama, dalam Peperangan Dunia Kedua saban ketika tidak pernah menampakkan sedikitpun otak untuk mempertahankan sesuatu dari segi ketenteraan. Jadi bagi anak-anak yang belum lagi dapat menilai baik buruk tentang sesuatu, bagi anak-anak yang belum lagi dapat membuat satu garisan nilai ethika yang betul maka dengan senang sahaja dakyah-dakyah ini dapat menanamkan satu

prasangka satu prejudice bahawa setiap yang dibuat oleh Amerika itu betul dan setiap yang dibuat oleh Jerman itu adalah salah melalui filem yang tersebut. Begitu jugalah kita dapati perkara-perkara yang ada hubungan dengan moral, mungkin saya percaya dan saya bersyukur dan berterima kasih kepada pihak Lembaga Penapisan Filem kerana telah banyak memotong babak-babak yang dirasai terlalu jauh lari daripada keperluan-keperluan kita sendiri di samping telah mengharamkan beberapa filem daripada ditayangkan di negara ini kerana adalah terlalu jauh melencung atau menyimpang daripada kehendak-kehendak kita sendiri.

Dalam pada itu saya tidak hendak menafikan terdapat juga babak-babak yang tertentu di dalam filem-filem ini yang mana mungkin boleh dilihat oleh segolongan daripada masyarakat kita sahaja. Misalnya, kita dapati filem-filem "For Adults Only", saya tidak yakin filem-filem ini hanya akan ditonton apabila ditayang kelak ataupun ditonton setelah ditayangkan hanya oleh golongan-golongan yang dianggapkan "adults only". Jadi di dalam sesuatu penilaian yang hendak dibuatkan oleh Lembaga Penapisan Filem ini maka sesuatu filem itu hendaknya jangan untuk dijadikan satu consumption kepada sesuatu golongan masyarakat sahaja tetapi hendaklah disifatkan sebagai ianya akan dikonsumsi atau akan ditonton oleh semua masyarakat daripada kanak-kanak yang mulai pandi menonton filem sampailah kepada orang-orang dewasa dan orang-orang tua yang masih lagi suka menonton filem.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai dua bahagian di dalam pindaan kepada Akta ini, iaitu apa yang saya nampak dalam Fasal 8 (b) dan juga Fasal 31. Ini adalah jelas seolah-olah pihak Lembaga Penapis Filem ataupun pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri cuba hendak menyenangkan kerja seharian mereka. Umpamanya melalui Fasal 8 (b) dalam teks yang saya maksudkan, iaitu bertujuan meminda seksyen 4 Akta dengan mengadakan satu seksyen-kecil baru 4 yang akan membolehkan Pengerusi Lembaga mewakili kepada Timbalan Pengerusi atau Setiausaha Lembaga kuasa menandatangani sijil membenarkan penayangan sesuatu filem.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya mengutarakan satu persoalan kepada pihak yang berkenaan, iaitu Timbalan Menteri yang berkenaan apakah perlunya soal menandatangani ini diturunkan kepada Timbalan Pengerusi dan Setiausaha Lembaga kerana walaupun Pengerusi tetap menandatangani segala sijil-sijil untuk membenarkan penayangan sesuatu filem itu segala tanggungjawab penapisan itu telahpun dilalui, telahpun dilihat dan telahpun dipersetujui oleh pihak Lembaga Penapisan Filem termasuk Timbalan Pengerusi dan juga Setiausahanya sekali, lainlah kalau sekiranya di dalam ketiadaan Pengerusi, misalnya, Pengerusi bercuti dan Pengerusi berada di luar negeri maka dengan sendirinya Timbalan Pengerusi akan memangku jawatan Pengerusi dan dengan sendirinya Timbalan Pengerusi akan menandatangani sijil-sijil untuk membenarkan penayangan filem yang berkenaan. Saya tidak menentang, jauh sekali, peruntukan ini daripada diterima, tetapi yang saya hendak bertanya di sini ialah rational di belakang menambahkan dua orang selain daripada Pengerusi untuk menandatangani sijil-sijil penayangan sesuatu filem itu.

Yang saya takutkan, Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kalau kita membenarkan terlalu banyak orang mempunyai kuasa boleh jadi kuasa itu tidak akan selaras dan selari, maka apa salahnya kalau Pengerusi Lembaga terus menandatangani. Walau bagaimanapun, saya ingin mengingatkan bahawa walaupun di dalam soal menandatangani sijil membenarkan penayangan sesuatu filem itu dibenarkan kepada Timbalan Pengerusi atau Setiausaha Lembaga, tetapi kebenaran ini hanya hendaklah dibenarkan apabila sesuatu keadaan wujud di mana perlu salah seorang daripada mereka ini menandatangani bagi pihak Pengerusi ataupun atas nama mereka sendiri tetapi kalau sekiranya Pengerusinya sendiri masih ada, Pengerusinya sendiri hadir maka soal menandatangani itu hendaklah menjadi tugas ataupun tanggungjawab Pengerusi sendiri.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai Fasal 31. Fasal 31 bertujuan memberi kuasa kepada Menteri untuk melarang pemilikan, pengelilingan, pengedaran, penjualan atau penayangan sesuatu filem jika ia berpendapat perbuatan-perbuatan tersebut adalah bertentangan dengan kepentingan awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan pindaan ini dan di dalam hal ini saya rasa amatlah sesuai kerana setakat hari ini kuasa-kuasa tersebut adalah terletak kepada Yang di-Pertuan Agong. Boleh jadi pada masa Akta ini diluluskan pada tahun 1952 dahulu bilangan panggung wayang tidak begitu banyak, bilangan filem-filem hendak diluluskan juga tidak begitu banyak, maka mungkin pada masa itu tidak difikirkan perlu seorang Menteri yang bertanggungjawab mengambil tugas ini hatta terpaksa diberi tugas ini kepada Yang di-Pertuan Agong. Maka sudah sampai masanya Menteri yang berkenaan mengambil tanggungjawab ini dan saya mengalu-alukan perkara ini.

Di samping itu, saya ingin mencadangkan ataupun meminta Yang Berhormat Menteri berkenaan supaya mengambil perhatian mengenai penayangan wayang-wayang gambar di panggung-panggung itu sendiri. Pertamanya, walaupun tidak begitu ada hubungan rapat dengan filem-filem sendiri tetapi saya berharap pihak Yang Berhormat Menteri tolong melihat supaya pada hari-hari Jumaat—saya tidak kata malam Jumaat, pada hari-hari Jumaat ditiadakan tayangan filem mulai jam 12.00 tengahari hingga jam 2.00 petang. Begitu juga pada hari-hari sebelah petang ditiadakan tayangan wayang yang boleh mengikat penonton sewaktu sembahyang Maghrib. Misalnya kita dapati penayangan filem berjalan jam 1.15 tengahari Jumaat dan kita dapati juga penayangan filem berjalan jam 6.30 petang tiap-tiap hari—saya maksudkan di samping adanya penayangan pada jam 7.15 malam.

Oleh sebab penayangan filem ini bukan hanya terhad kepada orang-orang yang tidak hendak menunaikan fardzu sembahyang tetapi juga adalah ditujukan kepada seluruh manusia, seluruh masyarakat di tempat yang berkenaan sama ada yang hendak menunaikan fardzu sembahyang ataupun yang tidak hendak menunaikan fardzu sembahyang, tetapi kemudahan hendaklah ditentukan supaya waktu-waktu yang tertentu tidak kita sengaja membenarkan anak-anak kita terutama sekali melepas diri mereka daripada menunaikan fardzu sembahyang. Mungkin di tempat seperti di kawasan Wilayah Persekutuan ini ada orang mengatakan bahawa kalau sekiranya orang-orang Islam hendak pergi sembahyang Jumaat, serahkanlah panggung

wayang itu kepada orang-orang bukan Islam. Kalau orang-orang Islam hendak menunaikan fardzu Maghrib maka serahkanlah matinee ataupun pertunjukan jam 6.30 ataupun 7.15 itu kepada orang-orang yang bukan Islam. Ini senang cakap sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dari segi praktik tidak dapat diatur atau diurus demikian rupa. Jadi, saya minta supaya pihak Menteri berkenaan walaupun ini bukannya bidang kuasa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri saya juga sedar tetapi oleh sebab ini ada hubungannya dengan penayangan wayang gambar maka saya mintalah supaya pihak Menteri berkenaan berunding dengan pihak-pihak Berkuasa Tempatan sama ada Dewan Bandaraya di Kuala Lumpur atau Majlis-majlis Perbandaran ataupun Majlis-majlis Tempatan di negeri-negeri lain cuba mengelakkan dua waktu yang saya sebutkan tadi supaya diberi peluang kepada orang-orang yang hendak menunaikan fardzu sembahyang dan juga diberi peluang sepenuhnya kepada masyarakat kita dari segi infrastruktur supaya segala perkara yang patut dilaksanakan ataupun sesuai dengan Artikel 3 Perlembagaan mengatakan bahawa agama Islam adalah agama Persekutuan supaya perkara ini dapat berjalan dengan betul, Tuan Yang di-Pertua

Tuan Chan Teck Chan: (*Bangun*)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, nanti sekejap.

Tuan Hussein bin Mahmood: Dan dengan ini saya

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah sudah jauh daripada menyentuh pokok Rang Undang-undang ini

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, ini point of Order berapa?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Nanti sekejap, biar dia

Tuan Chan Teck Chan: Point of Order 37 (a).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya hendak dengar dahulu apa huraian, lepas itu baru saya beri keputusan. Saya pun hendak dengar.

Tuan Chan Teck Chan: Point of Order di bawah Peraturan Mesyuarat 37 (a) di mana teguran mengenai perkara tertib mesyuarat. Pertama, nampaknya Ahli Yang Berhormat itu sudah jauh daripada tajuk yang kita bahaskan di bawah Rang Undang-undang ini. Nampaknya ucapannya ada berkaitan dengan Jabatan Penerangan.

Point yang kedua ialah, saya ada mengikuti ucapan Yang Berhormat dan ada terkeluar daripada tajuk yang kita bahaskan hari ini kerana ucapannya adalah hanya bersesuaian di bawah Kementerian Penerangan, bukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang berkaitan dengan filem sahaja.

Point ketiga ialah beliau mencadangkan mengenai waktu untuk tayangan filem ini, saya fikir adalah melarang semangat Perlembagaan Persekutuan yang menjunjung tinggi kebebasan beragama.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sudahlah. Jika begitu soalnya berkenaan dengan perkara di bawah Peraturan Mesyuarat 37 (a). Kalau begitu dalam Seksyen 31 menyebut di sini:

“Seksyen 26A Akta itu adalah dipinda:

(a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “Yang di-Pertuan Agong” dalam seksyen-kecil (1) dengan perkataan “Minister”;

Tadi disentuh oleh Yang Berhormat.

“(b) dengan memasukkan koma dan perkataan-perkataan “possession, circulation, distribution or sale” selepas perkataan “exhibition” dalam baris lima seksyen-kecil (1);”

Kalau perkataan-perkataan “possession, circulation, distribution or sale” dengan perkataan “exhibition” memanglah berkaitan dengan pertunjukan. Jadi perkara ini tidaklah melanggar peraturan (*Tepuk*).

Tuan Chan Teck Chan: Apa yang saya sentuhkan ialah di bawah Peraturan Mesyuarat 37 (b) mengenai kebebasan keagamaan di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Hussein bin Mahmood: (*Bangun*).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Nanti dahulu

Tuan Chan Teck Chan: Berkaitan dengan pertunjukan wayang gambar, Tuan Speaker, itu yang saya sentuhkan sekarang.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Baik. Yang Berhormat, bila sebut "possession, circulation, distribution or sale", terutama sekali "distribution or sale" ada berkaitan dengan waktu atau masa.

Tuan Chan Teck Chan: Itu saya . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Nanti dahulu. Dengar dahulu. Kalau begitu sekarang ini, perkara ini ialah berkenaan dengan pengedaran dan penjualan filem, tentulah berkaitan dengan masa. Masa ini berkaitan dengan sembahyang. Pukul 6.30 petang, 7.30 malam. Jadi Yang Berhormat itu cuma hendak menerangkan sahaja.

Tuan Chan Teck Chan: Ya, saya memang bersetuju dengan cadangan

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sudah. Cukup Yang Berhormat.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Speaker, apa yang dibangkitkan ini tadi nampaknya adalah melanggar Perlembagaan Persekutuan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tidak! Sudah, teruskan.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, bahagian yang pertama tidak perlu saya jawab. Saya tidak hendak mengatakan seseorang itu tidur tetapi saya menganjurkan supaya Ahli Yang Berhormat berkenaan baca dahulu Rang Undang-undang ini.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, apa salahnya kalau saya sebagai seorang Wakil Rakyat, Ahli Dewan ini yang beragama Islam, yang dilindungi oleh Perkara 3 dalam Perlembagaan hanya meminta supaya penayangan gambar tidak dijalankan sewaktu orang Islam sembahyang Jumaat, tidak ditayangkan sewaktu orang Islam sembahyang Maghrib. Saya tidak melarang sesiapa daripada pergi melihat

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Yang di-Pertua, dari segi Perlembagaan ada memberi hak asasi

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, apa dia hendak ini?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, mengikut peraturan—saya ini mengikut peraturan yang sedia ada—iaitu Peraturan 37. Bila Ahli Yang Berhormat itu bangun terpaksa saya dengar dahulu apa permintaan dia sebagai hormatkan dia.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan saya apakah salahnya bagi panggung wayang gambar menayangkan gambar dalam waktu yang disebutkan. Kalau cadangan itu diterima ini akan melanggar hak asasi manusia dan juga melanggar semangat dan prinsip Perlembagaan Persekutuan kerana

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat hendak penerangan ataupun point of order?

Tuan Chan Teck Chan: Untuk penjelasan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau begitu, jikalau Ahli Tanah Merah bersetuju memberi peluang bolehlah. Ahli Yang Berhormat beri peluang?

Tuan Hussein bin Mahmood: Kalau saya tak beri pun dia sudah beri penjelasan. Jadi kalau saya beri, perkara itu juga disebutkan. Sekarang saya tak beri jalan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dia tidak beri, duduk! Sila teruskan!

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya ulangi sekali lagi apakah yang pihak Pembangkang itu hendak? Baca betul-betul Perlembagaan. Di manakah salahnya sebagai seorang Wakil Rakyat yang beragama Islam, di manakah salahnya berpandu kepada Perkara 3 Perlembagaan, saya hanya meminta supaya anak buah saya tidak tinggal sembahyang Jumaat dan supaya anak buah saya tidak tinggal sembahyang Maghrib. Ini adalah dihormati dan dijamin oleh Perlembagaan negara ini. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak pernah keluar daripada itu. Soalan pentafsiran yang dibuat oleh beliau dalam soal-soal lain itu adalah soal pentafsiran dan saya tidak bertanggungjawab di atas soal-soal yang lain. Saya ulangi sekali lagi kalau tadi saya minta pihak berkenaan supaya

menimbangkan, sekarang saya ingin mencadangkan supaya semua tayangan wayang gambar waktu sembahyang Jumaat dan sewaktu sembahyang fardu Maghrib hendaklah ditamatkan seberapa awal yang dapat supaya orang-orang Islam dapat menunaikan fardu Jumaat dan dapat menunaikan sembahyang Maghrib dengan tidak tergendala oleh sesuatu perkara sekalipun.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kangar.

4.22 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Akta Filem Wayang Gambar (Penapisan) (Pindaan) 1980 yang dikemukakan oleh Timbalan Menteri berkenaan.

Saya berpendapat filem dan wayang gambar ini adalah satu daripada alat siberan am atau satu pertunjukan yang mendorong manusia termasuk kanak-kanak berumur 3 tahun ke jalan baik atau tidak baik. Maka dengan sebab itu, pindaan untuk mengenakan penalti atau denda yang lebih berat kepada sesiapa yang tidak mengambil indah di atas langkah yang telah ditetapkan oleh pihak Penapis Filem saya amatlah bersetuju dengan alasan yang saya katakan tadi iaitu filem wayang gambar adalah satu perkara yang mendorong manusia ke jalan baik atau tidak baik.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kata rakan saya tadi saya bersetuju yang mana saya amat sedih di mana benda ini telah berlaku dan telah terjadi, kalau tak silap saya selepas daripada rancangan hiburan malam minggu yang diadakan tiap-tiap hari Sabtu malam Ahad lepas itu digantikan dengan tayangan tarian yang datang daripada pulau yang berhampiran dengan Malaysia dan dikatakan tarian itu ialah tarian orang-orang Melayu asli yang pakaiannya bercampur-campur dan bila kita tengok amatlah memalukan. Perkara ini sudah diberhentikan oleh pihak TV Malaysia sendiri, tetapi beberapa minggu lalu benda ini telah berlaku dalam TV Malaysia. Jadi saya berharap sangat perkara macam ini dan perkara yang telah berlaku itu diawasi betul-betul supaya perkara ini tidak akan berlaku lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri biasa dengar dengan tak sengaja ada dua tiga kes kadang-kadang berlaku tembakan daripada kanak-kanak kepada kawan-kawannya yang tak patut berlaku disebabkan dorongan daripada apa yang ditengok dalam TV dan sebagainya. Sebagaimana rakan saya Yang Berhormat dari Tanah Merah katakan tadi filem wayang gambar ini amatlah menarik bukan sahaja bagi orang dewasa tetapi juga bagi kanak-kanak berumur 3 tahun apatah lagi yang berumur 8-9 tahun, yang mudah sekali meniru benda-benda yang lebih kepada pergaduhan khasnya bagi budak lelaki dan mendorong kepada keseronokan keterlaluan kepada kanak-kanak perempuan misalnya tarian dan sebagainya.

Apa yang saya kata tadi saya nampak dengan biji mata saya sendiri, lebih tepat biarlah saya katakan termasuk anak saya sendiri. Bila dia tengok tarian gelek dalam TV itu terlampau sangat seronok sehingga diapun tergoles sama mengikut bagaimana irama yang ada dalam TV. Begitulah diikuti oleh anak perempuan saya. Ini saya katakan berdasarkan apa yang telah berlaku. Begitulah juga berkenaan dengan filem cowboy. Anak saya yang lelaki selalu apa yang dia tengok dalam wayang gambar kadang-kadang dengan serta-merta dia melakukan kepada kanak-kanak yang berhampiran dengan dia. Maka dengan sebab itulah saya berharap sangat-sangat pihak Kerajaan dan Jawatankuasa Penapis Filem itu berhati-hati kerana wayang gambar, pita video dan TV ini satu perkara, satu benda yang amat besar akibatnya, menarik manusia ke satu perkara yang saya katakan tadi. Dengan sebab itu, saya berharap Jawatankuasa ini bukan sahaja sekadar menahan filem-filem yang tak baik dan kalau boleh saya mengesyorkan juga kepada Jawatankuasa itu membanyakkkan filem yang akan mendorong semangat orang-orang rajin bekerja, pergaulan, bersopan-santun dan sebagainya. Bukan sahaja kita menahan bahkan kita beri kuasa kepada Jawatankuasa Penapis Filem itu memberi nasihat macam saya katakan tadi menggalakkan gambar-gambar filem yang sebagaimana saya katakan tadi akan mendorong semangat baik kepada siapa yang menengok.

Dengan sebab itu, saya harap Ahli Jawatankuasa itu patut dipilih dari orang-orang yang sentiasa memikirkan dari segi kebaikan

negara dan sebagainya. Saya juga tahu sebagaimana kita tengok dalam filem, salah satu dari filem yang diharamkan sangat oleh Kerajaan ialah filem lucu kerana filem lucu akan mendorong manusia apabila dia tengok filem lucu maka dengan sendiri dia akan timbul satu keinginan ghairah yang amat tinggi. Dengan sebab itulah saya percaya pihak Kerajaan mengharamkan filem-filem lucu itu tetapi walau macam manapun filem-filem yang ditayangkan dalam panggung wayang sebagaimana kata kawan saya tadi bahkan dalam TV Malaysia dan sebagainya itu, kalau pun tak mengghairahkan orang dengan serta-merta ke jalan tak baik, tetapi mendorong ke jalan itu satu masa ke depan sebagaimana kata kawan saya tadi dia itu terlampau banyak. Dengan sebab itu, saya harap dengan kuasa yang ada pada Jawatankuasa Penapis Filem itu dikaji betul-betul. Bukan itu sahaja bahkan kalau kita tengok dalam tayangan wayang gambar di panggung wayang itu khususnya di TV Malaysia yang mana TV itu alat sebaran am yang dianjurkan oleh Kerajaan, saya berharap sangat-sangatlah biar filem itu memberi kesesuaian kepada masyarakat semua peringkat, baik peringkat dan lapisan masyarakat di luar bandar dan sebagainya.

Saya tengok dalam tayangan itu dalam rancangan lawak jenaka; lawak jenaka itu sehingga tak dapat diikuti sama oleh penduduk luar bandar dan petani, kerana kita tahu TV sebagai sebaran am yang akan ditapis bukan-setakat menjadi mudarat tetapi melekakan rakyat daripada bekerja dan lawak jenaka itu tak mengikut cara ketimuran juga. Saya harap benda ini patut ditapis di segenap segi. Jadi maksud saya hendaklah Jawatankuasa Penapis itu menapis filem yang akan ditayangkan dalam TV dan panggung wayang gambar dan sebagainya terutama filem yang akan mendorong kepada pergaduhan dan banyak tembak-menembak yang mengasyikkan budak-budak dan kedua hiburan yang membawa masyarakat kita lalai. Apabila terlampau sangat hiburan itu manusia menjadi seronok kadang-kadang lebih daripada kadar. Jadi dengan sebab itu, saya berharap perkara ini dikaji sangat-sangat.

Yang kedua, sebagaimana saya katakan tadi Jawatankuasa ini juga memberi nasihat mencari jalan dan mengesyorkan beberapa filem yang agak bersesuaian untuk memberikan kepada semangat perpaduan dan

kebaikan kepada seluruh negara. Itulah harapan saya, Tuan Yang di-Pertua, kepada Jawatankuasa Penapis Filem yang telah diadakan oleh Kerajaan dan kepada orang-orang yang tidak bertanggungjawab untuk mencari untung. Di samping saya cadangkan ini, apa yang disyorkan dalam Rang Undang-undang ini saya amatlah sokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Melaka.

4.32 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka):

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memasuki perbincangan ini khasnya Seksyen 4 saya perlulah menegur ucapan tadi yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah. Dari ucapan itu kita boleh dapati dan tercium satu bau yang adalah melanggar Perlembagaan Part II berkaitan dengan Fundamental Liberties.

Tuan Yang di-Pertua, perlulah kita ingat bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang berbilang bangsa, tidak seorang pun rakyat boleh dihalang untuk mengamalkan atau memeluk ugamanya masing-masing. Saya tidak berkata bahawa orang-orang yang beragama Islam ini perlulah diganggu dengan tayangan gambar dan lain-lainnya, tetapi sekurang-kurangnya Hak Asasi Kemanusiaan, kebebasan seseorang yang bukan beragama Islam janganlah diganggu kerana ada satu cadangan yang mencadangkan bahawa bila waktu sembahyang oleh orang-orang yang beragama Islam ini maka segala kenyataan tayangan gambar perlulah diberhentikan. Adakah Yang Berhormat dari Tanah Merah ini sedari sensitiviti dan seriusnya ucapan beliau? Ini mungkin akan membimbangkan bukan sahaja rakyat Malaysia yang berbilang bangsa tetapi juga akan membawa satu consequence yang buruk terhadap imej Malaysia. Kalau dalam waktu sembahyang itu maka segala kenyataan perlu diberhentikan termasuk kenyataan aktiviti tayangan gambar maka adakah produktiviti kilang-kilang semua mahu berhenti tunggu sembahyang itu selesai? Nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah tidak sedar apakah akibat dan seriusnya ucapannya.

Saya tidak menentang bahawa kebebasan seseorang beragama dan bersembahyang khususnya kaum kita yang beragama Islam, tetapi bila bersembahyang itu, saya fikir ini

tidak akan menjadi satu perkara yang menghalang lain-lain rakyat dan lain-lain kaum yang bukan beragama Islam untuk menjalankan kerja masing-masing. Kalau begini ertinya dalam rukun masyarakat ugama Islam itu, maka perlulah tayangan gambar, tayangan TV dan lain-lain aktiviti umpamanya night-club atau massage parlour perlu diberhentikan lima kali mengikut waktu sembahyang. Adakah ini merupakan satu interpretasi?

Tuan Hussein bin Mahmood: (*Bangun*)

Tuan Chan Teck Chan: Kalau mahu cakap, saya boleh beri jalan.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan kalau Yang Berhormat bersetuju.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Penjelasan apa?

Tuan Hussein bin Mahmood: Kalau dia bersetuju.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dia sudah bersetuju tadi.

Tuan Hussein bin Mahmood: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya adakah dengan kita meminta supaya waktu sembahyang magrib, waktu sembahyang Jumaat, wayang gambar tidak ditayangkan bolehkah ini menjejaskan hak-hak orang lain di negara ini selain daripada orang Islam?

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Yang di-Pertua, saya faham apa yang diutarakan. Saya hendak bertanya Ahli Yang Berhormat apakah salahnya bagi kaum-kaum yang bukan beragama Islam untuk menikmati Hak-hak Asasi dan kebebasan mereka untuk menonton wayang? Adakah ini melanggar undang-undang.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat ini bukan perbahasannya. Yang Berhormat dari Tanah Merah tadi hendak satu penjelasan, kalau begitu Yang Berhormat berilah penjelasan, janganlah membuat soalan balik! kalau soal balik itu jadi tidak berapa terang lagi.

Tuan Chan Teck Chan: Bila soal balik saya akan jawablah soalnya. Itulah sebabnya saya kata soalan saya sangat jelas, apakah salahnya bagi seseorang rakyat Malaysia atau orang luar di dunia ini yang bukan beragama Islam boleh menikmati Hak-hak Asasi mereka atau kebebasan mereka untuk menonton wayang gambar, menonton TV atau pergi ke mana-manapun. Adakah ini bermakna melanggar ajaran ugama Islam? Kalau ia di manakah satu Fasal-fasalnya yang termaktub dalam ajaran Islam yang berkata bahawa ini menjadi perkara haram, tidak boleh dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, inilah maksud saya.

Tuan Hussein bin Mahmood: (*Bangun*)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat nanti dahulu, hendak bertanya?

Tuan Hussein bin Mahmood: Ya, penerangan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Nanti-lah Yang Berhormat. Bila Yang Berhormat hendak minta penjelasan, diamlah dahulu.

Tuan Hussein bin Mahmood: Di bawah Peraturan Mesyuarat 37(b), kalau dia bersetuju.

Tuan Chan Teck Chan: Ya.

Tuan Hussein bin Mahmood: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebagai jawapan kepada soalan tadi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini bukan masa soal-jawab Yang Berhormat hendak tanya langkah atau tidak?

Tuan Hussein bin Mahmood: Penerangan!

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Minta penerangan.

Tuan Hussein bin Mahmood: Saya tidak pernah menghalang sesiapa pun daripada membuat apapun di waktu orang Islam sembahyang - waktu orang Islam sembahyang Jumaat, juga di waktu orang Islam sembahyang fardhu maghrib. Yang saya minta ialah oleh sebab panggung wayang gambar ini adalah terbuka kepada seluruh masyarakat

tanpa mengira ugama, maka demi menghormati Perkara 3 Perlembagaan, apalah salahnya kita adjust sedikit masa supaya lari daripada masa orang sembahyang, kita boleh tengok 4-5 kali sehari juga - tidak jadi masalah - tidak menjejaskan. Terima kasih.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Yang di-Pertua, kalau mahu debate pergilah ke forum lain. Saya tidak mahu mengizinkan perkara ini akan berlaku. Sebagai Wakil Rakyat, sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab, saya adalah perlu mengingatkan Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah bahawa ucapannya sangat memperlihatkan fikiran, pandangan, ideanya yang begitu fanatik dan sempit yang sebenarnya melanggar dengan ajaran ugama Islam.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat nanti dahulu!

Tuan Hussein bin Mahmood: Saya ingin minta penjelasan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya perhatikan dalam perkara ini kedua pihak tidak berapa faham cara masing-masing berfikir. Jadi kalau begitu perselisihan ini kalau kita panjangkan boleh panjang, tetapi rasa saya tidak usahlah kita panjang-panjang perkara itu nampaknya kontroversi, lebih baiklah diteruskan.

Tuan Chan Teck Chan: Saya akan tamatkan dalam beberapa minit lagi. Kalau kita mengkaji dari.

Tuan Hussein bin Mahmood: (*Bangun*)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Apa lagi, nanti dahulu!

Tuan Hussein bin Mahmood: Kerana menghormati Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan bertanya soalan lagi. Terima kasih.

Tuan Chan Teck Chan: Kalau kita mengkaji dari segi falsafah hidup ajaran ugama Islam saya yakin Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah akan boleh menyedari bahawa ajaran ugama Islam ialah menggalakkan manusia hormat-menghormati antara satu sama lain. Tetapi tidaklah menunjukkan cadangan-cadangan yang begitu fanatik yang melanggar dengan prinsip dan semangat Perlembagaan Malaysia sendiri, Rukunegara dan juga Hak Asasi Kemanusiaan.

Tuan Speaker, saya akan menyentuh Seksyen 4 mengenai maknanya filem. Saya memang bersetuju bahawa perusahaan filem ini perlulah diperketatkan demi keselamatan negara kita. Tetapi kita tidak boleh hanya semata-mata berasaskan kepada faktor-faktor keselamatan untuk menyesuaikan fungsi dan tujuan kita mengadakan perusahaan filem di negara kita. Kita perlu juga meninjau dari segi kebudayaan, kesenian, pembangunan sosio-ekonomi dan cara kehidupan rakyat di seluruh dunia ini.

Walaupun sebuah Lembaga Penapis Filem telah ditubuhkan tetapi yang mustahak ialah adakah Lembaga Penapis Filem ini terdiri bukan sahaja ahli-ahli dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, adakah ahli-ahli daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang bertanggungjawab mengenai hal ehwal kebudayaan telah dijemput, dan juga adakah pakar-pakar kebudayaan dari negara kita telah dijemput untuk menganggotai Lembaga itu, kerana ini sangat mustahak. Bila kita menapis filem-filem ini bukan hanya dari segi keselamatan, kita perlu juga menapis filem-filem ini dari segi yang saya sebutkan iaitu adakah filem-filem ini akan boleh membangkitkan kesedaran rakyat terhadap pembangunan sosio-ekonomi tentang pergolakan politik di dunia ini, tentang cara kehidupan rakyat di seluruh negara kita atau di seluruh dunia ini. Ini adalah sangat mustahak.

Memang dalam segi penapisan filem ini yang lebih mustahak dan perlu diperhatikan oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ialah apakah jenis filem-filem ini boleh menggalakkan pengaliran dan perkembangan kebudayaan bukan sahaja di antara masyarakat kita juga lebih luas skopnya ialah kebudayaan seluruh dunia ini. Kalau kita hanya meninjau atau memutuskan sesuatu filem bolehkah ianya ditayangkan hanya dari segi politik, mungkin ini akan merugikan persahabatan Malaysia dengan seluruh dunia yang ada pada hari ini.

Tuan Speaker, saya memang memandang berat bahawa bagaimanakah Lembaga Penapis Filem ini boleh menjalankan tanggungjawabnya lebih far-sighted supaya filem-filem yang boleh membawa faedah kepada rakyat kita bolehlah diizinkan masuk dan ditayangkan di negara kita khasnya dari segi kebudayaan, pembangunan sosio-ekonomi

tetapi bukanlah hanya mempertimbangkan sesuatu filem-filem ini hanya dari segi politik sahaja. Umpamanya, filem-filem dari negara China saya nampak jarang ditayangkan di negara kita. Saya bukan mengatakan filem-filem perlu digalakkan tetapi kalau ada filem-filem yang baik dari segi kepentingan negara kita maka bolehlah Kementerian yang berkenaan mempertimbangkan supaya dasar ini bolehlah diubahsuai. Juga saya berharap Lembaga Penapis Filem ini perlulah mempunyai satu konsep tentang pembentukan masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa kerana saya sangat khawatir khususnya dari segi ucapan Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah telah menunjukkan satu trend yang tidak sihat yang akan merosakkan matlamat pembinaan negara kita. Dari segi keagamaan memang perkara yang dibangkitkan ini adalah sangat sensitif kalau tidak ditegaskan, Tuan Speaker.

Saya harap perkara ini tidak akan menjadi satu perkara yang kontroversi yang kalau mahu dibahas, saya akan bersedia berbahas dengan Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah di mana-mana sahaja tetapi saya perlu memberi amaran kepada pihak Kerajaan khususnya Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah janganlah cuba menyalahgunakan majoriti kerusi yang ada di sini untuk membuat satu cadangan yang mungkin membangkitkan satu akibat yang sangat buruk terhadap Malaysia yang berbilang bangsa ini.

Saya merasa kesal dan keciwa apa yang saya cuba jelaskan dan cuba mengingatkan Ahli Yang Berhormat itu tidak boleh diambil berat melainkan dia cuba lagi mahu menitikberatkan apa yang dia cakap, memang dia ada berhak, Tuan Speaker. Saya khawatir kalaulah perkembangan dan kecenderungan ini tidak dicegah mungkin satu hari Malaysia akan menjadi satu negara bukan sahaja di khawatiri oleh rakyat Malaysia sendiri tetapi akan membimbangkan rakyat seluruh dunia ini. Mereka akan mempersoalkan apakah sikap negara Malaysia hari ini. Apakah Malaysia sebagai negara yang berbilang bangsa, hak asasi kemanusiaan dihormati, kebebasan dijunjung tinggi dan Perlembagaan negara kita disanjung tinggi? Saya tidak mahu melihat segolongan atau segelintir Wakil Rakyat di Dewan ini menyalahgunakan keistimewaan (privilege) mereka untuk

membangkitkan isu-isu yang sensitif yang akan menghasut atau menyinggung perasaan masyarakat kita.

Saya telah berkata bahawa tidak ada salahnya baik dari segi apapun untuk menayangkan wayang gambar pada waktu rakyat yang beragama Islam sedang bersembahyang. Ini tidak salah dan saya tidak nampak di mana-mana dalam ajaran agama Islam ada mengharamkan perkara itu. Kalau ada, saya bersedia untuk duduk di sini bersama-sama mengkajinya tetapi dalam pandangan dan kajian saya tidak pernah melihat atau terbaca ajaran itu baik dari segi wakil-wakil orang Islam. Saya tidak mahu melihat Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah yang begitu fanatik dan sempit fikirannya untuk membahaskan perkara yang begitu kecil tetapi membangkitkan satu isu yang begitu serious consequencenya. Sekianlah sahaja, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pantii.

4.48 *ptg.*

Tuan Haji Yusof bin Malim Kuning (Panti): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana diberi kesempatan kepada saya untuk menyokong Rang Undang-undang meminda Akta Filem Wayang Gambar (Penapisan), 1952.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menentuhkan beberapa perkara yang difikirkan patut, pertama sekali saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan melalui Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang telah berjaya membawa ke dalam Dewan yang mulia ini satu Akta pindaan yang mana pindaan telah dibuat kali pertama pada tahun 1954, seterusnya tahun 1974 dan pada tahun 1980 inilah pindaan kali yang ketiga, kalau tidak silap saya.

Walau bagaimanapun, sepatutnya pindaan ini telah dibuat lama dahulu kerana sewaktu pindaan dibuat pada tahun 1974 saya percaya perkataan seperti "Cinematograph" ini memang sesuai dan perkataan ini terlalu terhad. Jadi bila hari ini dengan adanya video TV tapes umpamanya, dengan adanya pindaan seumpama ini dapatlah kita memasukkan ke dalam Akta ini kesalahan-kesalahan kepada penapisan-penapisan videotape yang

mana videotape ini telah masuk tersibar dengan begitu luas di negeri kita ini sebelum Kerajaan sempat mengadakan pindaan kepada Akta Filem Wayang Gambar (Penapisan), 1952. Tetapi walau bagaimanapun, saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana belum terlambat, kerana baru sahaja perkara ini tersebar di negara kita kalau dibandingkan dengan negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyentuh beberapa masalah atau perkara dalam pindaan ini, saya amat berdukacita terhadap telatah dan kelakuan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pembangkang, terutama sekali Ahli DAP yang datang dari Kota Melaka khususnya. Bukan sahaja mengganggu Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional untuk memberikan hujah dan ucapannya, beliau juga cuba mengadakan ataupun memfitnahkan atau mewujudkan satu perasaan yang mana cadangan atau pandangan yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Tanah Merah tadi telah disalah ertikan, telah diselewengkan dan beliau kononnya berasa bimbang bahawa isu yang seumpama ini akan menimbulkan perkauman dan sebagainya dan sehingga tergamak pada yang akhir-akhir tadi, saya sempat dengar, tergamak Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu mengatakan ia tidak nampak sebarang perkara haram di sisi ugama.

Di sini pada awalnya saya berasa hendak marah juga tetapi bila memikirkan beliau itu bukan beragama Islam, memang tidak logik bercakap dalam soal ugama Islam, lebih-lebih lagi beliau mengatakan tidak nampak haram. Dia bukan tahu halal haram dalam Islam, semuanya halal bagi dia (*Tepuk*). Seorang yang tidak mengerti hukum ugama Islam hendak bercakap dalam ugama Islam lebih-lebih lagi beliau tidak juga beragama Islam, dia salah, tidak boleh. Tidak boleh dikeluarkan fatwa dari orang kafir, mesti fatwa dikeluarkan daripada orang Islam sendiri. Saya hairan, tetapi bila saya merojok kembali di atas kedudukan beliau maka saya maafkanlah kerana beliau itu jahil dalam ugama Islam, tidak mengerti dalam ugama Islam, cuba hendak bercakap dalam ugama Islam. Saya harap kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Pembangkang yang lain saya beri amaran, soal-soal seumpama ini jangan ditimbulkan dalam Dewan ini kalau tidak mengerti soal-soal ugama.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya ingin menyentuh dalam Dewan yang mulia ini, sebagai sebuah negara yang berbilang kaum dan berbilang bangsa dan sebagai sebuah negara yang menjunjung tinggi kedaulatan undang-undang dan sebagai sebuah negara yang seluruh rakyat telah akur dan telah bersetuju berhubung dengan Perlembagaan yang mana dalam Fasal 52, berhubung dengan ugama Islam adalah termaktub sebagai ugama rasmi negara. Oleh kerana itu pada hari ini banyaklah tuduhan-tuduhan dilemparkan kepada kita, terutama sekali kepada Kerajaan di bawah Barisan Nasional, dan secara kebetulan hari ini banyak tuduhan, tohmahan dilemparkan kepada kita, kebetulan pula pada hari ini, pada saat ini berlaku satu pilihanraya kecil di Daerah Bukit Raya di Kedah yang mana dengan adanya pilihanraya kecil ini memberi kesempatan kepada Pembangkang-pembangkang, terutama yang meletakkan calonnya di kawasan itu iaitu PAS, mereka seolah-olah mengambil kesempatan menuduh Kerajaan kita hari ini yang mana Kerajaan katanya bertanggungjawab melemahkan orang Islam, melemahkan Islam sendiri dan kegiatan-kegiatan Islam dan tidak mengadakan daya usaha Kerajaan untuk meninggikan syiar Islam selain daripada mendatangkan kebudayaan-kebudayaan kuning yang boleh merosakkan masyarakat Malaysia dan masyarakat Islam melalui mass media, filem-filem wayang gambar, televisyen dan sebagainya. Ini yang sekarang sedang berlaku di dalam negara kita ini terutama sekali di Bukit Raya yang dilemparkan oleh pihak-pihak Pembangkang yang mengatakan kita tidak membuat sesuatu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tolong tumpukan ucapan kepada perkara yang sedang dibahaskan sekarang iaitu Akta untuk meminda Akta Filem Wayang dan jangan terlampau menyentuh soal-soal umum yang lain.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Terima kasih. Umpamanya, Tuan Yang di-Pertua, pindaan Seksyen 26A di Fasal—31, kalau dahulunya ada dalam Akta itu perkataan Yang di-Pertuan Agong, hari ini diberi kepada Perkataan "Minister", Menteri. Ini saya mengalu-alukan cadangan ini dan sepatutnya sudah lama diadakan. Dengan adanya ini dimasukkan perkataan "Minister" atau Menteri, diberi kuasa kepada Menteri bolehlah pihak Menteri umpamanya menafikan sama ada dalam Dewan yang mulia ini

atau di luar Dewan menafikan tuduhan-tuduhan yang didatangkan oleh mereka yang sengaja hendak menuduh Kedajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau diizinkan saya memberi satu contoh tuduhan-tuduhan yang dilemparkan oleh Pembangkang ini sedangkan kita melalui pindaan umpamanya Kerajaan sendiri telah sedar maka dengan sebab itu diadakan satu pindaan tetapi ini dinafikan oleh pihak Pembangkang, dinafikan oleh segolongan manusia terutama Pembangkang. Tuan Yang di-Pertua, kalau diizinkan saya membawakan sedikit cerita, keadaan Pembangkang ini tidak ubah sebagaimana dua orang Arab

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat tidak payah cerita fasal Pembangkang. Teruskan kepada soal Akta meminda Filem Wayang Gambar. Itu sahaja.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan ini saya harap pihak Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri akan bekerjasama rapat dengan Kementerian yang lain, terutama sekali Kementerian Penerangan berhubung dengan keadaan perkembangan perfileman sekarang ini, lebih-lebih lagi di dalam ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri pada hari semalam di dalam membentangkan pindaan ini mengatakan dalam setahun berpuluh-puluh ribu filem-filem yang datang daripada luar negeri yang perlu ditapis, dan ini tadi telah disentuh oleh beberapa Ahli Yang Berhormat adalah satu faktor menyebabkan telah lambat filem-filem ini dapat ditayangkan oleh kerana Lembaga Penapis ini saya percaya satu tempat sahaja. Jadi dengan sebab itu, saya mencadangkan kepada Kerajaan supaya Lembaga ini diluaskan sedikit kalau boleh diluaskan keahliannya untuk membolehkan Lembaga ini menapis seberapa banyak filem dengan seberapa segera yang boleh.

Satu perkara lagi saya harap di bidang keseksaan ataupun bidang denda, kalau tidak silap saya ada disebutkan di sini dalam Seksyen 26A (a), (b), (c) dan (d) iaitu \$2,000 menggantikan perkataan \$1,000. Ini juga saya menyokong penuh oleh kerana pada masa ini saya lihat kelonggaran terdapat di dalam Akta Perfileman ini, maka dengan sebab itu terdapat banyaknya filem-filem lucu tersebar di negara kita ini. Dan lebih-lebih lagi hari ini dengan adanya video-tape

ini yang mudah sangat diimport boleh dimasukkan dalam saku daripada Singapura, Thailand dan lain-lainnya. Jadi saya harap pihak Kerajaan akan mengadakan kawalan yang rapi dan ketat dalam soal ini. Dan dengan sebab itu sebagai buktinya, baru-baru ini dalam kawasan pilihanraya saya terdapat seorang pengedar daripada Pulau Singapura yang menayangkan filem-filem lucu dan saya percaya filem ini belum ditapis kerana kalau sudah ditapis sudah tentu Kerajaan rampas kerana filem lucu, tetapi sempat pengedar ini menayangkan filem ini di dalam rancangan-rancangan FELDA yang ditonton oleh peneroka-peneroka FELDA dengan bayaran tiketnya tidak kurang daripada \$15 satu tiket, dan apabila kita memberi kerjasama dengan pihak Kerajaan dan pihak polis terdapat berpuluh-puluh yang ditangkap tetapi akhirnya denda yang dikenakan terlalu ringan. Bagi seorang penonton, saya diberitahu dendanya \$100 sahaja dan bagi yang mendengar begitu juga. Jadi saya mencadangkan kepada Kerajaan, supaya keadaan yang seumpama ini elok dikaji semula tentang denda ini. Kalau boleh dengan \$10,000 denda, setahun penjara ataupun kedua-duanya sekali dan barang-barangnya dirampas.

Saya percaya jikalau pihak Kerajaan dapat menimbang cadangan saya ini, ini akan menakutkan penjenayah-penjenayah ataupun pengedar-pengedar yang begitu mudah membawa videotape ini ke dalam negeri kita.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, barangkali filem-filem yang masuk ke negara kita ini dapat kita tapis melalui Lembaga Penapisan. Tetapi saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri apakah langkah yang akan diambil oleh Yang Berhormat Menteri ataupun Kerajaan memandangkan keadaan negara kita ini begitu kecil. Maksud saya kecil negara kita ini kerana walaupun filem-filem yang masuk ke negara kita dapat ditapis tetapi tentang penyiarannya tidak dapat kita tapis.

Maksud saya, Tuan Yang di-Pertua, kalau kami di Johor, kami dengan begitu terang boleh menonton filem TV dari Pulau Singapura. Bagi orang-orang yang duduk di sebelah utara seperti Kedah, Perlis dan Kelantan, saya percaya begitu terang mereka boleh mendapat siaran TV daripada Thailand iaitu negara jiran. Jadi apa yang saya maksudkan ini walaupun pihak Kerajaan tidak dapat hendak menapis udara, saya

faham; tetapi sebagai sebuah Kerajaan eloklah memikirkan masalah ini kerana akan mendatangkan kesan yang tidak baik.

Saya tidaklah bercadang hendak menyentuh tentang negara-negara jiran tetapi keadaan ini yang berlaku. Dapat ditonton dengan jelas di dalam negara dan kita pula tidak ada upaya untuk menapis udara. Jadi sekiranya dapat pihak Kerajaan melalui Kementerian ini mencari jalan keluar bagaimana umpamanya dengan mengadakan siasatan-siasatan lanjut setiap waktu supaya menarik minat rakyat kita supaya jangan menonton siaran-siaran yang disiarkan oleh negara-negara lain, umpamanya saat-saat negara lain, menyiarkan filem-filem yang menarik minat maka Kerajaan kita melalui Kementerian Penerangan mencari ikhtiar, mencari jalan supaya menyiarkan filem yang lebih bernilai daripada itu. Jadi dengan sebab itu mereka tidak dapat melihat rancangan-rancangan daripada negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana banyak lagi masalah-masalah yang saya rasa perlu juga disentuh dan memandangkan ada barangkali Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak menyentuh, jadi saya tidak membuang masa saya setakat ini sahaja pandangan yang dapat saya berikan dan dengan ini sekali lagi menyokong Akta pindaan ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Sabak Bernam,

5.03 ptg.

Tuan Jamaluddin bin Haji Suhaimi (Sabak Bernam): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk sama menyokong Rang Undang-undang suatu Akta untuk meminda Akta Filem Wayang Gambar (Penapisan) 1952. Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang telah mengemukakan Rang Undang-undang ini.

Saya suka menyatakan pada Dewan yang mulia ini bahawa wayang gambar sebenarnya sudahlah menjadi satu perkara yang mesti ada dan satu perkara yang sangat dikehendaki oleh masa dan kerana itu bolehlah dikatakan satu perkara yang perlu bagi hiburan rakyat dalam sesebuah negara. Cuma apa yang penting ialah supaya tayangan wayang gambar itu dapat ditimbang oleh pihak Kerajaan, mana yang baik dan mana yang tidak baik.

Untuk mendapat kepastian perkara yang tersebut terpaksa ditapis oleh pakar-pakar yang mengetahui dari selok belok keamanan, keagamaan dan psikologi supaya rakyat tidak akan terceburlah kepada perkara-perkara yang tidak baik kesan daripada menonton wayang gambar.

Sebenarnya pada pendapat saya, wayang gambar ini bolehlah dikatakan jika silap kita memberi kebebasan untuk tontonan kepada rakyat merbahaya hampir seperti dadah. Bagaimana dadah boleh merosakkan rohani dan jasmani rakyat maka begitu jugalah tayangan wayang gambar ini boleh merosakkan rohani atau jiwa rakyat. Walaupun begitu bukan semestinya semua sekali merosakkan akan tetapi diakui daripada tayangan wayang gambar ini juga mendatangkan pengajaran.

Tidak boleh pula dinafikan bahawa untuk hiburan rakyat kita, negara kita ini masih kekurangan bagi keluaran filem-filem dalam negeri. Dan oleh kerana itulah yang menyebabkan kita banyak mengimport filem-filem yang tidak sesuai dari luar negeri.

Di sini saya suka mencadangkan supaya pengusaha-pengusaha filem dalam negeri ini diberi bantuan yang selayaknya oleh pihak Kerajaan dari segala segi, mungkin dari segi kewangan dan juga dari segi nasihat-nasihat. Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Penerangan, sebagai contoh, yang telah dapat membuat beberapa filem yang agak sesuai dan menarik, dengan izin, saya contohkan seperti filem "Gelombang". Kalau dapat filem-filem yang seperti ini dibanyakkan maka kurangnya filem-filem yang kurang baik yang kita import dari luar negeri. Tentunya tidak mencukupi hanya sekadar Kementerian Penerangan akan menyediakan filem-filem yang seperti itu dan tentulah maka kita perlu menggalakkan supaya pengusaha-pengusaha filem diberi bantuan. Malah perlu juga pelakon-pelakunnya itu sendiri pun terpaksa diberi pertolongan, bantuan termasuk pimpinan dan kalau perlu dihantar untuk latihan di luar negeri.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang ada memang sesuai dan memang sudahlah patut diadakan tetapi apa yang perlu untuk menjaga segala kelancaran, pelaksanaan daripada pindaan ini ialah tindakan-tindakan yang tegas. Sebenarnya susah untuk mengadakan tindakan-tindakan ini kerana maktumlah keadaan-keadaan yang tidak mengizinkan dan

budibicara manusia yang suka mengambil kesempatan. Walau bagaimanapun, ikhtiar-ikhtiar untuk bertindak hendaklah diperhatikan dari satu masa ke satu masa; ini termasuklah pengawasan-pengawasan dan pegawai-pegawai yang cukup dan berpengalaman bagi menjaga supaya kurang bebasnya, kurang berluasnya filem-filem yang tidak begitu sesuai, kerana dengan pindaan-pindaan yang tegas ini akan memberi kesan.

Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kita tidak dapat memikirkan dalam penapisan filem yang kita terima, yang kita boleh bawa masuk dan yang tidak boleh bawa masuk tetapi macam yang saya mula-mula katakan tadi bahawa pada pendapat penapis filem banyak filem yang telah diluluskan walaupun pada setengah pihak filem itu tidak harus diluluskan. Percanggahan pendapat memang tidak akan boleh selesai. Saya suka mengesyorkan bahawa jika filem-filem itu mengandungi unsur-unsur sejarah patutlah dimasukkan ke dalam negeri ini dengan banyak kerana dari sejarah itu akan dapat memberi pengajaran dan pendidikan kepada rakyat kita, mungkin juga filem-filem yang seperti itu tidak digemari. Kalau kita tengok filem-filem yang mengandungi sejarah yang lalu telah ditunjukkan di dalam negara kita ini sambutannya sangat memuaskan. Satu contoh filem seperti filem "Muhammad Pesuruh Tuhan" telah tidak dapat dibenarkan masuk dalam negeri ini, tetapi kalau kita baca surat-khabar filem itu telah dapat masuk dan diterima masuk oleh negara-negara Islam yang lain. Filem yang berunsur ugama ini walaupun mungkin salah dari segi cerita kerana hendak menyesuaikan sebagai filem tetapi tentu banyak mengandungi pengajaran-pengajaran, nasihat-nasihat daripada perkataan-perkataan serta gerak laku pelakon-pelakon menggambarkan manusia yang baik dalam sejarah tersebut.

Sekianlah sahaja ucapan saya, akhirnya saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

5.14 ptg.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah menyampaikan ucapan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang

telahpun bercakap untuk menyokong serta memberi pendapat dan fikiran berhubung dengan pindaan Undang-undang ini dan semua perkara-perkara yang telah dikemukakan itu akan diambil perhatian iaitu pendapat-pendapat dan syor-syor yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Walaupun bagaimanapun, saya rasa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang mengeruhkan Majlis dengan perkara-perkara yang tidak patut ditimbulkan pada perbahasan Undang-undang ini, saya rasa adalah satu perkara yang tidak sewajar dan sepatutnya Ahli Yang Berhormat itu tidak menimbulkan dalam perkara membahaskan undang-undang yang bersabit dengan perkara ini. Tetapi walau bagaimanapun, sukalah saya mengambil peluang bagi memberi sedikit sebanyak penjelasan-penjelasan di atas teguran daripada beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung dengan pindaan Undang-undang yang tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah membangkitkan dalam perkara ini iaitu semuga janganlah pihak Lembaga atau pihak yang bertanggungjawab berhubung dengan penapisan itu terlampau menapisan sehingga melemahkan industri video yang sedang meningkat sekarang ini. Dalam perkara ini sukalah saya menyatakan bahawa tidaklah menjadi tujuan bagi Lembaga atau Kementerian ini untuk melemahkan industri yang tersebut itu asalkan ianya berjalan menurut peraturan yang menjaga tatasusila dan juga keperibadian bangsa serta juga jangan sekali-kali memudarakan keselamatan

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tolong naikkan suara sedikit.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telahpun menyarakan bahawa ramai rakyat dalam negara kita ini membeli pita video kerana rancangannya memang baik dan pihak Lembaga Penapis Video ini adalah menapis video ini untuk hiburan tidaklah begitu ketat sebagaimana disangkakan itu memandangkan pita video itu adalah disiarkan untuk hiburan.

Berhubung dengan kelewatan penapisan filem ataupun video kerana kekurangan kakitangan dan mesin maka dalam perkara ini biasa diambil tindakan iaitu kesulitan atau kelambatan akan dapat diatasi kerana jabatan ini sekarang akan membeli sebanyak

4 buah lagi mesin penapis video (video-tape) untuk menambah sebanyak 7 buah yang ada sekarang ini. Begitulah juga kakitangannya akan ditambah selain daripada Ahli-ahli Lembaga juga akan diperbesarkan dari satu masa ke satu masa. Berhubung dengan syor Ahli Yang Berhormat semoga diadakan dialog dengan persatuan pengedar-pengedar video-tape ini akan diberi perhatian.

Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah telahpun dalam ucapannya menyebutkan di atas perkara kawalan itu hendaklah dibuat dengan ketat dan juga penapisan itu hendaklah ditimbangkan di atas kehendak dan hasrat negara ini. Sepertimana yang saya telahpun terangkan dalam ucapan saya pada membentangkan undang-undang ini bahawa penapisan filem dan juga pita video itu telahpun ada panduan-panduan yang tertentu, iaitu untuk menjaga kepentingan negara selain daripada menjaga akhlak masyarakat negara kita Malaysia ini. Lembaga Penapis Filem memang sentiasa mengawasi dalam penapisan pita-pita video itu dan juga filem-filem. Mana-mana filem ataupun video yang nilai-nilainya tak seimbang dengan hasrat negara tidaklah diluluskan dan ianya akan diambil kira berasas kepada masyarakat kita yang berbilang kaum ini.

Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah juga telahpun membangkitkan di atas perkara yang menjadi pertengkaran di antara Yang Berhormat sendiri dengan Yang Berhormat dari Kota Melaka, iaitu berhubung dengan masa pertunjukan bagi wayang-wayang gambar di panggung-panggung. Dalam perkara ini sepertimana termaklum ini tentulah tidak ada dalam bidang kuasa Kementerian ini kerana kuasa-kuasa ini adalah di bawah pihak Kementerian Kerajaan Tempatan ataupun pihak-pihak Majlis Kerajaan Tempatan sendiri untuk menentukannya. Walau bagaimanapun, saya sendiri berpendapat syor Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah itu adalah sangat-sangat baik dan berharap akan mendapat perhatian daripada pihak yang berkenaan, iaitu daripada Majlis-majlis Kerajaan Tempatan semoga masa yang akan dipertunjukkan wayang-wayang di dalam panggung-panggung itu masa-masa yang akan menjadi sesuai kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah juga telah membangkitkan berkenaan dengan penurunan kuasa. Berhubung dengan perkara ini perwakilan kuasa itu perlulah diadakan

kerana dengan ketiadaan Pengerusi untuk menandatangani sijil-sijil oleh sebab sakit dan sebagainya maka sijil-sijil itu tidak dapat dikeluarkan. Dengan itu perwakilan kuasa kepada Setiausaha atau kepada seorang ahli yang lain perlulah diberikan semoga keluaran sijil-sijil ini tidak terhenti dan selain daripada itu memandang kepada banyaknya filem-filem yang berkehendak kepada tapisan ini dan bagi Pengerusi seorang sahaja yang bertanggungjawab untuk menandatangani sijil-sijil ini maka tentu sekali tidak akan dapat dilaksanakan dengan lebih licin sekiranya tidak dapat diturunkan kuasa kepada ahli-ahli yang lain. Adalah difikirkan Setiausaha adalah seorang pegawai tetap yang ada di pejabat itu yang dirasai pegawai yang boleh diturunkan kuasa untuk menandatangani sijil-sijil yang tersebut itu. Selain daripada itu tentang kuasa Menteri yang telah diberi untuk mengharamkan filem-filem itu, dalam perkara ini Yang Berhormat Menteri perlulah diberi kuasa dengan adanya kuasa pada Menteri itu mana-mana filem yang perlu diperhati dan diharamkan segera dapat diuruskan dengan seberapa segera yang boleh.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar juga telahpun bercakap di atas akibat filem dan television yang ditayangkan dalam negara kita ini khasnya kepada kanak-kanak sangatlah merbahaya dan diharap bahawa Lembaga Penapis Filem hendaklah menapis dengan lebih teliti filem-filem yang berupa jenayah ataupun pergaduhan serta juga filem-filem lucu dan juga hiburan. Dalam perkara ini sebagaimana yang saya telah terangkan bahawa Lembaga Penapis Filem memang menapis filem untuk panggung-panggung, pawagam-pawagam dan juga Television Malaysia dengan begitu teliti kerana pihak Lembaga adalah sedar akan akibat kerana kanak-kanak dan juga orang-orang muda di negara ini dan Lembaga hanya menapis filem-filem yang mana diserahkan untuk ditapis dan pihak TV Malaysia juga yang menempatkan dan mengaturkan rancangan-rancangan TV itu.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka selain daripada membangkitkan masalah yang lain daripada perkara ini telah juga mengesyorkan atau menyarankan bahawa penapisan filem mestilah ada orang-orang yang faham tentang kebudayaan. Dalam perkara ini sukalah saya menyatakan bahawa memang ahli-ahli Lembaga Penapis Filem

bukanlah daripada pegawai-pegawai Kementerian bahkan mereka itu adalah terdiri daripada mereka yang berpengalaman dan berpengetahuan daripada berbagai-bagai kaum yang mana mereka itu memang faham tentang kebudayaan dan juga pelajaran yang mana dikehendaki itu.

Tentang teguran Ahli Yang Berhormat bahawa tidak ada filem daripada negeri Republik Rakyat China barangkali ditayangkan di pawagam-pawagam, maka ini tidaklah benar sama sekali bahawa adalah diketahui pihak Lembaga juga pernah meluluskan untuk tayangan filem-filem yang dibawa daripada negeri China. Dalam penapisan ini Lembaga tidaklah membezakan penapisan filem-filem sama ada dari negeri China ataupun daripada negara-negara yang lain.

Ahli Yang Berhormat dari Panti juga telahpun bercakap dan meminta Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri berhubung rapat dengan Kementerian Penerangan tentang filem ini. Dalam perkara ini pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri memanglah sentiasa berhubung rapat dengan Kementerian Penerangan bahkan beberapa orang ahli Lembaga Penapis Filem adalah ditempatkan di Angkasapuri untuk menapis filem-filem dan juga filem-filem untuk TV.

Berhubung dengan meluaskan ahli-ahli Lembaga, sepertimana yang saya telah terangkan tadi bahawa ini akan dipertimbangkan dan selain daripada kakitangan, ahli-ahli Lembaga juga akan diperluaskan.

Berhubung dengan filem-filem lucu yang ditayangkan di kawasan-kawasan yang tertentu seperti di FELDA dan sebagainya, ini memanglah satu perbuatan yang salah dan boleh diambil langkah tindakan undang-undang di bawah undang-undang yang tertentu.

Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Panti di atas tayangan-tayangan TV daripada negara-negara jiran, utara dan juga di selatan, maka dalam perkara ini pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri memanglah mengambil perhatian. Walau bagaimanapun, adalah diketahui bahawa filem-filem untuk tayangan di negara-negara tersebut itu juga adalah ditapis sebelum ditayang menerusi TV ataupun pawagam dan panduan tapisan yang meringankan beban cukai ke atas perusahaan

telah dijalankan di negara-negara tersebut diketahui juga adalah lebih kurang sama dengan panduan dan juga garis-garis penapisan yang dibuat di dalam negara ini. Walau bagaimanapun, perhatian akan diberi dalam perkara ini semoga apa-apa masalah akan dapat diatasi.

Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam juga telah bercakap dan memberi pandangan-pandangan dan syor-syor berhubung dengan perkara-perkara yang bersangkutan dengan penapisan dan juga perkara perusahaan filem yang mana perkara sokongan ataupun galakan kepada pengusaha-pengusaha filem ini bukan sahaja menjadi bidang tugas Kementerian-kementerian yang lain bersama, iaitu Kementerian Penerangan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan juga memberi perhatian untuk memberi galakan dan panduan kepada pengusaha-pengusaha filem untuk membuat filem-filem yang benar-benar memberi faedah kepada kehendak-kehendak negara termasuklah filem-filem yang berlutuskan ugama.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Berhubung dengan filem "The Message", maka sepertimana yang telahpun dicakapkan oleh Ahli Yang Berhormat itu pihak Penapis Filem tidaklah dapat menapis filem ini oleh sebab tidak ada permohonan daripada pihak pengimport filem ataupun pembawa filem untuk memohon menapis filem yang seperti itu.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, sedikit sebanyak keterangan-keterangan di atas teguran-teguran, syor-syor yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perkara pindaan kepada undang-undang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan bagi diputuskan bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 32 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL-USUL

AKTA KASTAM, 1967

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 18) 1979
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 19) 1979
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 20) 1979
- (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 21) 1979

5.36 *ptg.*

Tuan Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen Kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 18) 1979
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 19) 1979
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 20) 1979
- (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 21) 1979

yang telah dibentangkan di hadapan Mailis ini sebagai Kertas-kertas Statuit Bil. 19, 20, 21 dan 7 tahun 1980 masing-masing disahkan.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 18) 1979 adalah bertujuan untuk mengadakan kepala tarif khas iaitu 84-20-170 bagi "spring operated scales of a capacity not exceeding 9 kg. but

not exceeding 25 kg." dan seterusnya menaikkan kadar duti import dari 15% kepada 35% ke atas barang ini. Tindakan ini dilakukan kerana memberi perlindungan tarif kepada perusahaan tempatan yang mengeluarkan barang ini.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 19) 1979 adalah bertujuan untuk mengadakan kepala tarif baru iaitu 90-19-200 ke atas gigi palsu tetapi tidak mengenakan sebarang duti import ke atas barang ini. Langkah ini adalah semata-mata untuk mendapatkan perangkaan import bagi gigi-gigi palsu tersebut yang boleh digunakan untuk rancangan bagi memajukan perusahaan membuat barang ini.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 20) 1979 adalah bertujuan untuk mengadakan kepala-kepala tarif khas iaitu 39.70 992 ke atas "bobbins", dan 48.21 920 ke atas "jacquard cards" dan menghapuskan duti import ke atas barang-barang ini. Sebelum kepala-kepala tarif khas ini diadakan, "bobbins" adalah berduti impot sebanyak 50% dan "jacquard cards" sebanyak 20%. Memandangkan kepada keadaan di mana barang-barang ini banyak digunakan oleh perusahaan "Textile" maka adalah wajar supaya cukai-cukai tersebut dihapuskan bagi meringankan beban cukai ke atas perusahaan "textile" tersebut.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 21) 1979 adalah bertujuan untuk memansuhkan duti impot sebanyak 33 sen sekg. ke atas "cocoa butter" dan "cocoa powder" di bawah kepala tarif 18.04 000 dan 18. 05 000, dan untuk menurunkan kadar cuti impot dari \$3.53 sekg. kepada \$3.00 sekg. ke atas "chocolate and other food preparations containing cocoa" di bawah kepala tarif 18.06 100, 200, 300 dan 900. Langkah ini dilakukan kerana pengenaan duti impot tersebut telah lama dibuat iaitu semenjak 18hb Januari, 1968 bagi "cocoa butter" dan "cocoa powder" dan semenjak 1hb September, 1969 bagi "chocolate and other food preparations containing cocoa". Dengan pemansuhan duti impot ke atas "cocoa butter" dan "cocoa powder" ini adalah diharapkan dapat mengurangkan kos pengeluaran pengilang-pengilang tempatan yang banyak menggunakan bahan-bahan ini untuk membuat chokolat dan bahan-bahan makanan yang mengandungi koko. Sementara penurunan duti impot ke atas "chocolate and other food

preparations containing cocoa" pula, yang mana merupakan duti perlindungan, dilakukan oleh kerana pengeluar-pengeluar tempatan telahpun mempunyai kedudukan yang kukuh dan oleh hal yang demikian mereka dianggap mempunyai kebolehan bertanding dengan barang-barang yang sama yang diimport sungguhpun kadar duti perlindungan itu dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan sebagaimana yang ada dalam Aturan Urusan Mesyuarat sekarang terbuka untuk perbahasan. Ahli Yang Berhormat dari Air Hitam.

5.44 ptg.

Dr Hee Tien Lai (Air Hitam): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberi sokongan saya kepada usul Perintah Duti Kastam (Pindaan) yang sedang dibentangkan dalam Dewan ini oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

Saya ingin juga mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang bermurah hati untuk memberi perlindungan tarif di bawah Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 18) 1979 kepada perusahaan tempatan. Ini bermakna bahawa pengusaha-pengusaha kita diberi galakan dan bantuan untuk mengeluarkan berbagai jenis barang untuk pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga merujuk kepada Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 18) yang bertujuan untuk mengadakan Kepala tarif baru ke atas gigi palsu tetapi tidak mengenakan sebarang duti import ke atas barang ini di samping mengutip perangkaan import bagi gigi palsu tersebut seperti yang dimaksudkan dalam tarif tersebut. Saya percaya kita akan dapat mengetahui cara dan keperluan perusahaan itu di mana pengusaha-pengusaha kita dapat mengambil bahagian penuh atas usaha Kerajaan ini, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kerana dengan tertubuhnya perusahaan ini, Kerajaan kita dapat menikmati satu taraf kesihatan yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, saya ingin beri peringatan kepada Kerajaan bahawa dalam usahanya mengenakan tarif untuk melindungi perusahaan-perusahaan tempatan, kita hendaklah sentiasa mengawal mutu barang-barang yang dikeluarkan oleh pekilang-pekilang kita apabila dibandingkan dengan barang-barang yang diimport dari luar negeri. Kita memang sedar bahawa pada hari ini kita dapati barang-barang import walaupun telah diberi tarif perlindungan tetapi nampaknya mutu dan harganya lebih murah daripada pengeluaran barang-barang dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat ialah tingkatan tarif hendaklah tidak terlampau tinggi oleh kerana pengguna-pengguna akan dibebankan tarif yang akan dikenakan itu. Kedua, tempoh bagi tarif itu hendaklah tidak dipanjangkan dan segala penggalakan dan bantuan diberikan kepada perusahaan tempatan bagi meningkatkan mutu barang-barang tempatan supaya dapat kita mengasingkan barang-barang kita dengan yang diimport.

Tuan Yang di-Pertua, juga saya ingin merujuk kepada Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 20) di mana dicadangkan bahawa semua cukai atas barang-barang yang banyak digunakan oleh perusahaan tekstail dihapuskan bagi meringankan beban cukai ke atas perusahaan itu.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu saya menyokong langkah Kerajaan ini yang bertujuan untuk membantu perusahaan tekstail itu, saya ingin juga bertanya, kenapa bantuan ini tidak diberi kepada lain-lain perusahaan kecil seperti pembuat kasut, pembuat perabot dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tidak silap langkah ini merupakan pilih kasih dan memberi pertolongan peluang kepada satu perusahaan sahaja dan meninggalkan lain-lain perusahaan seperti yang saya katakan tadi, boleh menimbulkan perasaan cemburu kepada kilang-kilang yang tidak diberikan bantuan demikian. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, kasut dan perabot adalah selalu dipakai oleh seluruh rakyat setiap hari baik orang miskin ataupun orang kaya. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya beliau mengkaji kemungkinan untuk mengadakan peruntukan-peruntukan

supaya menolong perusahaan kasut dan juga perusahaan perabot seperti yang telah dicadangkan untuk perusahaan tekstail. Jika Kerajaan dapat berbuat demikian, saya percaya rakyat jelata akan menerima keuntungan kerana kita memakai barang-barang ini setiap hari.

Dengan rayuan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mengakhiri ucapan saya dan sekali lagi saya bagi sokongan penuh ke atas usul yang dibentangkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri.

5.47 ptg.

Tuan Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Air Hitam yang telah menunjukkan minat terhadap sistem percukaian negara kita dan khususnya dalam pentadbirannya. Saya juga merakamkan penghargaan saya terhadap pujian-pujian yang telah disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat terhadap langkah Kerajaan ini yang telah dibuat demi kepentingan rakyat dan ekonomi negara.

Ahli Yang Berhormat dari Air Hitam telah menyuarakan perlunya Kerajaan menjalankan kajian secara keseluruhan sebelum mengambil keputusan untuk memberi perlindungan tarif terhadap sesuatu pengeluaran. Saya ingin memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini bahawa perlindungan tarif kepada sesuatu pengeluaran hanya diberi selepas kajian yang mendalam dijalankan terhadap perkara itu. Oleh yang demikian, beberapa Jawatankuasa telah ditubuhkan supaya membuat kajian yang mendalam sebelum perakuan dibuat untuk diputuskan oleh Kementerian saya. Dalam gerakan ini Kerajaan juga sentiasa membandingkan pengguna-pengguna dari segi kos dan kualiti.

Saya percaya Yang Berhormat sedia maklum bahawa sebelum sesuatu pengeluaran dibenarkan untuk dijual kepada orang ramai beberapa keperluan dari segi liability, kualiti dan penerimaan perlu dipatuhi. Ini adalah tujuan utama SIRIM ditubuhkan. Selain daripada itu pengeluaran-pengeluaran kita perlu juga mematuhi spesifikasi antarabangsa. Yang Berhormat juga mengucapkan tahniah kepada Kerajaan di atas usahanya untuk mengadakan satu tarif yang baru ke atas gigi palsu.

Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa ini adalah memang menjadi amalan Kerajaan untuk menjalankan siasatan terhadap keperluan negara kita ke atas barang-barang yang diimport. Dengan ini Kerajaan akan mendapat satu garis panduan untuk menentukan sama ada perusahaan untuk mengeluarkan bahan tersebut perlu digalakkan. Ini adalah selaras dengan matlamat Kerajaan untuk mengembangkan perusahaan industri di negara kita. Tentang pindaan kepada Perintah Duti Kastam (No. 20) yang juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Ayer Hitam Kerajaan sedar bahawa bahan-bahan seperti kasut dan perabot juga digunakan oleh orang ramai setiap hari. Oleh sebab itu satu Jawatankuasa telah ditubuhkan di Kementerian saya untuk mengkaji kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh mereka terutama sekali perusahaan-perusahaan kecil. Beberapa mesyuarat di mana mereka yang terlibat adalah diwakili telah diadakan untuk meninjau masalah-masalah ini, tidak lama dari sekarang satu perutusan mengenai perkara ini akan dibuat.

Akhir sekali saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Ayer Hitam. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan Usul ini bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen Kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967 perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No 18) 1979.
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 19) 1979.
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 20) 1979.
- (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 21) 1979.

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut Bil. 19, 20, 21 dan 7, tahun 1980 masing-masingnya disahkan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Pengangkutan (Dato Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga telah selesai dipertimbangkan segala urusan Kerajaan yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga telah selesai dipertimbangkan segala urusan Kerajaan yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA (PERBADANAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.55 ptg.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Lembaga Lebuhraya Malaysia (Perbadanan) 1980 dibaca bagi kali yang kedua. Dalam membentangkan cadangan ini izinkan saya menerangkan secara ringkas tujuan mengadakan Rang Undang-undang ini.

Rang Undang-undang ini digubalkan dengan tujuan menubuhkan suatu badan berkanun yang akan dikenali dengan Lembaga Lebuhraya Malaysia. Lembaga ini akan menyelia dan melaksanakan rekabentuk, pembinaan, pengawalan, pengendalian dan penyenggaraan

Lebuhraya-lebuhraya antara bandar-bandar untuk mengenakan dan mengutip tol, untuk membuat kontrak dan untuk membuat peruntukan berkenaan dengan perkara yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, analisa keupayaan Lebuhraya (highway capacity) jalanraya-jalanraya besar seperti Jalanraya Persekutuan dari Sempadan Negeri Thai ke Johor Bahru telah menunjukkan bahawa kebanyakan daripada bahagian-bahagian jalanraya ini telah sampai ke peringkat maksima keupayaan yang maksima untuk menampung lalulintas dalam tahun 1977. Lebihkurang 50% baki bahagian-bahagian jalanraya itu akan sampai ke peringkat keupayaan sepenuhnya pada tahun ini. Memandangkan kenaikan kadar lalulintas yang begitu tinggi bahagian-bahagian jalan ini, Kerajaan telah bersetuju dalam tahun 1977 tentang strategi baru mengenai pembinaan jalanraya antara bandar-bandar (inter-urban) yang berlainan daripada rancangan pembinaan dan pembaikan jalanraya-jalanraya yang sudah ada.

Kerajaan telah memutuskan supaya Lebuhraya-lebuhraya baru antara bandar-bandar itu dibina dengan cara urus janji pukat (package deal) yang berarti bahawa pembinaan dan pembiayaan Lebuhraya-lebuhraya itu akan dijalankan oleh pihak-pihak swasta. Untuk mengimbuh balik kos pembinaan lebuhraya itu dan juga mendapat keuntungan, pihak yang berkenaan dibenarkan untuk mengutip tol dari pengguna-pengguna lebuhraya itu. Konsep urus janji pukat itu telah dirancang atas dasar bahawa ia akan membawa faedah seperti mempercepatkan pembinaan lebuhraya-lebuhraya itu dan akan membolehkan penyertaan sektor swasta dalam pembangunan negara selaras dengan objektif Kerajaan. Selain daripada itu Kerajaan telah berpendapat bahawa konsep ini akan meringankan beban Kerajaan dalam membiayai projek-projek Lebuhraya seperti ini yang memerlukan perlaburan yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, dalam perlaksanaan konsep itu Kementerian ini telah menghadapi beberapa masalah. Dari pengalaman yang diperolehi dalam melaksanakan konsep itu, Kementerian ini telah mendapati sektor swasta hanya berniat untuk menyertai dalam pembinaan projek-projek yang akan menjamin keuntungan dan juga jika mendapat jaminan dari Kerajaan terhadap pelaburan mereka untuk membiayai perlaksanaan projek-projek itu. Setakat ini

bukanlah menjadi dasar Kerajaan untuk memberi jaminan seperti itu kepada pihak swasta untuk menjalankan projek-projek yang didapati "viable" dari segi kewangan. Tambahan pula pelaksanaan projek-projek itu menurut konsep ini akan menimbulkan kepentingan yang bertentangan (conflict of interest) di antara pihak pemborong yang ingin melipatgandakan keuntungan dan pihak Kerajaan yang hendak memastikan dasar Kerajaan mengenai "rational road pricing".

Memandangkan bahawa terdapat kesukaran-kesukaran dalam melaksanakan konsep urus janji pukal ini, Kerajaan telah menimbang-nimbang alternatif-alternatif lain. Dalam hal ini terdapat dua alternatif yang boleh dipertimbangkan. Alternatif pertama ialah supaya pembinaan lebuh raya-lebuh raya itu dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kerjaraya di bawah naungan Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam mengeluarkan apa-apa arahan dari semasa ke semasa dengan tujuan memperkemaskan perjalanan Lembaga itu dan memastikan bahawa aktiviti-aktivitinya selaras dengan dasar Kerajaan. Pelaksanaan dasar dan semua arahan-arahan itu akan dilaksanakan oleh seorang Ketua Pengarah yang akan mengetuai organisasi pentadbiran Lembaga itu. Lembaga ini pada pokoknya akan memainkan peranan penyelia oleh kerana segala urusan kerja-kerja rekabentuk dan penyeliaan lebuh raya-lebuh raya itu akan dilaksanakan oleh Jurutera Perunding Swasta manakala kerja-kerja pembinaan akan dilaksanakan oleh kontraktor-kontraktor Swasta.

Tuan Yang di-Pertua, pengalaman di negara-negara yang lain telah menunjukkan bahawa Perbadanan Lebuh raya seperti ini telah berjaya menemui objektif-objektif Kerajaan negara-negara itu mempercepatkan pembinaan lebuh raya-lebuh raya untuk memenuhi keperluan yang berkesan dalam sistem pengangkutan. Negara Amerika Syarikat, Canada, Korea, Jepun dan Italy adalah antara negara-negara yang telah menubuhkan Perbadanan Lebuh raya seperti ini yang telah berjalan dengan maju dan yang didapati "viable".

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menerangkan dengan ringkasnya tentang peruntukan-peruntukan penting dalam Rang Undang-undang ini. Seperti dinyatakan dalam mukaddimah Rang Undang-undang ini, tujuan mewujudkan Lembaga Lebuh raya

Malaysia ialah untuk menyelia dan melaksanakan rekabentuk, pembinaan, pengawalan pengendalian dan penyenggaraan lebuh raya-lebuh raya antara bandar-bandar untuk mengenakan dan mengutip tol untuk membuat kontrak dan untuk membuat peruntukan berkenaan dengan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Tujuan-tujuan tersebut akan dapat dicapai dengan mengadakan suatu Lembaga yang akan dianggotai oleh ahli-ahli yang akan dilantik oleh Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam. Lembaga ini akan bertanggungjawab kepada Kerajaan mengenai semua perkara-perkara dasar. Selain daripada itu Rang Undang-undang ini juga memberi kuasa kepada Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam mengeluarkan apa-apa arahan dari semasa ke semasa dengan tujuan memperkemaskan perjalanan Lembaga itu dan memastikan bahawa aktiviti-aktivitinya selaras dengan dasar Kerajaan. Pelaksanaan dasar dan semua arahan-arahan itu akan dilaksanakan oleh seorang Ketua Pengarah yang akan mengetuai organisasi pentadbiran Lembaga itu. Lembaga ini pada pokoknya akan memainkan peranan penyelia oleh kerana segala urusan kerja-kerja rekabentuk dan penyeliaan lebuh raya-lebuh raya itu akan dilaksanakan oleh Jurutera Perunding Swasta manakala kerja-kerja pembinaan akan dilaksanakan oleh kontraktor-kontraktor Swasta.

Sungguhpun undang-undang ini digubal untuk meliputi projek-projek lebuh raya di seluruh negara, tetapi buat sementara waktu bidangkerja Lembaga ini akan terhad kepada pelaksanaan projek-projek lebuh raya antara bandar-bandar yang telahpun ditentukan oleh Kerajaan di Semenanjung sahaja, iaitu Lebuh raya antara Alor Setar dengan Johor Bahru, Lebuh raya Kuala Lumpur-Seremban, Jalan raya Kuala Lumpur-Karak dan Lebuh raya "Lembah Kelang yang baru". Selain daripada itu pembinaan projek Jambatan Pulau Pinang akan juga dilaksanakan di bawah naungan Lembaga ini.

Bahagian III Rang Undang-undang ini adalah berkaitan dengan perkara-perkara kewangan dan pengawasan oleh Menteri yang berkenaan. Lembaga itu akan mengadakan suatu kumpulanwang sendiri dan punca-punca kewangan bagi kumpulanwang itu akan terdiri daripada pemberian oleh Kerajaan, kutipan tol dan pinjaman-pinjaman oleh

Lembaga dari sumber-sumber yang akan ditentukan oleh Kerajaan. Segala perbelanjaan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti Lembaga ini akan dikenakan kepada kumpulan-wang itu. Adalah dijangkakan bahawa setelah beberapa tahun Lembaga ini akan membiayai dirinya sendiri (self-financing).

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menegaskan bahawa tujuan utama menubuhkan Lembaga ini ialah untuk mempercepatkan pembinaan lebuhraya antara bandar-bandar besar itu. Oleh yang demikian Rang undang-undang ini digubal dengan tujuan mengadakan satu badan berkanun dengan kuasa tertentu untuk menguruskan pembinaan lebuhraya-lebuhraya itu. Untuk mencapai maksud itu, Kementerian saya telah mengadakan rundingan-rundingan yang sewajarnya dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain untuk perancangan yang cermat bagi menubuhkan Lembaga ini. Dengan kelulusan Rang Undang-undang ini oleh Dewan yang mulia dalam persidangan ini Lembaga ini akan ditubuhkan dengan sewajarnya supaya ianya akan dapat menjalankan tugas-tugasnya dengan lancar dalam Rancangan Malaysia Keempat yang akan bermula pada tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Jawan anak Empaling): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah satu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menubuhkan Lembaga Lebuhraya Malaysia untuk menyelia dan melaksanakan rekabentuk, pembinaan, pengawalan, pengendalian dan penyenggaraan lebuhraya-lebuhraya antara bandar, untuk mengenakan dan mengutip tol untuk membuat kontrak dan untuk membuat peruntukan berkenaan dengan perkara-perkara yang berkaitan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk perbahasan.

Ahli Yang Berhormat dari Pelabuhan Kelang.

6.08 ptg.

Tuan V. Govindaraj (Pelabuhan Kelang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Lembaga Lebuhraya Malaysia (Perbadanan) 1980.

Apa yang telah menjadi tanggungjawab Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam selama ini akan diambil-alih oleh apa yang dinamakan Lembaga Lebuhraya Malaysia untuk menyelia dan melaksanakan rekabentuk, pembinaan, pengawalan, pengendalian dan penyenggaraan lebuhraya-lebuhraya antara bandar, untuk mengenakan dan mengutip tol, untuk membuat kontrak-kontrak dan untuk membuat peruntukan berkenaan dengan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Saya mengalu-alukan penubuhan Lembaga Lebuhraya Malaysia ini kerana kontrak ini akan meringankan beban Kerajaan dalam membiayai projek-projek lebuhraya seperti ini yang memerlukan pelaburan yang besar. Makin hari semakin menjadi penuh sesak dan kelam-kabut sekali dengan keadaan di jalanraya-jalanraya kita. Jumlah penduduk di negara kita kian bertambah dengan mengakibatkan bilangan kenderaan di jalanraya-jalanraya kita turut bertambah berkali-kali ganda kalau dibandingkan keadaan 10 tahun yang dahulu dengan keadaan sekarang. Namun demikian jalanraya-jalanraya kita masih belum diperbesarkan lagi. Akibat daripada ini penggunaan jalan raya bertambah pesat dari setahun ke setahun. Maka ini menunjukkan jalanraya-jalanraya kita tidak diperbesarkan mengikut dan selaras dengan bertambahnya jumlah bilangan kenderaan di jalanraya-jalanraya.

Dalam keadaan ini, saya dapati langkah Kerajaan menubuhkan Lembaga Lebuhraya Malaysia perlulah dialu-alukan di mana Lembaga ini akan berfungsi secara independent tetapi ia akan diawasi dan dikawal oleh Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam. Ini bermakna red-tape yang selalu melambatkan pelaksanaan projek-projek Kerajaan akan dapat dielakkan sama sekali. Dalam konteks ini, saya ingin mencadangkan supaya pembinaan lebuhraya dari Pelabuhan Kelang ke Kuala Lumpur diperbesarkan lagi, kini Port Road yang sempit tidak dapat menampung bertambahnya bilangan kenderaan dan akibatnya kesesakan sentiasa berlaku, dengan orang ramai bersungut-sungut di atas keadaan kesesakan di tempat ini.

Tuan Yang di-Pertua, lebuhraya Jalan Teluk Gadong dan tempat keluar ke bandar Maran New Village ini mewujudkan banyak masalah-masalah kepada pengguna-pengguna

kenderaan-kenderaan ke tempat ini. Masalah-masalah ini telahpun timbul sejak lama dahulu tetapi perhatian yang sewajarnya telah tidak diberi dan ianya terus dibiarkan begitu sahaja. Saya percaya selepas penubuhan Lembaga Lebuhraya Malaysia ini, Kementerian dan Lembaga ini akan sama-sama memberi perhatian terhadap masalah ini serta mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi mengatasi kesesakan jalanraya di sini. Port Road dengan Pelabuhan Kelang ini dilalui oleh banyak containers, beribu-ribu orang dan kenderaan besar dan kecil menggunakan jalanraya ini setiap hari. Namun demikian, usaha-usaha tidak langsung diadakan untuk membesarkan lagi jalan ini yang menjadi jalan utama di tempat ini dengan adanya Pelabuhan Kelang yang berhampiran dengannya saya suka mengambil kesempatan ini merayu kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya mengambil langkah-langkah yang segera untuk mengatasi kesesakan dan kesesakan di tempat ini dengan membesarkan jalan ini.

Akhir sekali saya merayu kepada Kerajaan supaya jalankanlah setiap usaha yang perlu untuk membesarkan jalanraya-jalanraya kita di mana-mana yang perlu untuk menjadikan jalanraya-jalanraya kita lebih selamat kepada pengguna-pengguna kita.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya menyokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanah Merah.

6.14 ptg.

Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, sejak kita mencapai kemerdekaan dan khususnya dalam 10 tahun yang akhir ini perbadanan demi perbadanan telah ditubuhkan oleh Kerajaan semata-mata dengan tujuan untuk membawa faedah yang lebih baik dan lebih banyak hasilnya kepada rakyat jelata dan sesuailah dari segi untuk mengatasi soal lalulintas di negara ini terutama sekali perjalanan di antara bandar dengan bandar melintasi negara ini dari utara ke selatan, dari barat ke timur dan sebaliknya, maka satu lagi badan yang dinamakan Lembaga Lebuhraya Malaysia akan ditubuhkan dengan kuasa-kuasa Rang Undang-undang yang sedang kita bahaskan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan pemikiran yang telah begitu mendalam dan lama yang telah dibuat oleh Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam untuk menentukan pilihan yang manakah yang sebaik-baiknya yang sepatutnya dibuat untuk mengatasi masalah kesesakan lalulintas atau masalah mengadakan lebuhraya dari bandar ke bandar ini. Saya bersyukur kerana pihak Kementerian ini tidak memilih pilihan pihak swasta untuk dijadikan sebagai satu badan untuk mengendalikan sama ada untuk membuat jalan-jalan ataupun untuk menyelenggarakan jalan-jalan tersebut. Ini pada hemat saya seboleh-bolehnya kita janganlah membenarkan pihak swasta untuk mengendalikan perkara-perkara yang menjadikan asas kepada perjalanan rakyat sehari-hari di negara ini sesuai dengan perbadanan-perbadanan lain seperti Lembaga Letrik Negara, Keretapi Tanah Melayu dan Sistem Penerbangan Malaysia. Semuanya ini adalah merupakan perbadanan-perbadanan ataupun badan-badan yang dipunyai oleh Kerajaan dan saya juga mengalu-alukan pihak Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam dalam menentukan satu lagi set alternative tidak membebankan JKR di atas nama Jabatannya untuk mengendalikan projek yang besar ini. Jadi sudah sewajarnya beban ini diberikan kepada satu Lembaga baru dengan tugas-tugas yang kita tentukan melalui Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam sekejap tadi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mengalu-alukan dan menyokong pembentukan Lembaga Lebuhraya Malaysia ini, saya rasa sekurang-kurangnya setelah Lembaga ini ditubuhkan dan mula menjalankan kerja-kerja, satu hakikat yang nyata insya Allah kita akan dapat melihat jalan-jalan atau lebuhraya-lebuhraya yang menyambung antara bandar dan bandar ini akan dapat dijalankan dengan seberapa cepat yang boleh sekurang-kurangnya badan ini merupakan satu one stop agency di mana segala-gala perkara yang ada hubungan dengan membentuk, menjalan, menyelia dan sebagainya lebuhraya ini akan dijalankan.

Selain daripada itu kita sedar bahawa oleh sebab negara kita membangun begitu pesat, kita memerlukan infrastruktur yang baik dan salah satu daripada infrastruktur ialah jalanraya, dan oleh sebab jalanraya memakan belanja yang banyak, misalnya

lebuhraya di antara Grik dengan Jeli, Kelantan, lebuhraya Timur/Barat walaupun jauhnya hanya 72 batu tetapi belanja yang ditelan oleh lebuhraya tersebut adalah dijangkakan lebih kurang \$300 juta. Ini bererti kalau sekiranya lebuhraya seperti lebuhraya Timur/Barat yang menghubungkan Perak dan Kelantan ini diserahkan kepada JKR maka sudah tentu penglibatan kewangan yang banyak dan sudah tentu wang yang sebanyak \$300 juta ini yang sepatutnya dilibatkan dalam rancangan-rancangan J.K.R. yang lain telah dipendamkan dalam rancangan itu. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, melalui pembentukan Lembaga Lebuhraya Malaysia ini selain daripada soal kewangan dapat diselamatkan tetapi juga oleh sebab mereka adalah satu badan yang bertanggungjawab dalam segala-segala perkara mengenai lebuhraya-lebuhraya berkenaan maka sudah tentu, saya yakin perjalanan mengenai pentadbiran dan sebagainya mengenai lebuhraya ini akan dapat dijalankan dengan sebaik-baiknya. Kerana, Tuan Yang di-Pertua, daripada pengalaman kita melalui FELDA, daripada pengalaman kita melalui KADA ataupun MADA dan lain-lain agensi oleh sebab badan-badan ini diberi tugas dan tanggungjawab yang sepenuhnya mengenai segala-gala di dalam kawasan mereka itu maka sudah tentu segala perkara yang hendak dijalankan itu tidak akan memakan masa yang lama. Dengan lain perkataan, proses red tape dapat dikurang, bahkan akan dapat dipotong terus daripada perjalanan pentadbiran perkara-perkara tersebut.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, ingin saya sentuh di sini iaitu apabila Lembaga Lebuhraya Malaysia ini dibentuk nanti maka saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam supaya menyampaikan kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia ini iaitu hendaknya menjadi dasar kepada Lembaga ini untuk menyambungkan semua bandar-bandar yang belum pun lagi disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi daripada satu kawasan kepada satu kawasan yang lain supaya tiap-tiap kawasan ini dihubungi dan dan dengan ini insya Allah segala hasil daripada satu tempat akan dapat dibawa kepada tempat yang lain dan dengan ini juga kemewahan daripada satu tempat akan menular ke tempat yang lain sama ada dari selatan ke utara ataupun dari barat ke timur.

Sekejap tadi Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam telah menyebutkan bahawa empat projek akan diletak di bawah Lembaga Lebuhraya Malaysia buat sementara waktu iaitu Jalan Kuala Lumpur/Seremban, Jalan Kuala Lumpur/Karak, Lembah Kelang dan juga Pelabuhan Pulau Pinang.

Saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, supaya negara mendapat hasil yang lebih banyak maka hendaklah juga dipertimbangkan lebuhraya-lebuhraya yang sedang dibina hari ini umpamanya Lebuhraya Timur Barat yang disebutkan awal-awal tadi di antara Grik dengan Jeli, Tanah Merah, Kelantan dan lebuhraya daripada Trengganu ke Kuantan, lebuhraya daripada Gua Musang ke Kuala Lipis dan seterusnya lebuhraya-lebuhraya lain, umpamanya Lebuhraya daripada Alor Setar sampai ke Johor Bahru, saya mencadangkan supaya lebuhraya-lebuhraya ini hendaklah diletakkan di bawah bidang kuasa ataupun bidang tugas Lembaga Lebuhraya Malaysia yang akan ditubuhkan nanti, insya Allah.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga meminta supaya diambil perhatian oleh pihak Lembaga ini nanti iaitu kadang-kadang orang-orang yang tinggal di kawasan lebuhraya hendak dikatakan jadi mangsa tidak, tetapi mereka ini adalah tersepit, kerana mereka ini terpaksa berulang alik daripada satu tempat ke satu tempat dan mungkin terpaksa melintasi pintu-pintu tol beberapa kali satu hari. Umpamanya, kita dapati satu jalan yang ditolkan iaitu Jalan Slim River di Perak. Maka bagi mereka-mereka yang tinggal berhampiran dengan pintu-pintu tol ini maka kemudahan-kemudahan hendaklah diberi oleh pihak yang berkenaan iaitu Lembaga Lebuhraya Malaysia. Janganlah kadar tol yang dikenakan kepada mereka-mereka ini disamakan dengan tol yang dikenakan kepada orang-orang lain yang berulang alik hanya sekali-kali sahaja melalui jalan-jalan atau lebuhraya-lebuhraya yang berkenaan.

Satu perkara lagi, saya minta dipertimbangkan dan minta perhatian oleh pihak Lebuhraya Malaysia nanti iaitu dalam menjalankan projek-projek atau menjalankan tugas mereka nanti mereka hendaklah menentukan polisi ataupun dasar mereka sama ada mereka hendak menjalankan kerja itu sendiri atau tidak. Misalnya, adakah mereka bercadang hendak membangun lebuhraya-lebuhraya itu

sendiri ataupun mereka hanya sebagai satu badan untuk mengendalikannya dan diserahkan kepada pihak kontraktor ataupun pemborong-pemborong lain?

Saya cadangkan, Tuan Yang di-Pertua, buat sementara oleh sebab ini merupakan satu badan yang baru ditubuhkan dan sebagai sebuah badan yang baru sudah tentu segala kekurangan-kekurangan akan didapati saya cadangkan biarlah segala perjalanan ataupun pembinaan lebuh raya-lebuh raya tersebut hendaklah juga diberi kepada pemborong. Kerana, Tuan Yang di-Pertua, pengalaman kita di Malaysia, terutama sekali di Semenanjung ini, mana-mana jalan yang dibuat oleh pihak kontraktor misalnya Jalan Kuala Lumpur/Karak, maka jalan ini dapat disiapkan dengan sempurna dan jalan tersebut kalau tidak silap saya dapat disiapkan ahead of time. Berbanding dengan jalan-jalan yang kita sendiri buat, kalau tidak keterlaluan setengah-setengah lebuh raya yang dibuat sendiri oleh pihak J.K.R. terlewat siap.

Dalam hal ini, saya meminta supaya pihak Lembaga Lebuh raya Malaysia ini, dengan lain perkataan, kita hendaklah merangkak dahulu sebelum kita berjalan. Dalam erti kata, Tuan Yang di-Pertua, biarlah di peringkat awalan ini kita tentukan soal-soal pengawasan dan pentadbiran semata-mata. Tetapi dalam bahagian yang kedua, iaitu sewaktu hendak mengutip tol, saya minta berbeza dari apa yang saya cadangkan tadi. Dalam soal hendak mengutip tol, saya minta supaya kalau boleh tol ini jangan kita serahkan kepada satu pihak kontraktor dan hendaklah dijalankan sendiri oleh pihak Lembaga Lebuh raya Malaysia ini kerana pada hemat saya, kerja-kerja yang seperti ini begitu memerlukan kepakaran dari Lembaga ini sendiri. Dengan demikian, saya yakin bahawa pihak Lembaga Lebuh raya Malaysia sendiri boleh menjalankan kerja-kerja ini.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, dalam penyelenggaraan Lebuh raya-lebuh raya nanti maka supaya benar-benar jalan ini dikatakan lebuh raya, saya minta supaya kita menanam pokok-pokok di tepi-tepi lebuh raya. Kalau pun tidak jaraknya agak dekat sebagaimana dikehendaki di setengah-setengah tempat, hendaklah jalan-jalan ini ditanami dengan pokok-pokok yang tertentu supaya biarlah jalan-jalan ini berbeza. Jangan seperti jalan-jalan biasa. Biarlah dia mengambil rupa yang lain sesuai dengan ianya diambil tol dan

sesuai dengan jalan lain tidak diambil tol, ialah seboleh bolehnya, Tuan Yang di-Pertua, apabila kita memasuki dalam kawasan yang ditolkan nanti ini, maka biarlah kita merasai bahawa jalan ini lain. Tidak jadi masalah pada suatu masa nanti jikalau sekiranya jalan ini ditolkan dan jalan lain tidak ditolkan kerana jalan ini berbeza. Berbeza dari segi selain daripada tanaman-tanaman pokok dan juga berbeza dari segi penyelenggaraan. Biarlah jalan-jalan ini selesai dilalui sesuai dengan yang kita kutip tol daripada rakyat jelata.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, saya minta Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam apabila kita banyakkannya lebuh raya-lebuh raya yang dikendalikan oleh pihak Lembaga Lebuh raya ini maka boleh jadi juga kita akan menimbang hendak menaikkan atau hendak menyemak semula cukai-cukai jalan bagi kereta ataupun kenderaan lain. Saya tidak mencadangkan cukai-cukai jalan ini dikurangkan tetapi oleh sebab sekali sekala kita naikkan cukai jalan ini boleh jadi, apabila terfikir oleh pihak berkenaan hendak menaikkan cukai jalan oleh sebab mulai sekarang kita mempunyai satu punca-punca lain untuk mengendalikan jalan raya-jalan raya kita yang besar-besar mungkin cukai-cukai jalan tidak perlu dinaikkan lagi selepas daripada itu. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

6.30 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, tindakan yang telah diambil oleh pihak yang berkenaan untuk mengemukakan Rang Undang-undang ini pada anggapan saya adalah satu tindakan yang patut dialu-alukan. Satu daripada tujuan utama Rang Undang-undang ini yang telah disebutkan dalam Rang Undang-undang ini ialah untuk menubuhkan satu Lembaga Lebuh raya yang tugas utamanya ialah untuk menyelia, melaksanakan rekabentuk pembinaan, pengawalan, pengendalian dan penyelenggaraan lebuh raya-lebuh raya antara bandar bagi negara kita.

Pada pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Lembaga Lebuh raya ini telah lama dinanti-nantikan di negara kita. Penubuhan Lembaga ini dirasakan perlu

bagi memastikan yang kita mempunyai satu sistem rangkaian lebuhraya yang lebih baik dan terjamin keselamatan dan lebih cekap di negara kita. Kita semua sedar bahawa satu sistem rangkaian lebuhraya yang terselamat dan cekap di negara kita boleh memainkan satu peranan yang amat penting dalam perkembangan ekonomi di negara kita, lebih-lebih lagi pengujudan satu rangkaian lebuhraya yang cekap dirasakan penting kerana untuk memastikan kejayaan apa juga dasar pengangkutan awam yang kita sedang berusaha untuk dilaksanakan nanti. Untuk memastikan kejayaan Lembaga ini saya mesti menegaskan kepada pihak Kerajaan terhadap keperluan menyediakan satu pool tenaga kerja yang besar terutamanya di bidang kejuruteraan dan teknikal yang akan digunakan untuk perancangan, rekabentuk, penyeliaan dan lain-lain aspek berkenaan dengan lebuhraya di negara kita.

Saya ingin menggesa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan agar dapat memberi satu jaminan dalam Dewan ini bahawa pool tenaga kerja yang saya syorkan tadi akan dapat disediakan tanpa apa juga kesulitan sebelum pelaksanaan Rang Undang-undang tentang penubuhan Lembaga ini dapat bermula. Saya rasa bahawa perkara ini mustahak oleh kerana kecuali syarat ini dapat dipenuhi adalah mustahil untuk mencapai tujuan dan matlamat Lembaga ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai keanggotaan Lembaga ini seperti yang dinyatakan dalam Fasal 4 Rang Undang-undang ini saya mengetahui bahawa mengikut Fasal 4(2) Yang Berhormat Menteri boleh melantik tidak lebih daripada 4 orang lain menjadi Ahli Lembaga untuk mewakili kepentingan khas mengenai lebuhraya-lebuhraya selama tempoh tidak melebihi 2 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa perkataan "boleh" haruslah dipinda kepada "hendaklah", oleh kerana saya rasa bahawa Yang Berhormat Menteri hendaklah melantik 4 orang ahli lain untuk berkhidmat dalam Lembaga ini sebagai tambahan kepada anggota-anggota yang dilantik oleh Yang Berhormat Menteri. Ini disebabkan adalah perlu kerana saya rasa bahawa pakar-pakar persendirian (private experts) mengenai perancangan lebuhraya hendaklah dilantik supaya mereka boleh menyumbangkan buah

fikiran mereka dan cadangan mereka yang membina untuk pertimbangan dan pelaksanaan oleh Lembaga itu.

Selain daripada ini, saya juga suka mengesyorkan kepada Yang Berhormat Menteri bahawa seorang wakil daripada Persatuan Automobile Malaysia hendaklah ditawarkan supaya berkhidmat di dalam Lembaga ini. Oleh sebab, saya rasa bahawa persatuan Automobile Malaysia ada berkait dengan aspek-aspek penggunaan lebuhraya di negara kita.

Satu perkara lain yang saya ingin menyentuh di sini ialah dengan penubuhan Lembaga ini, saya suka mencadangkan bahawa dalam usaha merancang dan merekabentuk jalanraya ataupun lebuhraya di negara kita keutamaan haruslah diberi kepada perancangan dan rekabentuk lebuhraya yang selamat untuk pengguna-pengguna jalanraya sebagai satu cara untuk mengurangkan kemalangan di jalanraya ataupun di lebuhraya kita.

Di samping itu saya suka juga mengesyorkan bahawa pihak yang berkenaan mestilah menubuhkan satu unit peronda yang diberi tugas untuk memberi rondaan di lebuhraya-lebuhraya kita untuk menyiasat dan mendapati di mana ada berlaku kerosakan di lebuhraya supaya perkara itu dapat dilaporkan balik kepada Lembaga itu dan tindakan selanjutnya dapat diambil untuk membaiki di mana-mana yang ada kerosakan. Di sepanjang jalanraya yang dibina kelak selepas penubuhan Lembaga Lebuhraya ini, saya juga ingin mencadangkan bahawa pondok-pondok telefon awam kalau mungkin hendaklah dipasang untuk menolong pengguna-pengguna jalanraya yang berkenderaan apabila kenderaan mereka rosak. Apabila kenderaan mereka rosak, mereka kemudiannya bolehlah menggunakan telefon ini untuk maksud perhubungan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Fasal 15 Rang Undang-undang ini yang menyentuh perkara bayaran tol, saya ingin mencadangkan bahawa bayaran atau kadar bayaran tol itu adalah pada kadar yang berpatutan dan saya rasa bahawa kuasa-kuasa yang diberi kepada Menteri untuk mengecualikan setengah-setengah kenderaan daripada bayaran tol adalah satu perkara yang penting juga.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-
pengerusikan Mesyuarat*)

Mengenai soalan pengenaan bayaran tol di lebuh raya kita yang akan dilaksanakan selepas pelaksanaan Rang Undang-undang ini berjalan, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada bayaran tol yang dikenakan itu adalah tetap ataupun akan dibatalkan selepas satu tempoh tertentu.

Yang akhirnya, Tuan Speaker, dengan penubuhan Lembaga ini saya suka menggesa Yang Berhormat Menteri supaya meneliti lebuh raya express Lembah Kelang, iaitu daripada Kuala Lumpur ke Kelang dan mengambil tindakan untuk menyejajarkan seberapa cepat tentang kajian itu. Saya berharap bahawa Lembaga ini akan menimbang, meneliti dan melaksanakan rancangan membesarkan lebuh raya ke dalam lebuh raya yang sempurna bagi memenuhi pertambahan penggunaan jalan raya oleh semua jenis kenderaan, baik prebet, perdagangan ataupun kenderaan awam setiap hari mengenai dengan express Lembah Kelang itu.

Itulah yang dapat saya sampaikan berkenaan dengan Rang Undang-undang ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kangar.

6.41 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong Rang Undang-undang Lembaga Lebuh raya Malaysia (Perbadanan) dan saya menganggap ini adalah satu Lembaga yang menambahkan kemajuan kepada negara kita yang mana kita tahu banyak kita telah adakan berbagai-bagai Lembaga dalam Kementerian sebagaimana kita tahu ada LPN dalam Kementerian Perusahaan Awam, LKTP dalam Kementerian Kemajuan Tanah dan kalau tak silap saya Kementerian Pengangkutan ada dengan MASnya, maka ini sebagai permulaan boleh jadi pada pendapat saya dalam Lembaga yang ditubuhkan atau dirangka oleh Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga sebagai mana kawan-kawan saya yang lain dengan adanya sebuah Lembaga yang akan ditubuhkan ini akan membawa kemajuan, kemakmuran dan kemudahan kepada negara kita. Walaupun saya tahu dengan adanya

Lembaga ini juga menambahkan pekerjaan, baik di peringkat atas sepertimana yang ada dalam Rang Undang-undang ini Ketua Pengarah dan beberapa orang ahli Lembaga lagi termasuk Pengerusi. Bererti di sini kalau kita kata ada orang dalam negara kita yang kekurangan kerja, baik daripada pangkat atas menambahkan jawatan dan boleh jadi di peringkat bawah juga akan menambahkan jawatan. Oleh sebab itulah saya kata Lembaga ini akan menjadi satu kebaikan kepada negara kita di segenap bidang, baik bidang pekerjaan, bidang pembangunan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita tahu kalau dalam Kementerian lain ada berbagai-bagai Lembaga, Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam ini saya dapati adalah satu Kementerian yang terlampau sibuk dengan berbagai-bagai pembangunan, pendek kata kalau hendak buat semua pembangunan yang ada hari ini misalnya sekolah, hospital, pendek kata apa sahaja bangunan termasuklah jalan raya semua ditugaskan kepada Jabatan Kerjaraya. Tentulah kadang-kadang kerja-kerja itu tidak dapat hendak dilaksanakan dengan begitu baik dan teratur kerana terlampau banyak. Segala pembangunan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan hari ini setahu saya selain daripada swasta apa sahaja yang dibangunkan melalui Kerajaan macammana saya kata tadi baik sekolah atau hospital yang akan menjalankan tugas itu ialah Kementerian Kerjaraya. Dengan sebab itulah banyak kerja-kerja kita tidak dapatlah hendak dilaksanakan dengan seberapa cepat yang boleh. Saya berharap dengan adanya Lembaga ini sebagaimana saya kata tadi yang dikhaskan kepada lebuh raya, bererti jalan untuk menemukan satu bandar ke satu bandar.

Saya berharap di sini kerana kita tahu kalau ada jalan yang lurus, cantik dan selisa saya yakin tentulah negara kita bertambah maju lagi dan boleh kita kutip kalau difikirkan lebih bagus kerana pada pendapat saya manusia ini hendak cepat dan lekas. Saya contohkan berkenaan lebuh raya, sebelum kita adakan Lebuh raya Timur-Barat yang mana hari ini Kerajaan telah mengutip tol satu tempat di Slim River. Saya masih ingat lagi pada tahun enam puluhan, iaitu tahun 1962 di mana saya sendiri datang ke Kuala Lumpur, jarang datang, tetapi kerana melalui jalan yang tidak ada jalan yang besar

dan lurus yang dikutip dengan tol melalui kalau tak silap saya Jalan Sungai Ular daripada Slim River ke Tanjong Malim ini banyak kawan-kawan saya yang datang ataupun boleh dikatakan selain daripada lambat sampai, pendek kata masih pening naik motokar dan naik bas kerana jalan berlekak-lekuk. Dengan sebab itu saya yakin bila ada jalan yang lurus dan yang elok sebagaimana dibuat daripada Slim River ke Tanjong Malim hari ini walaupun kena bayar tak ada manusia yang hendak melalui jalan yang susah dan jauh tadi. Maka dengan sebab itulah apa rancangan Kerajaan akan mengadakan lebuhraya ini walaupun terpaksa dikutip dengan bayaran tol selain daripada cukai jalan, income tax dan sebagainya terpaksa pula kutip masa lalu, saya fikir manusia tidak akan pergi walaupun tempat yang tak ada tol dia akan memilih jalan lebuhraya yang bertol walaupun jalan itu terpaksa dibayar. Dengan sebab itu saya berpendapat Rang Undang-undang ini amatlah sesuai.

Saya harap kalaulah hari ini ada 4 rancangan yang telah ditaja oleh Kerajaan saya harap tambahkanlah lagi sebagaimana kata kawan saya daripada Tanah Merah tadi. Saya harap sangat kalau boleh daripada utara Malaysia, iaitu Padang Besar terus ke Johor Bahru dan adakan pula daripada Pantai Barat terus ke Pantai Timur biarlah jalan itu yang bertol dan selisa walaupun kita terpaksa mengeluarkan belanja banyak. Saya yakin kalau dipaksa kutip tol manusia sanggup beri. Saya contohkan, saya jarang naik kapalterbang, walaupun jarang kadang-kadang saya naik. Kita tahu perbelanjaan kapalterbang lebih, agak saya 5 kali ganda daripada perbelanjaan bas tetapi dalam kapalterbang yang begitu mahal misalnya \$77 daripada Pulau Pinang, kadang-kadang terpaksa kita tempah dahulu sampai 2 hari baru ada tiket wal hal perbelanjaannya mahal kalau hendak bandingkan dengan pengangkutan yang murah lagi patut manusia naik kenderaan luar, tetapi manusia ini dia lebih suka biarlah dia belanja banyak asalkan selamat dan cepat sampai, Saya berharap dengan adanya lebuhraya yang saya maksudkan tadi akan membanyakkan jalan dan menselisakan jalan.

Saya dapat tahu, Tuan Yang di-Pertua, daripada orang-orang yang pergi melawat luar negeri ada yang biasa jadi duta, mereka mengatakan jalan-jalan di luar negeri, di

Amerika dan sebagainya, kalau kata saya pergi saya tidak pernah pergi, saya dapat dengar cerita daripada duta yang biasa pergi ke sana, jalanraya cukup lurus dan selisa. Saya harap dengan adanya Rang Undang-undang ini bukanlah sahaja pihak Lembaga yang kita akan tubuhkan nanti mereka ini akan cuma menguruskan jalan yang ditajakan oleh pihak Jabatan Kerjaraya bahkan hendaklah pada pendapat Lembaga ini juga memikirkan daripada satu masa ke satu masa mengadakan rancangan, mengadakan cadangan apakah yang patut diadakan berbagai-bagai rancangan lebuhraya lagi bukan sekadar lebuhraya yang ada pada hari ini. Ini patutlah pihak Lembaga yang akan ditubuhkan hari ini memikirkan selalu.

Saya harap juga dalam soal segi Lembaga ini saya tengok kalau tak silap dalam Lembaga ini ada ditubuhkan boleh hadir mesyuarat walaupun 4 orang tetapi kerana kedudukannya tak banyak hari ini tetapi kalau satu hari jawatankuasanya sampai 20, 4 orang pun cukup korum saya ingat itu tak terkeluar sangat tetapi walau macamanapun kadar jawatankuasa hari ini yang dicadangkan tidak begitu banyak saya baca juga tadi.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya mengesyorkan juga kerana dalam Lembaga ini juga dikatakan kalau tak silap saya dalam Fasal 11, ceraihan 3 (c) menubuhkan satu jawatankuasa untuk membuat laporan kepada Lembaga. Saya berpendapat tiap-tiap satu jalan atau lebuhraya yang hendak diadakan, misalnya kita katalah dalam tanggungan Lembaga Lebuhraya ini ada 4 jalan ke Timur-Barat, apa yang disebutkan oleh kawan saya tadi daripada Negeri Sembilan dan sebagainya. Saya berpendapat patut tiap-tiap satu jalan hendak diadakan satu jawatankuasa yang disebutkan dalam Bil ini akan diberi elaun dan sebagainya kerana kita contohkan sebagaimana Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN), juga Lembaga Tembaku Negara (LTN). Jadi selain daripada pihak-pihak Lembaga atas yang bertanggungjawab, ada pihak badan-badan kecil dan sebagainya bagi pihak kawasan masing-masing. Jadi, kalau lebuhraya ini hendak buat kawasan negeri agak saya harus tidak sesuai tetapi patutlah kita buat satu jawatankuasa jalan. Misalnya, saya katakan tadi satu jawatankuasa jalan daripada Padang Besar terus ke Johor Bahru, daripada Ipoh terus ke Kota Bharu, pendek kata tiap-tiap satu jalan selain daripada Lembaga hendaklah ada satu

jawatankuasa kecil yang memikir dan memajukan apa yang bersesuaian dengan keadaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap sangat-sangat kerana saya sudah perhati—tidak tahulah barangkali kerana kita ini belajar daripada beberapa kesalahan yang lepas tentang kutip tol tadi, saya bersetuju sangat-sangat dengan pendapat Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah. Satu hendaklah kita tengok orang yang berdekatan yang selalu menggunakan kadang-kadang kalau sehari sampai lima kali dia lalu ikut tol, orang lain lalu sehari sekali, itu lain sedikit. Tambahan macam kita ini sebulan tiga kali ataupun seminggu dua kali tidak ada masalah, tetapi kalau kena manusia yang lalu sehari empat kali, di depan rumahnya dia hendak kena lalu tol, jalan lain tidak ada, kalau tempat lain yang hendak dilalui sampai tiga batu pula, hendak lalu jalan yang tidak bertol itu, dia terpaksa lalu ikut jalan itu. Misalnya dikenakan dalam syarat ini motokar sudah ditetapkan oleh Lembaga \$1, jadi kalau sampai empat kali dia lalu ini amat terok. Dengan sebab itu, apa yang disyorkan oleh kawan saya tadi saya amat bersetuju.

Di samping itu juga tentulah yakin kita belajar daripada beberapa kesalahan yang lalu, saya perhati Pelabuhan Pulau Pinang juga ada tol di Slim River. Di masa yang lepas tentang kutip tol kita kutip pergi dan balik, tetapi hari ini kerana kita memandang itu membuang masa, kita kutip pergi sahaja, balik kita tidak kutip. Ini adalah satu contoh yang sangat baik. Jadi saya takut kerana tol awal di Pelabuhan Pulau Pinang dahulu dikutip pergi dan balik, boleh jadi dibuat baru-baru ini pun harus dikutip pergi dan balik tetapi kalau didzarab 5×2 dengan 2×5 , benda itu tidak lari kerana walaupun diambil selari, diambil sampai dua kali ganda, misalnya, macam hari ini kita lalu tol kena \$1 di masa yang lepas 50 sen pergi, 50 sen balik, akhirnya dua kali lima juga.

Tentang orang yang hendak datang ke Kuala Lumpur tentu dia akan balik ke utara dan kalau orang yang pergi ke utara dia juga akan balik ke Kuala Lumpur. Jadi, dengan sebab itu, saya berharap sangat-sangat sebagaimana yang dijalankan tol di Slim River, kalau ada pula tol di mana yang Kerajaan adakan tol hendaklah dibuat macam mana

yang kita buat tol di Slim River hari ini dan janganlah kita buat macam baru-baru kita tajakan dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap sangat-sangat dengan Rang Undang-undang ini akan membanyakkan lagi jalan dan dengan jalan itu mungkin mencepat sampaikan kepada tiap-tiap orang. Saya harap dengan adanya Lebuhraya yang Kerajaan tubuhkan pada hari ini perjalanan bertambah cepat; kalaulah dahulu daripada Kuala Lumpur ke Perlis memakan masa sampai lapan jam. Dengan adanya Lembaga ini saya berharap kalaulah tidak tahun 1980, tahun 1981, maka tahun 1982 berikhtiar selain daripada jalan yang dirancangan ini membetulkan jalan yang ada sekarang dengan jasa Lembaga yang ada dalam Bil ini merangka lagi cepat jalan itu diberi lurus supaya kalau boleh daripada lapan jam boleh lalu dengan masa lima jam sahaja dan kalau hendak ada pembayaran pun, macam saya katakan tadi, manusia hari ini sanggup membayar asalkan dia cepat sampai ke tempat yang hendak dituju kerana bila cepat sampai ke tempat yang dituju ini bererti membawa kemudahan kepada dia dengan lebih baik lagi.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sukacitanya menyokong Rang Undang-undang Lembaga Lebuhraya Malaysia yang dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Dungun.

6.54 ptg.

Tuan Awang bin Jabar (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut sama menyokong Rang Undang-undang Lembaga Lebuhraya Malaysia (Perbadanan) 1980 yang baru sekejap dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Saya mengambil kesempatan ini sebelum mengesyorkan beberapa cadangan, ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, pegawai-pegawai di Jabatannya yang mana dengan kerja keras Yang Berhormat itu dan pegawai-pegawainya dapat merangka satu Rang Undang-undang yang saya rasa kena pada tempatnya dan akan memberi manfaat dan faedah yang lebih kepada negara kita sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, kerana selama ini kita tahu bahawa penyelenggaraan dan yang berkaitan atau yang bersangkutan-paut dengan hal-hal jalanraya ini adalah di bawah satu Kementerian. Barangkali dengan beban-kerja yang begitu berat Kementerian ini dan Jabatan-jabatan yang berkenaan tidak dapat memenuhi, tidak dapat sampai kepada target dalam melaksanakan perancangan-perancangan yang sudah kita rancang dan rencanakan itu. Jadi, saya rasa amatlah kena dan amat sesuai maka satu Lembaga, apa yang dinamakan Lembaga Lebuhraya ini wujud seperti mana Badan-badan Berkanun yang lain seperti SEDC dan sebagainya dalam usaha kita membahagikan kerja-kerja untuk melaksanakan rancangan-rancangan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, bila dikaitkan Lembaga Lebuhraya Malaysia ini dengan Dasar Ekonomi Baru (DEB) kita maka Lembaga Lebuhraya Malaysia ini adalah merupakan satu-satu usaha untuk mempercepatkan dan melancarkan ataupun melicinkan perjalanan, pelaksanaan projek-projek di dalam rancangan-rancangan Malaysia khususnya dalam Rancangan Malaysia Keempat yang akan dilancarkan tahun hadapan.

Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, Lembaga ini apabila kita hubungkan dengan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang hendak membasmikan kemiskinan dan berbagai-bagai itu, maka saya merasakan beberapa perkara ataupun beberapa langkah mesti diambil oleh Lembaga ini. Umpamanya, Lembaga ini memanglah secara langsung akan terlibat dengan kerja-kerja pembinaan, kerja-kerja penyelenggaraan dan lain-lain kerja dalam melaksanakan projek-projek yang mana kerja-kerja ini adalah berkait rapat dengan pemorong-pemorong ataupun kontraktor-kontraktor. Jadi, bagi menjamin supaya penyertaan kontraktor bumiputra ataupun pemorong-pemorong bumiputra di dalam melaksanakan projek-projek yang akan dijayakan oleh Lembaga ini, maka saya mengesyorkan dan saya mencadangkan supaya kuota sistem hendaklah diadakan.

Yang kedua, sebuah badan kecil yang berbentuk konsortium untuk pemorong-pemorong untuk menjamin penyertaan bumiputra di dalam melaksanakan projek-projek ini hendaklah juga diadakan oleh Lembaga ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, apabila kerja-kerja ini dapat dilaksanakan dengan baik dan kita semua mengharapkan bahawa seluruh negara kita ini akan ada rangkaian lebuhraya dari Utara ke Selatan, dari Timur ke Barat yang menghubungkan bandar-bandar besar antara satu sama lain di dalam negara kita. Natiujahnya perjalanan dari satu tempat ke satu tempat akan cepat dan barangkali ahli-ahli perniagaan akan menimba keuntungan yang lebih daripada rancangan-rancangan ataupun projek-projek yang dibuat oleh Lembaga.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, ucapan itu nampaknya sudah jauh daripada asas ataupun tajuk Rang Undang-undang Lembaga Lebuhraya Malaysia (Perbadanan), 1980 dan perkara-perkara yang memang tertera dengan terang. Kalau boleh, Yang Berhormat tolong balik kepada soal-soal yang berkenaan dengan perkara yang tersebut dalam perkara Bahagian I, Bahagian II, Bahagian III hingga Bahagian VI dalam Rang Undang-undang tersebut.

Tuan Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan saya rasa apa yang saya sebutkan ada sangkut paut dengan penyelenggaraan, ada hubungan dengan Rang Undang-undang ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ada itu betul, tetapi sudah jauh sedikit, tolong balik kepada dasar.

Tuan Awang bin Jabar: Saya cuba corner balik untuk mendekati sedikit. Jadi, natiujah baik pun ada dengan kejayaan tadi dan akibat buruk pun ada, kerana apabila lebuhraya itu baik, jalannya baik tentulah orang ramai, pengguna lebuhraya itu akan berjalan dengan laju dan cepat dan ini memungkinkan berlakunya kemalangan jalanraya. Saya mengesyorkan supaya satu sistem perondaan lebuhraya yang berkesan hendaklah diambil oleh Lembaga ini. Kedua, manamana jalan ataupun lebuhraya yang melintasi bandar kecil, kampung kecil atau kampung besar di mana orang ramai melintas, jalan itu hendaklah dibuat jejambat atau fly-over supaya menyelamatkan lalulintas di tempat-tempat berkenaan.

Selain daripada itu, saya mengesyorkan supaya Lembaga ini juga akan mengadakan pusat-pusat kesenangan kepada pengguna-pengguna lebuh raya itu. Katakan, lebuh raya itu sistemnya mesti seboleh-boleah jauh daripada bandar ataupun jauh daripada kampung orang supaya hendak menjaga keselamatan mereka, tetapi apabila begitu keadaannya akan menimbulkan kesusahan dan kepayahan pula kepada pengguna-pengguna lebuh raya itu khususnya untuk hendak mendapatkan bekalan disel, minyak petrol, makan-minum, buang air dan sebagainya. Saya mengesyorkan kepada Lembaga itu mengambil kira sama di dalam melaksanakan projek-projek itu nanti supaya tiap-tiap 50 batu, 60 batu atau tiap-tiap 100 batu diadakan satu pusat kesenangan di mana berbagai-bagai barang-barang keperluan untuk pengguna-pengguna lebuh raya itu diperolehi.

Tuan Yang di-Pertua, apabila disentuh mengenai bayaran tol tadi, oleh sebab kenderaan di dalam negara kita ini tidak semuanya digunakan oleh orang-orang yang kaya raya, tetapi ada kenderaan digunakan oleh rakyat yang berpendapatan rendah seperti bas dan teksi, jadi untuk meringankan beban pengguna jalan raya dari kalangan berpendapatan rendah itu, saya mengesyorkan supaya Lembaga itu tidak akan mengenakan tol ataupun kalau dikenakan dengan kadar yang rendah kepada public transport seperti bas dan teksi.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Dengan cadangan-cadangan yang saya buat ini, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau, selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

7.02 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh (Balik Pulau): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun menyokong Rang Undang-undang Lembaga Lebuh raya Malaysia (Perbadanan) 1980 yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri. Dengan adanya dan lulusnya Rang Undang-undang ini maka dengan sendirinya telah membuktikan bahawa Kerajaan mengambil berat tentang pembinaan

dan kemajuan jalan raya di negara kita. Tuan Yang di-Pertua, perkembangan ekonomi di sesebuah negara itu bergantung kepada panjang atau jauhnya jalan raya itu dibina dalam sesebuah negara. Saya masih ingat ada sebuah majalah menceritakan seorang pakar dari luar negeri dihantar ke Indonesia menasihatkan Kerajaan Indonesia cara-cara hendak mengembangkan ekonomi negara Indonesia iaitu khasnya di Pulau Sumatra. Kata pakar tersebut perkara utama yang patut dijalankan ialah mengadakan sebatang jalan raya atau lebuh raya dari Sabang ke Selat Sunda. Itu perkara pokok. Jadi dengan itu menunjukkan bahawa maju mundurnya ekonomi sebuah negara itu adalah terletak kepada jalan raya yang dibina. Jadi dengan adanya sebuah perbadanan yang khusus menjaga, menyelenggara dan merancang untuk membina jalan raya itu adalah dengan sendirinya membuktikan bahawa Kerajaan sedar; dengan adanya jalan raya yang baik yang dirancang dengan teliti maka kemajuan ekonomi negara kita dapat dipesatkan lagi. Jadi dalam hal ini kita ucapan tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan terutamanya kepada Kementerian berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh satu dua perkara di mukasurat 7, Fasal 11 (1) (d):

“Merancang dan menjalankan penyelidikan untuk memastikan penggunaan yang cekap dan lebuh raya dan lain-lain kemudahan di sepanjang lebuh raya.”

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat kepada kenyataan-kenyataan yang telah ada apabila kita membina dan membaiki mutu jalan raya kita ini, sebagai contoh Jalan raya Karak-Kuala Lumpur, pada masa dahulu jarang kita mendengar kematian yang banyak berlaku di jalan raya tetapi apabila jalan raya sudah elok, besar dan lurus dan sebagainya, jalan raya itu seolah-olah menjadi perangkap maut (death trap) kepada pengguna-pengguna jalan raya. Ini patut kita kaji kerana baru dua hari yang lalu, lima nyawa sekali terkorban dan semalam tiga nyawa terkorban di jalan yang sama, Karak-Kuala Lumpur. Ini patut juga menjadi kajian yang teliti oleh Perbadanan ini kelak. Mengapa perkara ini berlaku? Saya kurang bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Kangar mengatakan jalan itu patut diluruskan seberapa panjang yang boleh. Pada pandangan saya, sebagai seorang derebar juga yang

biasa membawa kereta beratus batu dari Pulau Pinang ke Kuala Lumpur, kalau sebatang jalanraya itu terlampau lurus dan jauh pula, ini akan menyebabkan derebar itu menjadi leka, dia tak fikir ada jalan belok-belok di hadapan dan dengan mengambil endah tak endah sahaja sebagai pemandu, dan ini kemungkinan besar menyebabkan perlanggaran, cuai dalam memandu motokar, sebab jalan itu tidak liku-liku atau koner dan sebagainya. Maka ini akan menyebabkan derebar atau pemandu itu leka atau cuai. Jadi ini patut menjadi kajian oleh Perbadanan ini kelak.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersetuju dengan pandangan rakan saya dari Dungun tadi. Perbadanan ini kelak sepatutnya mengkaji supaya mengadakan service station, pusat-pusat perkhidmatan. Saya ada pengalaman memandu kereta dari Washington ke New York. Saya dapati tiap-tiap 100 batu diadakan service station, pusat perkhidmatan di pusat perkhidmatan ini diadakan petrol station, restoran, tempat kita bermalam, kalau kita hendak bermalam boleh, ada tempat buang air, tandas, tempat mandi dan sebagainya. Dan ini, Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya tidak perlu Perbadanan ini mengeluarkan belanja yang besar, apa yang perlu Perbadanan ini cuma menyediakan tempat dan kita boleh tender kepada kompeni-kompeni ataupun mana-mana firma yang sanggup mengadakan kemudahan-kemudahan ini, bayar sekian-sekian banyak kepada Perbadanan ini. Dengan cara ini kita menjimatkan perbelanjaan, pihak Kerajaan hanya menyediakan tempat-tempat tersebut dan penyelenggaraannya itu kita gunakan sistem tender dan saya rasa dengan adanya pusat-pusat perkhidmatan ini sebagai pemandu yang ada pengalaman juga memandu jauh, bila kita memandu lebih daripada 100 batu kita merasa penat dan kita merasa mengantuk. Jadi dengan adanya kemudahan ini maka pemandu-pemandu itu boleh relax, mendapat perkhidmatan misalnya hendak minum kopi dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Ikut umur pemandu itu juga.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Ya. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, ini kita mengelakkan kemungkinan berlakunya kemalangan-kemalangan yang tak patut berlaku

dengan adanya service station ini. Di situ juga kita boleh cek motokar, breknnya baik atau tidak, sama ada minyak selendernya cukup dan sebagainya, ini salah satu langkah untuk mengelakkan berlakunya berbagai-bagai kemalangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh Fasal 11 (e):

“pada amnya melakukan apa-apa jua perkara untuk memajukan lagi dan menggunakan dengan wajar Lebuhraya dan lain-lain kemudahan di sepanjang lebuhraya.”

Dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat kalau sebut satu-satu begini apabila dalam Jawatankuasa nanti, sekarang boleh sentuh satu-satu tetapi dengan cara am.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bercakap yang ada bersangkutan dengan ini. Maksud saya begini; lebuhraya yang akan datang yang akan kita bina sepatutnya selain daripada jalannya lebar patut juga Perbadanan ini memikirkan mengadakan satu ruang khas untuk telefon, untuk elektrik, untuk bekalan air. Jadi taklah berlaku seperti sekarang jalan siap dibina, selepas dua bulan datang pihak pembekal air mengorek jalan yang sama yang sudah siap dibina, ini merugikan perbelanjaan dan membazirkan perbelanjaan. Selepas pembekal air korek datangnya pula Telekom, korek lagi sekali selepas tiga bulan jalan itu dibina semula. Ini membazirkan wang Kerajaan dan juga mengganggu pengguna-pengguna jalanraya. Jadi saya cadangkan selain daripada keluasan jalan itu kita ambil, kita menyediakan satu lagi ruang katalah 20' atau 30' digunakan untuk berbagai-bagai agensi perkhidmatan—telekom, elektrik, air dan lain-lain yang hari ini menggunakan jalanraya, mengorek, menimbus dan sebagainya. Ini pada pendapat saya boleh meningkatkan mutu jalanraya yang kita bina.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi ialah masalah penguatkuasa kepada Undang-undang Peraturan Lalulintas. Kebanyakan kemalangan-kemalangan yang berlaku hari ini kalau kita kaji adalah disebabkan oleh bas melanggar kereta biasa, lori balak bertembung dengan kereta biasa. Ini menunjukkan

bahawa di bidang penguatkuasaan kita kurang berkesan, kita kurang mengambil langkah-langkah yang ketat untuk menguatkuasakan peraturan-peraturan yang telah kita jadikan Akta atau jadikan peraturan. Jadi dalam perkara ini saya cadangkan patut diadakan Polis Rondaan Lebuhraya (Highway Patrol) yang betul-betul menguatkuasa, nampak sahaja lori lari lebih daripada 50 bsj mesti ditahan. Hari ini kalau kita tengok dan kalau kita sendiri memandu motokar di Lebuhraya tidak adapun sebuah bas atau lori yang tulis 35 bsj lari 35 bsj, malahan lebih 35 bsj. Apabila kita bertanya, "Mengapa lari lebih?" Bukan 35 batu sejam tetapi 35 batu setengah jam. Dia tarifikan "s" itu setengah. Saya fikir boleh jadi setengah boleh juga ditarifikan suku jam. Ertinya 35 batu suku jam sebab itu dia lari lebih 60 batu sejam. Serba salah kepada pemandu-pemandu motokar biasa ini kita hendak memotong dia pun tidak berani. Kalau kita di belakangnya pun, lagi kita merasa bimbang. Ini yang menyebabkan kemalangan. Kalau tidak ada Highway Patrol ini tidak guna kita adakan had laju 35 batu sejam, 40 batu sejam, 50 batu sejam—tidak juga. Seolah-olah kita mempersendakan peraturan-peraturan yang kita luluskan. Saya tegaskan lagi sekali dan saya harap sangat-sangat kepada Yang Berhormat Menteri supaya perkara ini hendaklah ditekankan, mesti berjalan 24 jam sebab sekarang jalanraya kita, lebuhraya kita digunakan oleh rakyat negeri kita 24 jam maka Highway Patrol inipun mesti bertugas 24 jam dan jangan beri peluang, siapa yang salah mesti kompaun di situ juga dan dengan serta-merta. Kalau kita tidak buat begini selama itulah berbagai-bagai kemalangan berlaku dan jalanraya kita bukanlah menjadi satu kemudahan tetapi jalanraya kita menjadi perangkap maut kepada rakyat kita sendiri.

Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Menteri.

7.16 mlm.

Dato S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada beberapa orang

Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan atas Rang Undang-undang Lembaga Lebuhraya Malaysia (Perbadanan) dan memberi ulasan-ulasan dan juga teguran-teguran mereka dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pelabuhan Kelang meminta mempercepat pembinaan Lebuhraya Pelabuhan Kelang ke Kuala Lumpur dan juga menyokong Rang Undang-undang ini.

Soalan jalan Pelabuhan Kelang ke Kuala Lumpur tidak ada dalam kaitan secara langsung dengan Rang Undang-undang ini. Walau bagaimanapun, suka saya memaklumkan "by-pass North Klang Straits" sedang dalam pembinaan yang akan menyambung Lebuhraya baru Lembah Kelang yang dicadangkan tidak lama lagi.

Saya suka juga memberi sedikit penjelasan kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah yang telah membangkitkan beberapa perkara. Tujuan Lembaga ini ialah untuk meringankan beban JKR di dalam memikul pelaksanaan projek-projek pembangunan. Lembaga ini bukanlah satu syarikat pembinaan, tetapi seperti JKR akan menyelia pembinaan oleh kontraktor-kontraktor. Jalan-jalan seperti Kuala Krai, Gua Musang sedang dalam pembinaan, perlu dikehendaki oleh Perbadanan ini dan kadar tol yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu akan ditentukan dengan adil dan mengambil kira-kira keupayaan pengguna-pengguna. Jawapan itu saya berikan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara tol ini.

Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah juga telahpun membangkitkan perkara cukai jalan. Dukacita Yang Berhormat perkara ini bukan termasuk dalam kuasa Kementerian saya, cukai itu adalah dalam bidang kuasa Kementerian Pengangkutan. Kuasa dan tujuan Kementerian saya ialah untuk membina jalan, mengutip cukai ialah di bawah tanggungjawab Kementerian Pengangkutan.

Perkara yang lain itu seperti menghendakkan jalan-jalan di seluruh Lebuhraya itu ada juga dalam pertimbangan kita dan saya harap apabila kita siapkan projek-projek ini kita akan ikut satu taraf yang bagus seperti taraf antarabangsa (international). Kita juga

akan mengadakan semua kemudahan jalanraya seperti mengadakan dua line atau empat line dan mengandungi empat saluran seperti telefon, service area, parking area dan lain-lain kemudahan.

Walaupun negara kita sudah mencapai kemerdekaan selama 22 tahun, kita akan membangun. Tetapi apa yang kita beri kepada pengangkutan dan juga rakyat di dalam negara kita ialah satu taraf yang bagus sama dengan taraf-taraf yang ada di negeri barat sekarang. Tetapi apa yang boleh kita dapati di negeri-negeri yang lain seperti Amerika Syarikat umpamanya, adalah dalam timbangan kita sekarang. Kita mesti ikut satu taraf yang bagus supaya orang-orang lain atau pelawat-pelawat luar negeri boleh dapat tahu bahawa negeri kita juga ada semua kemudahan-kemudahan yang mereka boleh dapati dalam negeri mereka.

Untuk menjawab Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar yang mencadangkan supaya Fasal 4 berkenaan dengan keanggotaan Lembaga, perkataan "boleh" diganti dengan "hendaklah"; ini tidak perlu dipinda. Jika benar mustahak anggota berkenaan akan dilantik dari Persatuan AAM, ini akan ditimbang jika dirasakan perlu.

Penubuhan Highway Patrol adalah diperuntukkan di bawah Seksyen 11 (4) (a) dan (b) dan mengenai bayaran tol, saya telah jelaskan tadi, tidak payah diulang lagi. Untuk telefon pun, saya telah beri penjelasan tadi dan faktor-faktor keselamatan adalah menjadi pertimbangan yang asas dan utama bagi Jabatan Kerjaraya dan penyelidikan yang telah kita jalankan dalam Kementerian ini ialah satu penyelidikan mengikut standard yang terbaik di antarabangsa. Apabila kita jalankan projek-projek melalui Lembaga Lebuhraya ini, saya memberi akuan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di sini iaitu tarafnya mestilah dengan satu taraf yang baik yang mana kita memberi satu asas untuk keselamatan di jalanraya.

Untuk memberi jawapan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kangar, saya tidak berapa faham apa maksud atau faedah menubuhkan Jawatankuasa di negeri, sebab projek-projek lebuhraya sudah ditentukan untuk dilancarkan oleh Lembaga ini. Oleh itu adalah tidak perlu untuk mengadakan satu jawatankuasa lain.

Sistem mengadakan tol pun saya telah memberi penjelasan, saya harap tidak payah saya jelaskan lagi.

Mengenai syor Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau, saya mengambil perhatian atas semua teguran-teguran yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi.

Saya harap saya telahpun menjawab perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Tetapi sebelum saya sudahi ucapan saya, suka-suka memberi satu jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga kepada Dewan yang mulia ini apabila Lembaga Lebuhraya menjalankan tugas-tugas mereka itu, kita akan mengikut semua taraf seperti taraf yang ada di antarabangsa. Ini saya berjanji kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Kita menubuhkan Lembaga Lebuhraya ini adalah dengan tujuan:

- (1) Untuk mempercepatkan;
- (2) Untuk mendapatkan satu standard dan taraf yang baik;
- (3) Untuk memberi peluang kepada rakyat jelata untuk menggunakan satu jalan yang baik dengan lebih standard;
- (4) Untuk memberi lebih peluang kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mengadakan pembangunan di kawasan-kawasan yang belum dapat dibangunkan lagi.

Iniilah yang menjadi asas untuk mengadakan Lembaga Lebuhraya ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya tamatkan ucapan saya, saya suka sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat atas syor-syor mereka dan juga saya ingin memberi jaminan iaitu ke semua syor-syor itu akan diberi pertimbangan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan bagi diputuskan bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 9 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 10—

Dato S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan satu pindaan dalam peringkat Jawatankuasa ini iaitu:

Fasal 10—Potong perkataan “applicable” dan rujukan bidai “Sarawak Cap. 57. Sabah Ord. 3/59”.

Clause 10—Delete the word “applicable” and the marginal reference “Sarawak Cap. 57.

Sabah Ord. 3/59”.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 10 sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 11 hingga 30—

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh sedikit Fasal 15 (1). Di bawah Fasal ini “Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri dan dengan persetujuan Menteri Kewangan, membuat apa-apa perintah untuk mengenakan, mengubah, meminda atau memansuhkan tol bagi kereta-kereta yang menggunakan lebuhraya dan perintah itu boleh menentukan jenis, amaun, kadar tol dan cara bagaimana tol itu dibayar”.

Saya bangun untuk bercakap pendek sahaja iaitu saya hendak minta jasa baik Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya menimbang kemungkinan memberi pelepasan (exemption) kepada kereta-kereta awam seperti teksi dan bas daripada dikenakan tol ini, oleh kerana sekarang ini kita telahpun memberi kelonggaran dalam cukai jalan demi untuk meningkatkan mutu perkhidmatan kenderaan awam dan kerana itu adalah menasabah kalau pihak Yang

Berhormat Menteri itu boleh memberi kelonggaran dengan memberikan satu exemption kepada public vehicles daripada dikenakan bayaran tol. Bolehkah saya mendapat jaminan daripada Yang Berhormat Menteri bahawa ini akan dijalankan?

Dato S. Samy Vellu: Tuan Pengerusi, perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu akan saya timbangkan.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Pengerusi, saya hendak menarik perhatian Yang Berhormat Menteri mengenai Fasal 11 (2) (d)—“membuat peraturan mengenai apa juga aktiviti yang termasuk dalam bidang fungsi Lembaga”. Oleh sebab pembinaan jalanraya ini menggunakan banyak bahan batu, saya cadangkan Perbadanan ini mestilah melibatkan dirinya di dalam perusahaan kuari untuk melicinkan pembinaan; jangan ada tidak cukup bekalan dan sebagainya. Ini sebagai satu cadangan saya.

Dato S. Samy Vellu: Tuan Pengerusi, perkara ini adalah di dalam timbangan sekarang.

Fasal 11 hingga 30 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diduliskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERHITUNGAN SEMULA PENCEN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.32 mlm.

Menteri Tak Berpotfolio di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mencadangkan agar Rang Undang-undang Penghitungan Semula Pencen 1980 dibentangkan untuk bacaan kali yang kedua.

Seerti yang kita telah maklum Tribunal Perkhidmatan Awam pada 22hb Januari, 1980 telah memutuskan supaya Kerajaan mengira semula dan membayar pencen kakitangan Kerajaan yang telah bersara di bawah Skim Gaji Suffian dalam tempoh antara

1-1-70 hingga 31-12-75 berdasarkan faktor pencen yang dipakai bagi mereka yang bersara di bawah Tanggagaji Harun. Keputusan tersebut adalah berbangkit daripada tuntutan anomali yang dibuat oleh Kesatuan Sekerja Jabatan Hasil Dalam Negeri bagi pihak pesara-pesara berkenaan.

Menurut Akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1977 sebarang keputusan yang telah dibuat oleh Tribunal mengenai sesuatu tuntutan anomali adalah terakhir dan muktamad dan hendaklah dipatuhi oleh semua pihak berkenaan termasuk Kerajaan. Ianya tidak boleh "dicabar, dibuat rayuan, dikaji semula, dibatalkan atau dipersoalkan dalam mana-mana Mahkamah". Keputusan itu juga hendaklah dilaksanakan dalam tempoh 6 bulan.

Tuan Yang di-Pertua, tuntutan anomali ini telah timbul kerana ujudnya perbezaan antara faktor pencen bagi kakitangan perkhidmatan awam yang telah bersara di bawah tanggagaji-tanggagaji Suffian dan Aziz di satu pihak dan kakitangan badan berkanun dan kuasa tempatan yang bersara di bawah tanggagaji Harun serta juga mereka yang mendapat faedah pencen di bawah tanggagaji baru Kabinet. Pencen di bawah tanggagaji Suffian/Aziz telah dikira berdasarkan faktor 1/800 manakala pencen di bawah tanggagaji Harun dan tanggagaji baru Kabinet dikira berdasarkan kepada faktor 1/600. Untuk mendapat pencen penuh di bawah tanggagaji Suffian/Aziz seseorang kakitangan hendaklah berkhidmat tidak kurang daripada 33 1/3 tahun. Pada hakikatnya tidak seorang pun yang dibayar pencen penuh iaitu separuh daripada gaji akhir, kerana untuk mendapatkan ganjaran iaitu pembayaran "lump sum" selepas bersara seseorang itu dikehendaki memilih untuk menerima $\frac{2}{3}$ sahaja daripada pencennya tiap-tiap bulan bagi tempoh selama 12½ tahun. Di bawah tanggagaji Harun dan tanggagaji baru Kabinet pula seseorang kakitangan Kerajaan, Badan Berkanun atau Kuasa Tempatan hanya dikehendaki berkhidmat selama 25 tahun untuk mendapat pencen penuh. Pencen bulanannya tidak perlu disusutkan sebagai ganti ganjaran kerana tiap-tiap pesara adalah juga layak dibayar ganjaran sebanyak 5% daripada gaji akhirnya bagi tiap-tiap sebulan perkhidmatan yang diambil kira untuk pencen.

Tuan Yang di-Pertua, kakitangan di dalam perkhidmatan awam yang telah dibayar pencen berdasarkan faktor 1/800 dapat dibahagikan kepada 4 golongan iaitu:

- (a) Kakitangan yang telah bersara di bawah tanggagaji Suffian mulai 1-1-70 hingga 31-12-75;
- (b) Kakitangan yang telah bersara di bawah tanggagaji Aziz mulai 1-1-70 hingga 31-12-75;
- (c) Kakitangan yang telah bersara sama ada di bawah tanggagaji Suffian atau Aziz dalam tempoh mulai 1-8-68 hingga 31-12-69; dan
- (d) Ahli-ahli angkatan tentera yang telah bersara di bawah Skim Gaji Tan Sri Sheikh Abdullah mulai 1-8-68 hingga 31-12-75.

Satu lagi kategori pesara yang perlu disebutkan di sini ialah mereka yang terdiri daripada bekas ahli-ahli angkatan tentera berpangkat rendah yang telah bersara mulai 1-1-70 hingga 31-12-75 di bawah tanggagaji Tan Sri Sheikh Abdullah kerana mereka juga telah dibayar pencen berdasarkan faktor yang kurang baik iaitu 1/720 dibandingkan dengan faktor pencen di bawah tanggagaji Harun.

Tuan Yang di-Pertua, keputusan yang dibuat oleh Tribunal Perkhidmatan Awam itu adalah hanya meliputi kakitangan-kakitangan Kerajaan yang telah bersara dalam tempoh 1-1-70 hingga 31-12-75 di bawah skim-skim perkhidmatan yang menggunakan tanggagaji Suffian sahaja. Ini bermakna ianya tidak meliputi kakitangan-kakitangan yang sebelum mereka bersara telah berkhidmat dalam skim-skim perkhidmatan yang menggunakan tanggagaji Aziz dan Tan Sri Sheikh Abdullah dan juga kakitangan-kakitangan yang telah bersara terlebih awal daripada 1-1-70 dengan dibayar pencen berdasarkan faktor 1/800 walaupun sebahagian besar daripada mereka adalah tertakluk di bawah tanggagaji Suffian.

Dengan keputusan Tribunal Perkhidmatan Awam itu maka adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk memanjangkan faedah pengiraan semula pencen berdasarkan faktor pencen Harun kepada semua pesara-pesara yang lain termasuk orang-orang tanggungan

mereka yang sedang menerima pencen berdasarkan faktor 1/800. Ini adalah difikirkan wajar kerana :

- (a) Semua kakitangan sivil dalam perkhidmatan awam yang telah bersara antara 1-8-68 dan 31-12-69 dan dibayar pencen berdasarkan faktor 1/800 adalah terdiri daripada kakitangan dalam Kumpulan IV dan Kumpulan Rendah dan Buruh Kasar. Adalah tidak adil kiranya mereka ini ditinggalkan;
- (b) Kakitangan-kakitangan yang bersara di bawah tanggagaji Aziz adalah sama kedudukannya dari segi syarat perkhidmatan dengan kakitangan-kakitangan yang bersara di bawah tanggagaji Suffian; dan
- (c) Demikian juga ahli-ahli angkatan tentera yang terdiri daripada pegawai-pegawai dan yang berpangkat rendah yang telah bersara di bawah tanggagaji Tan Sri Sheikh Abdullah juga pada prinsipnya telah menerima faedah pencen berdasarkan faktor-faktor yang kurang dibandingkan dengan faktor pencen 1/600.

Perlu juga diterangkan bahawa apabila faktor pencen berubah daripada 1/600 kepada 1/800 di bawah tanggagaji Suffian/Aziz kadar-kadar faedah kecederaan dan pencen tanggungan juga telah turut berubah. Misalnya di bawah tanggagaji lama sebelum pelaksanaan skim-skim gaji Suffian/Aziz kadar pencen tanggungan yang dibayar kepada balu berikutan dengan kematian seseorang kakitangan Kerajaan akibat kecederaan semasa menjalankan tugas adalah 1/6 daripada gaji pegawai berkenaan yang diterima pada tarikh beliau mendapat kecederaan. Di bawah tanggagaji Suffian/Aziz kadar tersebut telah dikurangkan kepada 1/8 daripada gaji. Perubahan tersebut adalah sejajar dengan prinsip mengenai perubahan faktor pencen. Apabila faktor pencen di bawah tanggagaji baru Kabinet dipulihkan daripada faktor 1/800 kepada 1/600, Kerajaan juga telah mengambil keputusan untuk menggunakan kembali kadar-kadar faedah kecederaan dan pencen tanggungan sebagaimana yang telah digunakan di bawah tanggagaji lama sebelum Suffian/Aziz.

Bilangan mereka yang terlibat tidaklah ramai. Semenjak tahun 1970 cuma ada 3 orang sahaja yang dibayar elaun kecederaan di bawah tanggagaji Suffian/Aziz. Kes-kes pembayaran pencen tanggungan pula adalah dianggarkan seramai 10 hingga 15 kes sahaja tiap-tiap tahun. Walau bagaimanapun oleh kerana penerima-penerima pencen tanggungan atau elaun kecederaan ini juga adalah terlibat dalam urusan penghitungan semula pencen perkhidmatan maka adalah wajar kadar-kadar faedah yang diberikan kepada mereka juga diselaraskan iaitu sejajar dengan prinsip perubahan faktor pencen dari 1/800 ke 1/600 sebagaimana yang telah diputuskan oleh Tribunal Perkhidmatan Awam.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang yang dibentangkan kali ini adalah bertujuan untuk memanjangkan keputusan Tribunal Perkhidmatan Awam itu supaya meliputi semua kategori pesara dan orang-orang tanggungan yang dibayar pencen berdasarkan tanggagaji dan syarat-syarat perkhidmatan menurut Laporan Suffian dan Laporan Aziz.

Rang Undang-undang ini adalah meliputi semua pesara dan orang-orang tanggungan berkenaan yang dibayar pencen di bawah tiga ordinan yang berasingan iaitu Ordinan Pencen 1951 bagi Semenanjung, Ordinan Pencen 1963 bagi negeri Sabah dan Ordinan Pencen Cap. 89 bagi negeri Sarawak. Langkakah mewujudkan suatu rang undang-undang sahaja bagi meliputi ketiga-tiga Ordinan tersebut adalah lebih memudahkan, jika tidak maka terpaksa Kerajaan membuat pindaan-pindaan ke atas peruntukan-peruntukan yang terkandung bukan sahaja dalam Ordinan-ordinan tersebut tetapi juga dalam Peraturan-peraturan Pencen yang telah diwujudkan di bawah tiap-tiap Ordinan tersebut. Bagi pesara-pesara dari Angkatan Tentera, oleh kerana faedah-faedah pencen mereka dibayar secara berasingan di bawah Akta Angkatan Tentera maka pindaan-pindaan ke atas peruntukan undang-undang berkenaan tidaklah dimasukkan dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan ini kerana adalah difikirkan lebih baik kiranya dibuat pindaan-pindaan ke atas peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Peraturan-peraturan Pencen bagi Angkatan Tentera

sahaja. Ini mudah dibuat oleh Majlis Angkatan Tentera yang berkenaan sahaja dengan tidak payah lagi dikemukakan dalam Parlimen.

Perbelanjaan bagi melaksanakan keputusan yang dibuat oleh Tribunal Perkhidmatan Awam itu belumlah dapat dipastikan kerana perubahan dari segi jumlah pencen tiap-tiap bulan yang akan dinikmati oleh pesara-pesara dan orang-orang tanggungan berkenaan adalah berbeza-beza atas kadar antara 33.3% hingga 77.7% bergantung kepada panjang pendeknya tempoh perkhidmatan yang telah diambil kira untuk pencen bagi seseorang pesara itu. Walau bagaimanapun, mengikut anggaran yang dibuat oleh Akcuari Kerajaan keputusan Tribunal Perkhidmatan Awam itu akan melibatkan perbelanjaan untuk membayar tunggakan sebanyak \$90 juta dan perbelanjaan tambahan tiap-tiap tahun sebanyak \$7.5 juta. Angka-angka tersebut diperolehi setelah ditolak bayaran elaun pencen tambahan sebanyak 20% yang telah diterima oleh pesara-pesara dan orang-orang tanggungan berkenaan semenjak 1-7-77. Penglibatan perbelanjaan yang sebegitu banyak adalah berdasarkan tunggakan untuk tempoh antara 5 tahun hingga 11½ tahun bagi faedah pesara-pesara dan orang-orang tanggungan berkenaan yang jumlahnya tidak kurang daripada 26,000 orang.

Sebahagian besar daripada perbelanjaan itu adalah untuk mereka yang bersara di bawah tanggagaji Suffian mulai 1-1-70 hingga 31-12-75. Akan tetapi seperti yang telah saya terangkan terdahulu adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk melaksanakan sesuatu keputusan yang telah dibuat oleh Tribunal Perkhidmatan Awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk membuat peruntukan mengenai penghitungan semula pencen, ganjaran dan lain-lain faedah bagi pegawai-pegawai dalam perkhidmatan awam, yang tertakluk kepada gaji dan had serta syarat perkhidmatan berdasarkan syor-syor oleh Suruhanjaya Diraja Suffian dan Suruhanjaya Diraja Aziz, dan tanggungan mereka; dibaca kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Oleh sebab tidak ada Ahli-ahli Yang Berhormat hendak berbahas, maka saya kemukakan bagi diputuskan yang Rang Undang-undang ini dibaca kali kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 12 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari esok, Khamis, 3hb April, 1980.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.47 malam.